

"SALAH satu cara untuk memelihara rahmat supaya berpanjangan ialah dengan meluruskan dasar-dasar kita. Dalam pentadbiran kita mestilah jujur, efisien, adil dan bersih, juga terbuka dan sensitif dengan mengambil berat terhadap kepentingan-kepentingan umum." - Titah sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-53 Tahun pada 15 Julai, 1999.



قلست بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

"TELAH nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari akibat perbuatan mereka agar mereka kembali ke jalan yang benar." - Surah Ar-Ruum ayat 41.

TAHUN 45 BILANGAN 33 RABU 16 Ogos, 2000 / 1421 جمادي الأول، رابو 16

PERCUMA

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI : (02) 383941/(02) 383804 Faks : (02) 381004/(02) 380507

Pasukan Polis Diraja Brunei raikan Kebawah DYMM

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan berangkat ke Majlis Meraihan Hari Keputeraan baginda yang ke-54 tahun.

Majlis yang disembahkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei ini merupakan salah satu aturcara perayaan sempena menyambut ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri di perkarangan Dewan Assarraa dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Noor Ehsani serta kerabat diraja yang lain.

Sebaik sahaja keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri di dalam dewan tersebut, lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dikumandangkan dan seterusnya baginda berkenan pula menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai dan ahli-ahli pasukan polis.

Oleh Abu Bakar HAR

Kemuncak acara majlis malam itu ialah memotong kek Hari Keputeraan yang disempurnakan oleh baginda sendiri yang diikuti dengan lagu yang dinyanyikan oleh anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.

Acara malam itu telah diserikan lagi dengan beberapa persembahan kebudayaan dari dalam dan luar negeri.

Pasukan Polis Diraja Brunei merupakan sebuah agensi kerajaan yang terulung dan tertua di negara ini. Selama lebih tiga suku abad ditubuhkan Pasukan Polis Diraja Brunei telah mencatatkan sejarah penting bukan saja untuk negara malahan juga dalam dunia antarabangsa.

Pasukan Polis Diraja Brunei ialah sebuah organisasi penguatkuasa undang-undang yang berorientasikan 'ala tentera' sejak ditubuhkan pada 1 Januari, 1921 hingga ke hari ini, yang berperanan mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara.

Pada 23 September, 1965, Pasukan Polis Diraja Brunei dianugerahkan gelaran 'Diraja' oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan dari sejak itu pasukan tersebut dikenali dengan nama Pasukan Polis Diraja Brunei.

Sementara pada 14 Ogos, 1971, Pasukan Polis Diraja Brunei telah diberi penghormatan diraja apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menganugerahkan Panji-Panji Diraja kepada pasukan tersebut dan baginda sendiri telah berkenan menjadi Inspektor Jeneral.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis sekali lagi lagu kebangsaan dikumandangkan dan kemudiannya baginda berkenan menandatangani buku lawatan yang akan menjadi ristaan dan kenangan di masa akan datang.



MESRA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama beberapa orang pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei yang sama-sama hadir menyeroni Majlis Meraihan Hari Keputeraan Baginda Ke-54 Tahun yang disembahkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei. Majlis berlangsung di Dewan Assarraa. Kelihatan mengiringi baginda di majlis itu ialah Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub.

Pelihara minda anak bangsa dari unsur asing : Pimpin belia dengan Al-Quran - sabda

BERAKAS, 14 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bersabda, para belia perlu diberikan penumpuan mengenai ajaran Al-Quran kerana merupakan aset yang paling berharga sebagai nadi penyambung yang bakal menggerakkan pembinaan negara di masa depan.

Bersabda merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini, Duli Yang Teramat Mulia menjelaskan, imej belia lepas bebas tanpa panduan ajaran agama dapat disaksikan di pelbagai negara.

Justeru itu, kita sabda Duli Yang Teramat Mulia, merasa khuatir gejala buruk itu meresapi ke negara kita dan boleh memberi kesan negatif terhadap keharmonian masyarakat.

"Kewajipan kita semua ialah memimpin dan mendidik para belia, para remaja agar mereka tidak terpesong daripada ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya bahkan, biarlah mereka mendalami ajaran-ajaran yang sejati dan menghayatinya dengan sempurna hingga terpelihara minda anak bangsa kita dari unsur-unsur asing yang boleh merosakkan mereka," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Selanjutnya, Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda bahawa kita amat mustahak mendidik dan meninggalkan generasi dan anak-anak yang salih, kerana menurut ajaran Islam anak yang salih itu membawa berkat kepada orang tuanya, membawa rahmat apabila orang tuanya itu meninggal dunia.

Oleh Haji Ahat HI

"Mereka itulah yang kita harapkan menyambung penat lelah kita membina negara dan membentuk masyarakat serta meneruskan cita-cita kita bagi menegakkan dan mempertahankan negara yang makmur dan aman berlandaskan kitab suci Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Menyentuh mengenai pertandingan membaca Al-Quran, Duli Yang Teramat Mulia bersabda menjelaskan, kejayaan demi kejayaan yang dicapai itu hendaklah menjadi landasan bagi memperbaiki kelemahan diri, meningkatkan mutu bacaan, menggali pengalaman, mempelajari sesuatu yang baru dan sama-sama memulihkan Al-Quran.

"Apa yang lebih penting ialah supaya keindahan bacaan yang menjadi halwa telinga dapat memberi sentuhan keinsafan dan ketakwaan pada setiap jiwa yang mendengarnya," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Pengajaran yang terdapat dalam Al-Quran, jelas Duli Yang Teramat Mulia menjadi panduan kita dalam mengukuhkan jati diri sebagai orang Islam yang tulen, unggul dan ideal, dan dalam memelihara agama dan manusia demi mengekalkan ketahanan sesebuah negara dan keharmonian masyarakat.

Perutusan tahniah sempena Hari Pembebasan R. Korea

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Kim Dae-Jung, Presiden Republik Korea bersempena dengan ulang tahun Hari Pembebasan Republik Korea.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Korea.

Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap semoga Tuan Yang Terutama Tuan Kim Dae-Jung, Presiden Republik Korea sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Korea akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.



PELITA BRUNEI
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

16 OGOS, 2000 BERSAMAAN 1421 16 جمادى الأول

Dari Sidang Pengarang

دغن نام الله يغمها
قموره دان مها قبايغ

PENYALAHGUNAAN DADAH : KERJASAMA BERSEPADU PERLU

SERAMAI 558 orang telah ditangkap sepanjang tahun 1999 berkaitan dengan akta dadah. Mengikut statistik Biro Kawalan Narkotik, dari jumlah tersebut, 510 orang terdiri dari kaum lelaki dan 48 orang perempuan. Dari perangkaan itu juga menunjukkan, seramai 226 orang penganggur, 164 orang pekerja dan 33 orang adalah pelajar sekolah.

Dan baru-baru ini, Biro Kawalan Narkotik mendapati, pelajar-pelajar yang berumur di bawah 12 tahun telah berani menjerumuskan diri untuk menjadi pembantu kepada pengedar-pengedar dadah di sekolah-sekolah di negara ini. Perangkaan mengenai penyalahgunaan dadah juga meningkat sejak tahun 1988 dan sehingga tahun 1999 terdapat seramai lebih 30 orang penuntut telah ditangkap.

Dari perangkaan rasmi itu, penyalahgunaan dadah di negara ini semakin menjadi-jadi dan terus bermaharajalela. Saban hari, ada saja tangkapan dan penggeledahan dibuat terhadap penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah seperti yang tersiar di dada-dada akhbar, radio dan televisyen. Dan apa yang menyedihkan dan membimbangkan, penyalahgunaan dadah ini melibatkan sebahagian besarnya rakyat tempatan terutama sekali para belia dan remaja di bangku sekolah termasuk remaja wanita.

Sungguhpun kerajaan telah memperuntukkan hukuman lebih berat iaitu hukuman mati mandatori, namun hakikatnya, fenomena penyalahgunaan dadah semakin berleluasa. Gejala sedemikian, kalau tidak dibanteras akan mengancam keselamatan dan kestabilan negara serta keharmonian bangsa dan negara. Dan yang paling parah lagi, ianya menghancurkan kehidupan generasi muda kita yang menjadi 'permata' yang sangat berharga dalam meneruskan kesinambungan pembangunan negara.

Masanya sudah tiba, bagi semua pihak, bersatu padu dan tenaga bagi menangani dan membanteras penyalahgunaan dadah ini. Kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh menanganinya. Kempen-kempen, forum-forum, ceramah-ceramah, sudah diadakan di sana sini dan seluruh pelusuk tanah air. Beribu-ribu buku, risalah, poster dan bahan-bahan sudah diterbitkan dan diedarkan bagi menyedarkan masyarakat dan orang ramai. Tidak cukup dengan itu, kerajaan mengetatkan akta dan undang-undang berkaitan dengan dadah, namun masih ramai yang terperangkap ke dalam dunia dadah dan ramai yang menderita, musnah kerana dadah. Masalah dadah juga turut menjejaskan keharmonian berkeluarga, masyarakat dan negara. Gejala-gejala sosial dan jenayah semakin meningkat dan merebak.

Apakah kita sanggup menyaksikan drama yang menyayat hati seumpama itu dengan berkeluk tubuh tanpa berbuat sesuatu? Apakah kita ingin melihat dan menyaksikan belia dan remaja kita runtuh dan hanyut dibuai dadah yang durjana itu? Dan apakah kita ingin menonton kehidupan masyarakat, bangsa dan negara kita porak-peranda disebabkan oleh dadah? Yang pasti jawapannya, kita tidak rela sama sekali dan membiarkan generasi muda kita menjadi hamba dadah dan bertuanan dadah. Kita juga tidak rela untuk membiarkan negara kita, yang bertuah ini, menjadi medan dan pusat pengedaran dadah.

Justeru itu, kerjasama semua pihak perlu, terutama sekali pihak sekolah atau maktab dalam menyalurkan maklumat perlu dipertingkatkan, kerana masih terdapat pihak-pihak berkenaan tidak berani tampil untuk menyalurkan maklumat mengenai kegiatan penyalahgunaan dadah di kalangan penuntut-penuntut sekolah, sekalipun perkara itu penting dalam membantu kerajaan menangani gejala sosial di kalangan penuntut.

Setiap individu dan masyarakat berperanan sama dalam memerangi dadah. Ibu bapa penting memantau pergerakan anak-anak mereka, masyarakat kampung dan bandar juga berperanan dalam mengalinga dan memerhatikan kelibat anak-anak kampung terutama sekali golongan remaja dan belia-belia di bawah umur, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung juga memikul tanggungjawab yang sama dalam mengawasi dan memata-matai anak-anak buah mereka agar tidak terpengaruh dengan gejala dadah.

Pendek kata, semua pihak mempunyai tanggungjawab. Kerjasama bersepadu amatlah mustahak ditingkatkan dan janganlah hanya menyerahkan tanggungjawab tersebut bulat-bulat dan 'dilumpukkan' kepada pihak kerajaan untuk pencegahan dan pembasmiannya. Yang nyata, kita dan bumi Brunei adalah anti dadah dan apa-apa jua gejala jenayah dan sosial yang cuba mengancam dan memporak-perandakan kestabilan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan negara yang kita nikmati selama ini.

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan hidayah dan izin-Nya jua, maka kita dapat berkumpul di majlis yang permai pada petang ini, iaitu Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Kanak-kanak Sihat anjuran Jawatankuasa Peraduan Kanak-kanak Sihat, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta para sahabat, kaum kerabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia hingga ke akhir zaman.

Memberikan tumpuan ke atas penjagaan kesihatan kanak-kanak adalah satu tugas dan tanggungjawab yang perlu tidak diabaikan oleh ibu bapa dan penjaga kanak-kanak. Ianya adalah merupakan sebagai satu tanggungjawab yang berterusan yang bermula dari peringkat kanak-kanak masih dalam kandungan, selepas dilahirkan sehingga mereka menjadi dewasa.

Ibu-ibu dan penjaga kanak-kanak perlu mempunyai kefahaman dan pengetahuan yang terkini tentang cara penjagaan kanak-kanak damit, lebih-lebih lagi tentang masalah yang berkaitan dengan penyakit dan kesihatan kanak-kanak.

Sebagai contoh mereka perlu ambil tahu mengenai dengan penyakit-penyakit yang sering menjangkiti anak-anak damit dan cara-cara penjagaan yang diperlukan.

Dalam waktu yang sama, sebagai persediaan pencegahan anak-anak damit dan anak-anak yang sudah membesar daripada dijangkiti sebarang wabak kuman dan virus, ibu-ibu dan penjaga kanak-kanak perlu mengikut maklumat kesihatan dan perubahan melalui media massa dan elektronik termasuk Internet mengenai sebarang wabak penyakit yang melanda kesihatan kanak-kanak. Dengan cara demikian mereka dapat menghindari sebarang jangkitan dan dapat menjagakan rawatan-rawatan yang diperlukan.

Sebagai ibu bapa, tugas kita dalam mengasuh kanak-kanak bukanlah semata-mata tertumpu kepada aspek kesihatan, akan tetapi merangkumi aspek kasih sa-

Berikan kasih sayang secara berterusan - sabda

yang yang diberikan secara berterusan.

Walaupun secara semula jadi ibu bapa memberikan kasih sayang kepada anak-anak mereka, akan tetapi tanpa disedari, belaian kasih sayang dalam bentuk belaian dan ciuman sewaktu berinteraksi dengan anak-anak terhenti apabila anak-anak membesar dan menjangkau umur beberapa tahun.

Interaksi yang disertai dengan belaian, pelukan dan ciuman di antara anak-anak dengan ibu bapa perlu diteruskan sehingga kanak-kanak mencapai umur dewasa kerana dengan cara ini anak-anak akan dapat me-

rasakan betapa kasihnya ibu bapa terhadap mereka.

Dalam waktu yang sama, ibu bapa yang mencurahkan kasih sayang secara jelas dengan anak-anak dari peringkat awal usia akan dapat merangsang anak-anak mereka ke arah perkembangan yang sihat.

Di samping itu, anak-anak yang diasuh dengan kasih sayang biasanya didapati menilai diri mereka dengan lebih positif dan mempunyai harga diri yang tinggi yang dapat mendorong mereka memprolehi kejayaan yang cemerlang dan mempunyai keyakinan dalam menghadapi kehidupan.

IBU-IBU dan penjaga kanak-kanak perlu mempunyai kefahaman dan pengetahuan yang terkini tentang cara penjagaan kanak-kanak damit, lebih-lebih lagi tentang masalah yang berkaitan dengan penyakit dan kesihatan kanak-kanak.



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abdul Aziz di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Kanak-kanak Sihat sempena Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 4 Ogos, 2000.

Saya penuh yakin, apabila ibu bapa dan masyarakat pada umumnya di Negara Brunei Darussalam dapat memberikan tumpuan sepenuhnya dalam penjagaan kesihatan kanak-kanak dan memberikan belaian kasih sayang yang berterusan, kita akan dapat mewujudkan generasi yang sihat, penuh bertanggungjawab dan mempunyai keyakinan dan kecemerlangan diri. Insya-Allah, kita juga akan dapat mengatasi gejala-gejala sosial di kalangan belia dan remaja secara berterusan.

Buat mengakhiri ucapan ini, marilah kita sama-sama renungkan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan kita bersama yang berbunyi : "Berbuat baiklah kepada anak-anakmu dan berilah pelajaran yang sempurna kepada mereka."

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu-alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD menerima kunjungan muhibah

Oleh Haji Ahat HI

JERUDONG, 9 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah menerima kunjungan muhibah Pesuruhjaya Tinggi India ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Dinesh Kumar Jain di Darul Afiyah di sini.

Semasa dalam kunjungan itu, Tuan Yang Terutama menyampaikan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia, hasrat India menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia pada tahun 2006.

Selain India, Malaysia, Qatar dan Hong Kong juga bersaing untuk menjadi tuan rumah temasya empat tahun

sekali itu.

Dalam sabda balas, Duli Yang Teramat Mulia mengambil maklum mengenai hasrat tersebut dan memerlukan India supaya memberikan maklumat terperinci sebelum dipertimbangkan.

Hadir semasa kunjungan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain selaku Timbalan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan dan Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith, selaku Naib Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ketika mempengerusikan Mesyuarat Bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan. Majlis berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Halim HS.

Kenal pasti kemerosotan atlit negara

Brunei sepatutnya melangkah lebih maju

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS, 8 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bersabda, kejayaan yang cemerlang dalam meng-

endalikan Sukan Asia Tenggara Ke-20 (SEA Games) tahun lepas, sewajarnya Negara Brunei Darussalam dapat melangkah lebih maju ke hadapan dalam pelaksanaan dan penyertaan di beberapa sukan peringkat serantau dan antarabangsa.

Berdasarkan pengamatan Duli Yang Teramat Mulia, pencapaian pasukan dan atlit negara ternampak menurun dari pertandingan-pertandingan yang disertai sama ada dalam negeri dan luar negeri.

Perkara itu disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia yang juga selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Mesyuarat Bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Persatuan-persatuan Sukan

Kebangsaan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, sebab pencapaian yang menurun ini mestilah diketahui dan dikenal pasti supaya satu 'pendekatan' yang berkesan untuk menyelesaikan masalah tersebut dapat dilaksanakan oleh semua pihak yang bertanggungjawab.

"Penilaian semula mestilah dibuat ke atas semua aspek pentadbiran, perancangan, kemudahan latihan dan kewangan kerana saya kira perkara ini adalah sebagai 'components' terpenting dalam melaksanakan ke arah kejayaan dan kecemerlangan sukan di negara ini," sabdanya.

Duli Yang Teramat Mulia

seterusnya bersabda, pencapaian cemerlang tidaklah begitu mudah tanpa ada 'total commitment' dari pihak yang bertanggungjawab termasuk atlit itu sendiri.

Ke arah itu, tegas Duli Yang Teramat Mulia, persatuan hendaklah membuat perancangan yang teratur bagi jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang.

Duli Yang Teramat Mulia yang mempengerusikan mesyuarat itu juga menyuarakan mengenai persediaan pasukan dan atlit negara dalam menghadapi beberapa sukan termasuk Sukan SEA Ke-21 di Kuala Lumpur tahun depan, Sukan Asia Ke-14 di Pusan, Korea 2002 dan Sukan Komanwel Ke-17 di Manchester, United Kingdom 2002.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ketika menerima kunjungan muhibah Pesuruhjaya Tinggi India ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Dinesh Kumar Jain, di Darul Afiyah. - Gambar oleh Harun HR.

Ditetapkan jawatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei telah mengurniakan titah perkenan bagi pegawai-pegawai berikut:

Dayangku Hajjah Mastoli binti Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail, Pemangku Pengarah Peperiksaan di Kementerian Pendidikan, ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pengarah Peperiksaan di Kementerian Pendidikan mulai 1 Jamadilawal, 1421/1 Ogos, 2000.

Dayang Hajjah Sarinah binti Haji Umar, Timbalan Pengarah Kemajuan Perumahan di Jabatan Kemajuan Perumahan ditukar ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas mulai 7 Jamadilawal, 1421/7 Ogos, 2000.

Perubahan minda serta sikap perlu

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 8 Ogos. - Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 mencerminkan usaha berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang positif ke arah menghadapi cabaran dan jangkaan globalisasi supaya perkhidmatan awam dapat berfungsi dengan cekap, berkualiti dan berkesan mengikut zaman.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri, Dr. Awang Haji Serudin Dato Setiawan Haji Tinggal berucap demikian di Sesi Taklimat Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Mawar, Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan di sini.

Dr. Awang Haji Serudin berkata, dalam menghadapi perkembangan dan kesan globalisasi serta cabarannya, perubahan minda serta sikap perlu diberikan perhatian bagi membangkitkan sebuah perkhidmatan awam yang berupaya memainkan peranan yang semakin meluas serta mencabar.

Katanya, pencapaian matlamat dan objektif

Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 berkehendakkan kerjasama, penyelarasan, rasa tanggungjawab dan komitmen dari semua lapisan perkhidmatan awam.

Beliau berharap Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 itu akan dapat direalisasikan, disebarluaskan dan dijadikan sumber rujukan dan asas panduan dalam melahirkan perkhidmatan awam yang cemerlang serta diredai Allah Subhanahu Wataala.

Taklimat tersebut juga mendedahkan matlamat, peranan, wawasan, fokus dan strategi Perkhidmatan Awam Abad Ke-21. Ianya dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, penghulu, ketua-ketua kampung dan pegawai-pegawai kerajaan Daerah Belait.

Taklimat bertujuan untuk memberikan tuju arah dan fokus serta menyatukan usaha-usaha yang telah, sedang dan akan diusahakannya oleh perkhidmatan awam bagi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Taklimat serupa akan diadakan di Daerah Tutong dan Daerah Brunei dan Muara minggu depan.

MESRA APEC SIRI KE-7

BERAKAS. - Lebih kurang 300 pegawai dan kakitangan kerajaan di Daerah Tutong akan menghadiri Taklimat Muhibah Penerangan Tahun 2000 Kali Ke-7 bertemakan 'Mesra APEC 2000 dan Tahun Melawat Brunei 2001' (VBY 2001) bertujuan untuk mengimbu dan memberigakan maklumat yang jelas kepada mereka.

Taklimat tersebut akan diadakan pada hari Khamis, 17 Ogos, 2000 bertempat di Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong bermula 8.00 pagi.

Majlis akan bermula dengan kata alu-aluan oleh Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin yang juga selaku pengerusi taklimat.

Setelah itu, para peserta akan diberikan taklimat bertajuk 'APEC 2000' yang akan disampaikan oleh Pengiran Haji Mohd. Azlan bin Pengiran Omar Tengah, Pegawai Penyelidik di Sekretariat Kebangsaan APEC, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sementara itu taklimat mengenai 'Tahun Melawat Brunei 2001 dan Kemajuan Pelancongan di Negara Brunei Darussalam' pula akan disampaikan oleh wakil Bahagian Promosi Perindustrian dan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengurniakan bintang-bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 218 orang penerima. Berangkat sama di istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah (kanan). Sementara gambar kiri, baginda berkenan mengurniakan bintang kepada beberapa orang penerima yang terdiri daripada anggota ABDB.

Pengurniaan bintang-bintang kebesaran NBD



Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar
PHO dan Harun HR

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B) kepada Awang Haji Mustafa bin Haji Abdul Rahman (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla berkenan mengurniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga kepada Awang Gerald Anthony Ashcroft.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla berkenan mengurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Keempat (S.U.B) kepada beberapa orang pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla berkenan mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B) kepada beberapa orang anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulla Darjah Ketiga (S.M.B) kepada beberapa orang pegawai kanan kerajaan (atas). Sementara gambar kiri, bacaan doa selamat bagi memberkati Istiadat Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam telah dibacakan oleh Yang Dimullakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam yang juga Penaung Bersama Persatuan Membasmi Dadah BASMIDA, berkenan bergambar ramai bersama Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan pegawai-pegawai Biro Kawalan Narkotik sempena keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke BKN.

DYTM berangkat ke Ibu Pejabat BKN

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan berangkat ke Ibu Pejabat Biro Kawalan Narkotik di Jalan Tungku di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah; Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN) Awang Haji Momin bin Shawal serta pegawai-pegawai kanan BKN.

Pada majlis itu Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan mendengar sembah taklimat mengenai sejarah penubuhan BKN, struktur organisasi BKN, keadaan pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini, strategi kawalan dan pencegahan, kerjasama dengan agensi-agensi berkenaan dan negara-negara jiran serta pemimpin-pemimpin masyarakat yang disembahkan oleh Pengarah BKN.

Awang Haji Momin dalam sembah taklimatnya juga berkata, sejak ditubuhkan pada 1 Oktober 1988, BKN berperanan sebagai agensi utama penguatkuasaan undang-undang dadah dan bahan-bahan yang mengkhayalkan.

Pengarah BKN seterusnya menjelaskan, bahawa langkah pelaksanaan terus dikemaskinikan begitu juga dengan status akta pendakwaan akan digubal setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Terdahulu dalam sembah alu-aluannya, Pengarah BKN antara lain menyifatkan keberangkatan

Duli Yang Teramat Mulia itu menggambarkan kepribaitan terhadap masalah penyalahgunaan dadah yang banyak merosakkan keharmonian penghidupan rakyat dan penduduk di negara ini.

Menurut Awang Haji Momin, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan tidak terkendur berusaha untuk memastikan rakyat dan penduduk negara ini menikmati suasana kehidupan aman damai, penuh kesejahteraan serta bebas dari masalah akibat gejala penyalah-

Liputan Sahari Akim.
Gambar-gambar oleh Harun HR, Ramli Tengah dan Abdullah HAD

gunaan dadah.

Duli Yang Teramat Mulia di majlis itu juga berkenan menerima pesambah dan seterusnya menyaksikan pameran serta melawat ke Cawangan Pengawasan, Cawangan Bimbingan Kemasyarakatan dan Pendidikan Pencegahan Dadah, Cawangan Pelaksana dan Risiko, Cawangan Pentadbiran, Cawangan Penyelidikan, Gerak Khas, tempat tahanan dan padang tembak.

Dalam keberangkatan ke cawangan-cawangan itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan meninjau lebih dekat lagi usaha-usaha BKN dari segi kawalan dan pencegahan juga dalam memberikan pendidikan ke arah meningkatkan kesedaran awam terhadap gejala penyalahgunaan dadah.

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam adalah Penaung Bersama Persatuan Membasmi Dadah BASMIDA.

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima junjung ziarah para pegawai Biro Kawalan Narkotik sebelum mengakhiri lawatan ke ibu pejabat tersebut (atas). Sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku lawatan sempena keberangkatan ke biro tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima penerangan ringkas mengenai dengan risalah-risalah kempen membasmi dadah yang diterbitkan oleh Biro Kawalan Narkotik dari seorang pegawai kanan biro tersebut (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima penerangan ringkas serta melihat data-data penangkapan yang dilakukan oleh Biro Kawalan Narkotik dari Pengarah biro tersebut, Awang Haji Momin bin Shawal (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia menerima penerangan ringkas mengenai contoh-contoh dadah dan sebagainya yang disalahgunakan oleh pesalah-pesalah dadah.



PENGARAH Unit Petroleum Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Ahmad menerima cenderamata daripada Pengerusi TASAMUL, Awang Haji Abd. Kassim semasa merasmikan Stesen Minyak TASAMUL milik Koperasi Serbaguna Mukim Lumapas Berhad (TASAMUL). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Utamakan keselamatan orang ramai, pelanggan

KAMPONG LUMAPAS, 4 Ogos. - Pengusaha-pengusaha stesen minyak kenderaan dan motor sangkut di negara ini diseru supaya mengutamakan keselamatan orang ramai dan pelanggan-pelanggan yang berurusan niaga di stesen minyak mereka masing-masing.

Ini kerana stesen minyak sekarang bukan hanya digunakan untuk menjual bahan api dan pelincir, bahkan mengadakan ruang-ruang dalam bangunannya untuk dijadikan pasar mini dan ada juga rancangan untuk mengadakan kedai dobi dan perkhidmatan gunting rambut.

Seruan ini dibuat oleh Pengarah Unit Petroleum Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim ketika membuka rasmi Stesen Minyak TASAMUL milik Koperasi Serbaguna Mukim Lumapas Berhad (TASAMUL) hari ini.

Beliau juga menyeru pihak-pihak yang merancang untuk membina stesen minyak seperti ini, termasuk pihak perunding dan arkitek malah kepada pihak Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP).

Untuk membuat penilaian dan penelitian yang mendalam agar sebarang rancangan bagi membina stesen minyak itu akan menjamin keselamatan para pengguna dan pengunjung ke stesen tersebut.

"Isu keselamatan yang disebutkan bukan saja dikaitkan kepada stesen-stesen minyak di darat malah juga perlu dilibatkan kepada stesen-stesen minyak dibina di perairan khususnya di Sungai Brunei," tegasnya.

"Adalah difahami sebilangan besar stesen-stesen minyak yang terdapat di perairan Sungai Brunei belum mempunyai lesen rampaian yang sah bagi membolehkan bangunan-bangunan itu beroperasi sebagai

Oleh Abdullah Asgar

stesen-stesen minyak. Ini kerana stesen-stesen tersebut belum lagi memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan sebagai stesen minyak yang selamat," tambah Dato Paduka lagi.

Selain itu, menurutnya, bagi menjamin sokongan yang sentiasa ada dan berterusan dari pelanggan mana-mana stesen minyak termasuk Stesen Minyak TASAMUL mestilah bersedia untuk memberi layanan yang baik kepada para pelanggan.

Untuk itu, katanya, pengusaha dan pemilik stesen-stesen minyak harus memberi keutamaan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan bagi bekerja di stesen-stesen mereka.

"Adalah penting bagi pengusaha dan pemilik stesen-stesen minyak untuk memastikan kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk para pengguna seperti meter tekanan udara dan pam angin berfungsi dengan baik. Tidak ketinggalan juga kepentingan bagi menjaga tahap kebersihan kawasan stesen minyak di mana semuanya ini akan memberi kepuasan kepada pelanggan," jelas beliau selanjutnya.

Katanya lagi, adalah perlu diberikan bagi menyediakan penyata akaun yang tersusun,

para pengusaha dan pemilik stesen minyak tidak alpa dari menyediakan penyata-penyata 'book keeping' yang teratur dalam mana rekod keluar masuk perbelanjaan dan pendapatan mestilah sentiasa dikemaskini untuk mengelakkan dari timbulnya masalah kewangan di dalam operasi sesebuah stesen minyak itu.

Stesen Minyak TASAMUL adalah satu-satunya yang dibina di Mukim Lumapas selain sebuah yang ada di mukim yang jauh di Jalan Kampong Masin.

Stesen Minyak TASAMUL dibina dengan perbelanjaan kira-kira 1.4 juta ringgit di atas 0.404 hektar tanah yang bermula sejak bulan Disember, 1998 dan siap pembinaannya dalam bulan Mei tahun ini.

Ita akan beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 10 malam setiap hari dengan menggunakan tenaga syif terdiri daripada anak-anak tempatan selain menjual bahan api seperti gasoline, diesel, minyak pelincir dan kedia mini. Stesen ini juga mengadakan khidmat servis kenderaan ringan dan sedikit masa lagi akan menjual minyak regular sebagai jualan tambahan.

Di samping itu, stesen tersebut juga menjual basikal gunung, kedai kopi, kaunter memproses gambar, dan kemudahan-kemudahan awam yang lain.



PENGARAH Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Ahmad ketika hadir merasmikan Stesen Minyak TASAMUL. Juga hadir di majlis itu ialah Pengarah Korporat Syarikat Minyak Brunei Shell, Dato Paduka Dr. Awang Haji Sunny; Pegawai Daerah Brunei dan Muara dan pegawai-pegawai kanan yang lain. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Masyarakat perlu daulatkan undang-undang

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 5 Ogos. - Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim berharap agar masyarakat di negara ini mengetahui dan memahami ajaran agama Islam bagi menyalurkan undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan dengan agama Islam dengan kegiatan harian hidup di dalam negara dan masyarakat.

Berucap semasa merasmikan Seminar Kefahaman Islam untuk masyarakat Tionghoa bagi Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka juga menyentuh mengenai keunikan agama Islam yang di dalamnya mengandungi panduan hidup yang lengkap dan menyeluruh.

"Agama Islam adalah panduan hidup yang lengkap dan menyeluruh yang meliputi semua aspek kehidupan, baik yang berbentuk politik, ekonomi, sosial, pendidikan, kesihatan, disiplin diri dan sebagainya dari perkara yang sekecil-kecilnya hinggalah sebesar-besarnya," jelasnya lagi.

Bagaimanapun di majlis ini, beliau melahirkan rasa dukacita terhadap wujudnya segelintir masyarakat yang tidak menghiraukan undang-undang dan peraturan-peraturan kerajaan.

"Contohnya dalam perniagaan ada yang berniaga tanpa lesen, berniaga melebihi dari had masa yang dibenarkan, menyalahgunakan tempat berniaga untuk berjudi dan memasang papan-papan tanda dan kain rentang yang tidak mengikut peraturan dan tanpa kebenaran," terangnya melahirkan kekesalan.

Dalam kesempatan ini, Dato Paduka mengingatkan selaku rakyat dan penduduk yang taat setia kepada raja dan kerajaan, semua pihak perlu sama-sama mendaulatkan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pemimpin kita dan menegurnya mereka yang menyalahi undang-undang dan peraturan supaya mereka sedar dan memberhentikan ketelanjuran masing-masing.

Lebih 100 orang masyarakat Tionghoa menghadiri seminar sehari yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah di sini.

Ianya dikendalikan oleh Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan antaranya bertujuan untuk memberi peluang kepada para peserta mengenal ajaran Islam dari sumber yang betul dan supaya mereka lebih prihatin ke atas isu-isu semasa mengenai agama Islam dan membuka ruang minda masyarakat yang bukan beragama Islam.

Seminar itu merupakan kesinambungan dari usaha-usaha dakwah yang telah dijalankan sebelumnya dan paling akhir seminar yang serupa telah diadakan pada tahun 1999.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani (lima dari kanan) ketika hadir merasmikan Seminar Kefahaman Islam untuk masyarakat Tionghoa bagi Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Dihadapkan ke Mahkamah, elak cukai

KUALA BELAIT, 4 Ogos. - Seorang lelaki Cina warga asing dihadapkan ke Mahkamah Magistret Bandar Seri Begawan hari ni kerana mengelak daripada membayar cukai kastam terhadap barangan yang dibawanya ke negara ini bernilai \$37,152.14.

Hii Bee Hung berusia 22 tahun memandu kenderaan jenis Proton Wira ditahan oleh Unit Pencegah Kastam Kuala Belait jam 10.50 malam semalam di kawasan selepas Tol Pembayaran Jambatan Rasau.

Beliau didapati membawa masuk 3,374 buah jam tangan pelbagai jenama, 548 unit alat ganti jam, 2,464 utas tali jam dan 287 butir bateri jam untuk dijual di Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Limbang.

Barangan tersebut didapati di dalam lapan buah beg, sembilan

Oleh Dk. Hajjah Saidah PHOA

plastik hitam, sebuah kotak besar dan 10 kotak kecil disimpannya di dalam kenderaan berkenaan.

Menurut Unit Pencegah Kastam, Hii Bee Hung merupakan orang yang terakhir memasuki negara ini melalui Pos Kawalan Sungai Tujoh. Dia ditahan oleh unit tersebut sebaik sahaja dia membayar Tol Rasau. Semua barangan tersebut dan kenderaannya dirampas oleh pihak kastam.

Unit tersebut juga menyatakan kejadian tersebut merupakan pertama kali berlaku di negara ini.

Buku 'Brunei Cloud Atlas' akan diterbitkan

BERAKAS, 3 Ogos. - Majlis Penyampaian Hadiah-hadiah bagi Peraduan Fotografi Sempena 50 Tahun Pertubuhan Kajiucua Sedunia 2000 dan juga sempena 30 Tahun Perkhidmatan Kajiucua Brunei berlangsung di Bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Penyampaian hadiah-hadiah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah. Lebih 100 jurugambar menyertai peraduan yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori Jurufoto Tempatan dan kategori Jurufoto Penuntut.

Bagi kategori Jurufoto Tempatan dimenangi oleh Awang Ismadi bin Haji Timbang, sementara Awang Alwi bin Haji Anjah @ Amzah memenangi kategori Jurufoto Penuntut. Pemenang pertama ini masing-masing menerima hadiah berupa tiket penerbangan pergi balik ke Kuching.

Pemenang kedua dalam kategori Jurufoto Tempatan dan Jurufoto Penuntut masing-masing dimenangi oleh Awang Ha-

Oleh Siti Muslihat HS

madi Mohammad dan Mohd. Faizal bin Haji Mohd. Yusoff, sementara Haji Rosli bin Haji Buntar dan Mathew Bruce Johnson masing-masing mendapat tempat ketiga dalam Kategori Jurufoto Tempatan dan Jurufoto Penuntut.

Pameran yang diadakan di kawasan lapang Dewan Berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa, Brunei dibukakan kepada orang ramai sehingga 30 Ogos ini. Di waktu yang sama, penganjur pameran iaitu Jabatan Penerbangan Awam juga mengadakan Kuiz Meneka Foto yang dibukakan sehingga 10 Ogos.

Peraduan fotografi ini dihasratkan untuk menegakkan kebolehan dalam bidang 'still photography' yang mana para jurugambar dapat merakamkan subjek-subjek mengenai fenomena-fenomena cuaca melalui kaca kamera masing-masing.

Di samping itu, peraduan juga bertujuan untuk memberi

kefahaman mengenai peristiwanya cuaca kepada pembangunan dan impak sosio-ekonomi negara seperti pembangunan, perindustrian, pelancongan, pertanian dan sebagainya.

Dalam hubungan ini, Jabatan Penerbangan Awam melalui Perkhidmatan Kajiucua berhasrat untuk menerbitkan satu buku berupa atlas yang berjudul 'Brunei Cloud Atlas' yang memuatkan gambar-gambar yang terpilih dalam peraduan ini.

Di majlis itu, tetamu kehormat juga dibawa menyaksikan lebih dekat gambar-gambar yang dipamerkan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah menyaksikan pameran fotografi yang dirakamkan oleh jurugambar tempatan sempena 50 Tahun Pertubuhan Kajiucua Sedunia 2000 dan juga sempena 30 Tahun Perkhidmatan Kajiucua Brunei. - Gambar oleh Ramli Tengah.



DATO Paduka Awang Haji Abdullah menyampaikan hadiah pertama Peraduan Fotografi bagi kategori Jurufoto Penuntut kepada Awang Alwi bin Dr. Haji Anjah @ Amzah (kiri) dan kepada pemenang pertama bagi kategori Jurufoto Tempatan kepada Awang Ismadi bin Haji Timbang (kanan).



PEMANGKU Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Dayang Hajjah Rusni binti Haji Tungkut ketika berucap merasmikan Ekspo Pameran Pengguna Antarabangsa, iaitu Visi Wanita 2000. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Ekspo Visi Wanita 2000

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Ogos. - Usaha mengembangkan perusahaan kecil dan sederhana kepada anak-anak tempatan terutama kepada golongan wanita merupakan langkah yang bijak sesuai dengan hasrat negara terutama dalam hal-hal perusahaan dan perniagaan.

Apatah lagi jika usaha yang diupayakan oleh golongan wanita tersebut dikembangkannya dengan menjalankan rangkaian yang lebih luas dengan rakan-rakan niaga di luar negeri yang dulunya dikuasai oleh golongan lelaki.

Sebagai bukti kepada langkah yang diusahakan itu satu Ekspo Pameran Pengguna Antarabangsa atau lebih dikenali Visi Wanita 2000 telah diadakan di Bangunan Pusat Perdagangan Bumiputera yang di-

kendalikan oleh FSAA Enterprise.

Hadir merasmikan pelancaran ekspo tersebut yang berlangsung di Rumah Persinggahan Kerajaan ialah Pemangku Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Dayang Hajjah Rusni binti Haji Tungkut.

Dari Rumah Persinggahan Kerajaan, Pemangku Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi beredar ke Bangunan Pusat Perdagangan Bumiputera bagi menyaksikan barang-barang yang dipamerkan.

Selain pengusaha-pengusaha tempatan, turut mempamerkan barangan mereka termasuklah pengusaha-pengusaha dari Republik Rakyat China, Syria, Pakistan, Mesir, India dan negara-negara ASEAN.

Peserta negara dipilih peserta terbaik

BERAKAS, 2 Ogos. - Peserta negara, Dayang Marzalenie binti Haji Omar berjaya dipilih sebagai Pengucap Terbaik (Best Speaker) di Pesta Sains Belia APEC Kali Ke-2 di Republik Singapura, baru-baru ini.

Beliau ketika ditemui melahirkan rasa gembira kerana usaha gigihnya sebagai 'speaker' di pesta itu telah memberi pulangan yang dapat mengangkat nama Negara Brunei Darussalam.

"Kelancaran dan bersuara lantang telah berjaya mengambil perhatian 'audience' sehingga dipilih menjadi pengucap terbaik," jelasnya sejurus ketibaan rombongan delegasi negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Negara Brunei Darussalam telah menghantar 22 penuntut dibahagikan kepada lima kumpulan yang membawa tajuk masing-masing.

Selain mengadakan pameran sains, ahli rombongan juga membuat persembahan budaya Brunei yang memperagakan lakonan Lumut Lunting dan mengadakan pertukaran kawan baru yang memberi kesan yang baik kepada peserta. Para peserta juga menyertai rombongan mengadakan lawatan ke beberapa institusi pendidikan di republik berkenaan.

Ketua delegasi, Awang Mohd.

Aliddin bin Abdul Ghani berkata, peserta dari Negara Brunei Darussalam pada lima tajuk pameran keseluruhannya diusahakan secara intensif dan bersungguh-sungguh sehingga lebih nampak menarik jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

"Pameran kita telah mempunyai satu tema yang memuaskan hati kerana dapat dipertandingkan secara internasional," jelas Mohd. Alidin.

Katanya, pengunjung banyak terharu melihat secara detailnya dan ianya dapat disudahkan secara profesional dan dengan komitmen dari banyak pihak telah memberikan hasil bukan saja bagi peringkat

Oleh Samle HJ

menengah malah seolah-olah mencapai sesuatu peringkat yang lebih tinggi.

Menurutnya, sebagai pihak penganjur, beliau berharap projek-projek yang diketengahkan dan ditonjolkan akan mempunyai kesinambungan secara terperinci lagi sehingga projek itu dapat dijadikan sebagai satu projek yang dapat beroperasi.

Pameran yang diadakan selama tujuh hari ini juga disertai oleh negara-negara ahli termasuk Aus-

tralia, Republik Rakyat China, Hong Kong, Republik Indonesia, Jepun, Korea, Malaysia, New Zealand, Republik Filipina, Thailand, Chinese Taipei, Amerika Syarikat, Vietnam dan Republik Singapura.

Pesta tersebut antara lain bagi mempromosikan pengajian saintifik melalui projek-projek penyelidikan di bidang sains dan teknologi, di samping bagi menggalakkan cara-cara penggunaan kreativiti dan inovatif bagi menangani masalah.

Ianya juga bertujuan meningkatkan kesedaran penuntut dan menyalurkan faedah di kalangan mereka di bidang penyelidikan sains dan teknologi dan kerja-kerja pembangunan.



PESERTA negara, Dayang Marzalenie binti Haji Omar berkongsi kegembiraan bersama kedua-dua ibu bapa setelah dipilih sebagai Pengucap Terbaik (Best Speaker) di Pesta Sains Belia APEC Kali Ke-25 di Republik Singapura (atas). Sementara gambar kiri, 22 penuntut yang mewakili negara di Pesta Sains Belia APEC Kali Ke-2 di Republik Singapura. - Gambar-gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Berangkat ke Pertunjukan Bunga-bunga Hidup

BERAKAS, 6 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha berkenan berangkat merasmikan dan mengurniakan hadiah-hadiah Pertunjukan Bunga-bunga Hidup serta Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung dan dialu-alukan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Penasihat pertubuhan itu, Datin Hajjah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Noor Ehsani.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Dipertua WI, Dayang Hajjah Marhani binti Abdul Latif antaranya menjelaskan tema pertunjukan kali ini iaitu 'Alam Sekitar Bersih dan Indah, Negara Megah'.

Menyentuh mengenai Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap, beliau berkata, ianya bertujuan untuk meningkatkan minat orang ramai kepada seni landskap dan bunga-bunga hidup dan kefahaman akan kebersihan serta kesejahteraan alam sekitar.

Menurutnya lagi, dengan adanya aktiviti pertandingan serta pertunjukan ini, dapatlah menarik minat orang ramai terhadap landskap dan bunga-bunga hidup dan memberi kesedaran pada orang ramai, supaya akan sama-sama bertanggungjawab memelihara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha berkenan menyaksikan pelbagai jenis bunga orkid yang dipamerkan di pertunjukan itu (atas). Sementara gambar bawah baginda tertarik dengan seni gubahan bunga hidup yang dipamerkan.

Oleh
Siti Muslihat HS.
Gambar-gambar oleh
Ramli Tengah dan
Masri Osman

alam sekitar dan memastikan kawasan kampung dan perumahan sentiasa dijaga bersih, indah dan menarik untuk meningkatkan imej negara semasa tahun-tahun yang bersejarah ini.

Majlis diteruskan dengan persembahan audio visual mengenai Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan mengurniakan hadiah-hadiah kepada pemenang dalam beberapa kategori termasuk kategori orkid, pokok jenis berbunga, pokok jenis berdaun, gu-

bahan bunga campuran, gubahan bunga biasa, gubahan bunga orkid dan Pertandingan Keindahan dan Seni Landskap.

Dalam majlis itu, baginda juga berkenan menerima pesambah dari pihak penganjur.

Baginda kemudiannya dijunjung menyaksikan pameran yang termasuk pameran landskap dari agensi-agensi kerajaan dan swasta, pertunjukan bunga-bunga hidup dan penjualan bahan-bahan tanaman hiasan, produk bunga tempatan dan alat kelengkapan tanaman.

Pertunjukan dan peraduan tersebut dianjurkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Ke-54 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara dan dikelolakan oleh WI.



KEBERANGKATAN tiba baginda telah dijunjung dan dialu-alukan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI), Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan hadiah kepada seorang pemenang dalam salah satu kategori Peraduan Bunga-bunga Hidup dan Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Noor Ehsani berkenan menyaksikan Pertunjukan Bunga-bunga Hidup dan penjualan bahan-bahan tanaman hiasan (atas dan kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha berkenan menyaksikan pameran landskap dari beberapa buah agensi kerajaan (gambar atas kanan dan kiri).





DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menyaksikan pameran kesihatan daripada seorang pegawai perubatan mengenai kempen keselamatan pendermaan darah dan penyakit tibi daripada Kementerian Kesihatan (Kdri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan hadiah kepada seorang kanak-kanak damit yang memenangi Peraduan Kanak-kanak Sihat.



Berangkat ke Peraduan Kanak-kanak Sihat

Oleh Siti Muslihat HS.
Gambar-gambar oleh
Harun HR dan
Hamadi HM

BERAKAS, 4 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam hari ini berkenan berangkat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang Peraduan Kanak-kanak Sihat bagi Daerah Brunei dan Muara.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Pusat Persidangan Antarabangsa dijunjung dan dialu-alukan oleh ahli-ahli jawatankuasa tertinggi peraduan.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain.

Dalam sembah alu-aluannya, Datin Hajjah Masni binti Haji Mohd. Ali selaku pengerusi bersama peraduan ini menyokong kegiatan persatuan wanita bukan kerajaan (NGO) di negara ini.

Persatuan wanita NGO di Negara Brunei Darussalam menu-rutnya telah lama memainkan peranan mereka sebagai salah satu ejen penggerak kemajuan dan pendorong dalam menangani isu-isu kesihatan.

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan hadiah-hadiah kepada para pemenang dalam tujuh kategori yang merangkumi kategori 6-9 bulan, 9-12 bulan, 18-24 bulan, kategori kanak-kanak kembar, kanak-kanak lahir pada 15 Julai, 1999 dan kanak-kanak lahir pada 1 Januari, 2000 (anak-anak alaf baru).

Duli Yang Teramat Mulia

juga berkenan mengurniakan hadiah kepada para pemenang peraduan mewarna sempena Peraduan Kanak-kanak Sihat yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bagi kanak-kanak berusia enam dan tujuh tahun.

Kategori kanak-kanak berumur enam tahun dimenangi oleh Awangku Muddathir Zaki bin Pengiran Haji Baharuddin, sementara Awang Muhammad Norazizul Azim bin Haji Norasiman memenangi kategori kanak-kanak berumur tujuh tahun.

Di majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima cenderamata dari pihak pengelola peraduan.

Sejurus kemudian, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung menyaksikan pameran kesihatan mengenai kempen keselamatan pendermaan darah dan penyakit tibi dari Kementerian Kesihatan.

Peraduan Kanak-kanak Sihat adalah merupakan salah satu acara yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara dan dikelolakan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam.

Tahun ini lebih 300 orang kanak-kanak menyertai peraduan tersebut dengan tema Hari Kesihatan Sedunia (WHO) tahun ini iaitu 'Darah Boleh Menyelamatkan Nyawa'.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima cenderamata daripada pihak pengelola Peraduan Kanak-kanak Sihat yang disampaikan oleh pengerusi bersama peraduan, Datin Hajjah Masni.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang bagi kategori anak damit kembar (atas). Sementara gambar kiri, penghakiman bagi Peraduan Kanak-kanak Sihat telah dilakukan terlebih dahulu oleh para pegawai perubatan yang ditugaskan bagi menghakimkan peraduan itu. Pada tahun ini tujuh kategori telah dipertandingkan oleh pihak penganjur sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-54 Tahun.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan hadiah kepada seorang kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam peraduan mewarna sempena majlis tersebut.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Peraduan Kanak-kanak Sihat, sejurus tiba di majlis tersebut.



K'sama pertahanan Brunei - Malaysia semakin akrab

BERAKAS, 31 Julai. - Mesyuarat Ke-6 Jawatankuasa Kerjasama Pertahanan Antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia dilangsungkan hari ini di Kelab Rekreasi Diraja Brunei di sini.

Kementerian Pertahanan bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah tuan rumah kepada mesyuarat berkenaan.

Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin mengetuai Kementerian Pertahanan, manakala Kementerian Pertahanan Malaysia diketuai oleh Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, Dato Hashim bin Meon.

Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin antara lain berkata, Jawatankuasa Kerja Bersama ini sebagai satu mekanisme penghubung di antara Kementerian Pertahanan dan angkatan bersenjata kedua-dua negara, telah berjaya meningkatkan keupayaan dan bidang kerjasama.

Beliau menjelaskan proses dan prosedur yang dipakai dan digunakannya adalah semakin mantap dan telus, dengan itu akan lebih merapatkan keakraban jalinan silaturahim dan persefahaman kedua negara.

Dalam mesyuarat itu, beberapa laporan kegiatan-kegiatan kerjasama kedua pihak di dalam rangka hubungan kerjasama pertahanan telah didengar dan diperbincangkan.

Di samping itu juga persetujuan telah dicapai bagi melaksanakan beberapa program lanjutan dan tambahan yang antara lain termasuk pengendalian kursus-kursus dan latihan-latihan ketenteraan di antara kedua-dua angkatan bersenjata.

Jawatankuasa kedua-dua pihak telah ditubuhkan di bawah Memorandum Persefahaman mengenai kerjasama pertahanan yang telah ditandatangani 14 Februari, 1992.

Sementara itu, bersempena dengan mesyuarat tersebut, Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, Dato Hashim Meon dan rombongan terdahulu

mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith di Kementerian Pertahanan.

Dalam kunjungan hormat itu, isu-isu dua hala dan bidang pertahanan dan ketenteraan kedua-dua buah negara telah dibincangkan.

Hadir sama dalam majlis itu termasuk Setiausaha Tetap (Da-

Oleh Haji Ahmad HS

sar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin; Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigadier Jeneral Dato Paduka Awang Haji Ibrahim dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Wan Yusof Embong.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika menerima kunjungan hormat Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, Dato Hashim Meon. Majlis berlangsung di Kementerian Pertahanan, Berakas. - Gambar oleh Halim HS.

JANGAN TERUS JADI 'CONSUMER SOCIETY'

MUARA, 30 Julai. - Semua golongan inginkan masa depan yang lebih baik dan cerah daripada yang telah ada dalam semua bidang kehidupan bangsa, masyarakat atau negara.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad berkata, sama ada kita mampu menguruskan cabaran, masalah dan kontradiksi itu dengan kebijaksanaan atau sebaliknya banyak bergantung kepada keupayaan kita.

Menurutnya, harta yang paling berharga, sikap proaktif, komitmen, pelaburan dalam semua bidang terutama dalam bidang pendidikan anak-anak dan keyakinan, kita masih mampu dan mempunyai harapan untuk mendorong sebagai motivasi agar terus berusaha dan bertindak bagi sama-sama memperbaiki nasib bangsa, negara dan diri.

"Sebenarnya dalam menghadapi kehidupan yang mantap dan 'balanced', peradaban globalisasi, 'materialism' dan 'consumer society' bukanlah perkara luar biasa kerana merupakan 'part and partial of necessities of good life' yang mencetus fikiran yang baik dan bernas," jelasnya.

Sehubungan dengan itu, beliau percaya dalam jangka waktu yang sama, selagi kita tetap bersedia, kita masih mampu bertahan dan mempunyai kubu yang utuh, bersikap positif dan komited bagi menempuh arus kehidupan masa hadapan dan terus menghindari sampingan negatif dari dalam kehidupan kita.

Jelasnya, persoalan yang belum menemui penyelesaian ialah masyarakat kita hanya masyarakat membeli jualan orang lain dan menjadi 'consumer society' terus wujud dan berleluasa di negara kita, kerana belum dapat mengimbangi

Oleh Samle HJ

perkembangan unsur 'producer society' atau masyarakat pengusaha.

Katanya, senario itu amat berbeza dengan negara-negara jiran, di mana masyarakat pengguna telah mengimbangi perkembangan masyarakat pengusaha dan masyarakat pengeluar idea dan ilmu.

Beliau berpandangan, masyarakat Brunei kian hari semakin lemah dari segi keupayaan untuk menepati sasaran atau wawasan sebagai masyarakat pengusaha atau masyarakat pengeluar idea, di dalam konteks susunan ekonomi kita yang ada sekarang, di mana 'tendency' atau kecenderungan itu akan membawa kepada masalah-masalah dan kontradiksi yang lebih serius pada masa akan datang.

Sehubungan dengan itu, Timbalan Menteri Pendidikan menyarankan kita seharusnya sentiasa berwaspada dengan kebimbangan dan hendaklah memfokus agar berkesan untuk mencerahkan masa depan.

Beliau menambah, tamadun dan keunggulan sesebuah negara tidak dapat dikembangkan dengan hanya bergantung kepada kemahiran penceritaan 'recitation' atau mengulangi apa yang ada.

Masyarakat Negara Brunei Darussalam tidak boleh hidup selesa selama-lamanya menjadi 'consumer society', masyarakat membeli atau masyarakat pengguna idea sahaja atau masyarakat meniru," tegas Timbalan Menteri Pendidikan.

Katanya, tamadun keunggulan terbina atau pengeluar idea bukan pengguna idea menjadi golongan berfikir yang sentiasa berusaha melimpasi batas sempadan ilmu dan mencari penemuan-penemuan baru.

Menurutnya, pengguna idea cuma menunggu untuk menggunakan idea, pemakai idea 'consumer' sekalipun mereka ini menjadi mahir menggunakan buah fikiran atau ciptaan pengeluar-pengeluar idea.

"Tetapi mereka ini tidak akan dapat menjadi lebih baik daripada pengeluar-pengeluar atau menjadi pencipta idea, kerana mereka sentiasa bergantung dan menjadi hamba kepada penemuan-penemuan dan ciptaan-ciptaan orang lain," tegasnya.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad ketika berucap merasmikan Pesta Pantai 2000, sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-54 Tahun yang berlangsung di Pantai Peranginan Muara. - Gambar oleh Mahmud HI.

Kerajaan utamakan pelaburan sumber manusia

MUARA, 30 Julai. - Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad berkata, sebagai seorang anak dan rakyat Negara Brunei Darussalam, kita tidak boleh menyangkal nikmat-nikmat kehidupan yang baik ada masa ini datang begitu sahaja, kerana ianya telah ditentukan oleh generasi dan 'leadership' yang lepas.

Katanya, generasi dan 'leadership' yang diterajui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ada pada masa ini, akan terus memainkan peranan dan menjalankan tugas-tugas tersebut agar kesejahteraan dan kemakmuran negara dan rakyat dikekalkan dengan lebih baik daripada yang lalu.

"Walaupun demikian, kita juga perlu menerima hakikat dan kenyataan bahawa berada dalam era yang penuh cabaran, pelbagai masalah dan persaingan yang perlu wajib kita takluki, tangani dan hadapi dalam arus dan perjalanan kehidupan kita sebagai negara dan rakyat masyarakat yang akan datang, yang susah untuk ditentukan," jelasnya ketika merasmikan Pesta Pantai, di Pantai Peranginan Muara.

Katanya, dasar dan matlamat pendidikan negara ini sudah mendedahkan atau menyatakan rakyat dan penduduk sebagai sumber dan harta negara yang paling berharga tidak seperti harta-harta hutan, galian atau emas yang tidak berkekalan.

Sehubungan dengan itu, menurutnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyedari pelaburan dalam sumber manusia adalah satu komitmen negara atau wadah negara berterusan sebagai satu langkah bagi mengekalkan tahap kemajuan sekarang di samping untuk mempertahankan daya saing bagi masyarakat dan negara di masa-masa akan datang.

"Kalau sudah kita mengetahui bahawa anak-anak dan rakyat itu harta negara yang paling berharga, kita perlu pusatkan hati negara dan ibu bapa bagi mengasuh mereka supaya dia tidak menjadi 'liability' kepada negara atau kepada ibu bapa dan masyarakat," tambah Timbalan Menteri Pendidikan.

Katanya, seorang anak, rakyat yang berpendidikan, berakhlak dan berperibadi tinggi akan menjadi aset kepada negara, justeru semua peringkat masyarakat berperanan dan menentukan pelaburan dalam pendidikan anak-anak mereka agar tidak mendatangkan kerugian kepada keluarga itu dan negara pada akhirnya.

Beliau berkata perkara kedua yang amat penting, selepas mendudukkan dan mendedahkan sebuah negara itu berharta ialah menghayati dan memajlisikan kepentingan ilmu atau 'knowledge' kepada mereka kerana kita sudah tahu akibat dan harga rakyat atau seorang yang kurang berilmu berbanding dengan rakyat atau seorang yang tinggi pendidikan dan berilmu.



SETIAUSAHA Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin mengetuai Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, Dato Hashim Meon mengetuai Kementerian Pertahanan Malaysia di Mesyuarat Ke-6 Jawatankuasa Kerja Bersama Pertahanan Antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. - Gambar oleh Halim HS.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad menyampaikan sijil kepada salah seorang pegawai kanan Kementerian Kesihatan yang menamatkan Kursus Pemimpin-pemimpin Pelaksana Tinggi (High Performance Leaders Course) anjuran Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Hamadi HM.

30 pegawai kanan Kementerian Kesihatan tamatkan kursus

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 3 Ogos. - Kursus dua hari Pemimpin-pemimpin Pelaksana Tinggi (High Performance Leaders Course) yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan telah berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil di Dewan Serbaguna Kementerian berkenaan di sini.

Setiausaha Tetap Kementerian itu, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Dato Paduka Matnor menyampaikan sijil-sijil berkenaan.

Seramai 30 orang pegawai kanan Kementerian berkenaan menyertai kursus itu yang dibahagikan kepada dua kumpulan di mana kumpulan pertama memulakan kursus pada 31 Julai hingga 1 Ogos, manakala kumpulan kedua pada 2 hingga 3 Ogos.

Kursus tersebut dikendalikan sebagai salah satu langkah Kementerian berkenaan untuk membantu mencapai visi dan misinya yang telah ditetapkan dalam Rancangan Penjagaan Kesihatan Negara, Kementerian Kesihatan Tahun 2000 - 2010.

Tujuan dan objektif kursus itu ialah untuk melatih dan memberi

peluang kepada individu yang berpengaruh dan bertanggungjawab sebagai pemimpin eksekutif, pengurusan dan penyelia.

Selain itu ia juga sebagai pilihan dan alternatif dalam memperingkatkan kepimpinan dan perkembangan pengurusan mereka di samping untuk memberi peluang dan proses, untuk mengetahui, menekankan melaksana dan menggunakan model dan proses-proses yang berbeza untuk pencapaian yang cemerlang dan prestasi tinggi (high performing & excellent leaders).

Pihak penganjur kursus ini telah mengundang seorang konsultan dari Perkhidmatan Konsultasi, Pembelajaran dan Latihan, Manila, Dr. Perla Rizalina M. Tayko sebagai pengendali kursus.

Pelajar dipelawa sertai kegiatan kampung

Oleh Siti Muslihat HS

GADONG, 1 Ogos. - Para pelajar yang terdiri daripada beliau disuruh supaya menjinakkan-jinakkan dan melibatkan diri dalam majlis-majlis perundingan kampung atau mukim dengan harapan untuk memupuk sikap prihatin, pemeduaan dan rasa tanggungjawab mereka terhadap masyarakat kampung mereka.

Berucap di Majlis Memulakan Kursus dan Orientasi Bagi Pengambilan Ke-16 Institut Teknologi Brunei (ITB) sesi 2000 -2002, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim ketika hadir merasmikan Kursus dan Orientasi Bagi Pengambilan Ke-16 Institut Teknologi Brunei (ITB) sesi 2000 - 2002.

Jika peluang seperti ini diberi kepada mereka dengan berhati-hati sehingga ia tidak menjadi beban kananya, akan dapat memberi ruang untuk mereka mengembangkan sahsiah dan kemahiran sosial mereka.

Dalam menuju ke arah kemajuan sosial dan ekonomi serta pembangunan bangsa, peranan institusi penghulu mukim dan ketua kampung jelasnya, adalah penting untuk mengambil perhatian kepada inisiatif ke arah memajukan kampung dan mukim dalam aspek sosial dan ekonomi dengan mengambil kira penyertaan beliau-belia seperti pelajar-pelajar pengajian tinggi umpamanya dari ITB.

"Langkah ini akan dapat mencerminkan penerimaan mereka sebagai penduduk dewasa untuk sama-sama berunding dengan warga tua.

Dari itu mereka tidak akan merasa tersisih malah terasa dihargai. Ini akan menggalakkan perkembangan sikap kepimpinan dan tanggungjawab dalam diri mereka," jelasnya lagi.

Dengan demikian tambahnya, ini akan mengurangkan jurang perbezaan dari segi komunikasi di antara generasi muda dan generasi tua dalam suasana sihat dan saling menghormati orang tua.

"Apabila dapat diwujudkan masyarakat kampung dan mukim yang bergerak maju ia akan menjadi unsur-unsur penting ke arah pembangunan ummah pada keseluruhannya," jelasnya dengan penuh harapan.

Pada tahun ini, seramai 198 orang pelajar memasuki institut berkenaan dalam enam jurusan yang ditawarkan.

Timbalan Pengarah ITB, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim dalam ucapan alu-aluannya terdahulu selaku pengerusi majlis menekankan, bahawa institut tersebut pada tahun ini akan lebih menekankan tentang kod pakaian sewaktu di kampus khususnya dari segi kekemasan, rapi dan bersesuaian dan ini katanya akan dilaksanakan oleh bahagian kesejahteraan pelajar.

Dengan cara ini, ITB percaya para pelajar akan sentiasa rapi dan kemas serta berdisiplin tinggi di mana perancangan dan pengendalian teknologi untuk negara akan datang berada di tangan para pelajar yang bertanggungjawab dan boleh diharap.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim ketika hadir merasmikan Kursus dan Orientasi Bagi Pengambilan Ke-16 Institut Teknologi Brunei (ITB) sesi 2000 - 2002. - Gambar oleh Masri Osman.

Penyerapan ajaran Islam tolak budaya songsang

Oleh Dk. Hajjah Saidah PHOA

LUMUT, Julai. - Pengerusi Lembaga Bandar Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Mat Zahri berkata, bekalan keimanan yang kukuh dan mantap serta penyerapan ajaran Islam dalam diri pelajar sekolah tidak akan mudah diubah oleh budaya songsang dan persekitaran alaf baru yang penuh dengan pelbagai cabaran, dugaan, ujian dan persaingan hebat.

Dalam pada itu mereka juga tidak akan tergugat dengan segala pengaruh negatif dan gejala sosial selagi mereka mengambil langkah berwaspadanya berlandaskan kepada ajaran-ajaran Islam.

Berucap di Pertandingan Syarahan Agama Peringkat Akhir bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab kali ke-12 senegara yang diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajjah Rashidah Sa'adatul Bolkiah di sini, beliau kata, penyakit masyarakat akan menular sekiranya tidak dikawal

dan dijaga dari peringkat permulaan dan semestinya diatasi secara rasional, profesional dan berkesan.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap ibu bapa, agensi kerajaan dan pihak swasta malah semua pihak yang berkenaan dalam masyarakat akan dapat memainkan peranan masing-masing, bekerjasama, bermuafakat dan bersatu padu dalam membendung masalah itu.

Yang penting katanya, peranan ibu bapa yang mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk membentuk, mendidik, memberikan tunjuk arah yang positif dan berkesan kepada anak-anak mereka lebih-lebih lagi pendidikan dan pengajaran awal yang bermula dari rumah supaya banyak ditekankan bagi tujuan bimbingan dan pembentukan akhlak di atas landasan yang betul

dan mengikut lunas-lunas Islam.

Dalam mempersiapkan dengan kekuatan nilai diri dari segi akhlak yang mulia bagi anak-anak mereka, beliau berharap peranan ibu bapa dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan berterusan supaya ianya lebih memberi kesan yang positif.

Beliau seterusnya menyeru pelajar-pelajar sekolah supaya menjauhkan diri daripada kegiatan yang tidak sihat yang boleh merosakkan masa depan mereka.

Sebaliknya katanya, penumpuan kepada pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran hendaklah sentiasa diberi perhatian kerana ianya adalah amat berharga buat diri mereka bahkan dituntut, dikumpulkan dan dipraktikkan secara bersempurnanya bagi mencapai tujuan dan cita-cita.

Untuk itu tambahnya, agensi kerajaan dan pihak swasta serta keseluruhan masyarakat juga mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya supaya usaha dapat dipertingkatkan lagi bagi membantu dalam menangani masalah yang berkaitan dengan gejala sosial yang menjadi kekhawatiran dewasa ini.

Sehubungan dengan itu beliau menyeru semua pihak berkenaan supaya akan dapat memainkan peranan yang lebih aktif bagi bersama memantau kegiatan negatif itu.

Pertandingan syarahan agama dikelolakan hampir setiap tahun oleh Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan yang dihasratkan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar yang berpotensi di dalam kemahiran berucap di khalayak ramai.

Selain itu ianya juga diharap akan dapat melahirkan pelajar yang bijak berfikir, tangkas berfikir, bijak berkomunikasi, pelajar yang

berilmu, beriman dan berakhlak mulia.

Pertandingan dibukakan kepada pelajar lelaki dan perempuan menengah bawah 1, 2 dan 3 bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab seluruh negara, manakala pelajar menengah atas akan bertanding dalam pertandingan pidato.

Sebanyak 24 buah daripada 27 buah sekolah menengah dan maktab seluruh negara mengambil bahagian di pertandingan itu. Seramai 20 peserta lelaki dan 20 peserta perempuan mengambil bahagian.

Di peringkat saringan lima peserta lelaki dan lima peserta perempuan dipilih bagi memasuki ke peringkat akhir dan 10 buah tajuk disediakan di peringkat akhir.

Awangku Shahmarizal Indra bin Pengiran Abdul Zaman dari sekolah tuan rumah dengan tajuk syarahan Cara Berkesan Membendung Pengaruh Budaya Liar menjadi johan bahagian lelaki, naib johan Abdul Mu'ez bin Masli dari Sekolah Menengah SMJA dengan tajuk syarahan Tanggungjawab Belia Terhadap Pembangunan Masyarakat Islam dan tempat ketiga, Awang Muhammad Mustaqim bin Omar dari Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Mumong dengan tajuk syarahan Menghidupkan Budaya Membaca Di Kalangan Remaja.

Bahagian perempuan, johan Dayang Siti Munawarah binti Awang Tarif dari Sekolah Menengah SMJA dengan tajuk syarahan Restu Ibu Bapa Asas Kejayaan Anak Dunia dan Akhira, naib johan Dayang Norhayati binti Morsilin dari Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Bukit Beruang dengan tajuk syarahan Ke Arah Pembinaan Ilmu Bersepadu dan tempat ketiga, Dayang Jusnani binti Kasim dari sekolah tuan rumah dengan tajuk syarahan Antara Semangat Beragama dan Pengaruh Ajaran Sesat Di Kalangan Belia.



SERAMAI 198 orang pelajar baru Institut Teknologi Brunei (ITB) Bagi Pengambilan Ke-16 membaca ikrar pelajar di Majlis Memulakan Kursus dan Orientasi. - Gambar oleh Masri Osman.

Saksikan Pertunjukan Bunga-bunga Hidup




Gambar-gambar oleh
Masri Osman

DULI Yang Teramat Mulla Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima pesambah daripada ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola Pertunjukan Bunga-bunga Hidup serta Pameran Kebersihan dan Seni Landskap.



DULI Yang Teramat Mulla Pengiran Isteri Hajjah Mariam dengan diiringi Penasihat Pertubuhan Perumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam, Datin Hajjah Masri berkenan menyaksikan pelbagai jenis bunga orkid yang dipamerkan di majlis itu.



DULI Yang Teramat Mulla berkenan menerima penerangan ringkas mengenai seni landskap daripada seorang pengusaha yang sama-sama mempamerkan bunga-bunga hidup di pertunjukan itu (kiri). Sementara gambar atas, Duli Yang Teramat Mulla berkenan menerima cenderamata daripada seorang pengusaha bunga tempatan. Manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulla berkenan menerima penerangan ringkas mengenai seni kreatif daripada bunga-bunga dan daun-daun kering yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian.

DULI Yang Teramat Mulla berkenan menyaksikan mini pameran pelbagai jenis buah-buahan tempatan dan seni landskap yang dipamerkan oleh Jabatan Pertanian (atas kiri). Sementara gambar atas, Duli Yang Teramat Mulla berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli jawatankuasa pengatur sejurus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



Amalkan penyusuan susu ibu

SENGKURONG, 30 Julai. - Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad bin Dato Paduka Matnor berkata, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyarankan supaya anak damit diberikan penyusuan susu ibu secara sepenuhnya sejak lahir hingga 4-6 bulan, dan meneruskan penyusuan sambil memberi makanan tambahan yang mencukupi sehingga mencapai umur dua tahun.

Berucap ketika melancarkan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2000 di Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkuring, Dato Seri Laila Jasa menjelaskan amalan itu akan menurunkan gangguan kesihatan dua setengah kali ganda daripada anak damit yang tidak menerima susu ibu.

Perbuatan menyusukan susu ibu itu, katanya, adalah satu komponen penjagaan anak damit yang sempurna bagi menghasilkan perkembangan jiwa dan pertumbuhan yang sihat.

Penyusuan susu ibu itu, tambahnya bukan saja memberi manfaat kepada anak damit bahkan ibu-ibu yang menyusukan juga menerima kebaikan dari segi kesihatan seperti mengurangkan risiko mereka untuk mendapat kanser buah dada dan indur telur, penyakit kurang zat besi (anaemia) dan patah pinggul (hip fracture).

Sehubungan itu, katanya, setiap tahun Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia mengambil tema penting bagi melindungi, mempromosikan dan menyokong amalan penyusuan susu ibu dan tema tahun ini ialah Penyusuan Susu Ibu Hak Asasi Awad.

Dato Seri Laila Jasa menjelaskan bahawa tema tersebut berhasrat untuk meningkatkan kesedaran orang ramai yang penyusuan susu ibu itu adalah hak asasi anak damit untuk mendapatkan makanan dan kesihatan yang selamat.

Tema tersebut, katanya lagi, merangsang peralihan pemikiran di kalangan orang ramai yang hak asasi ini mestilah dihormati, dimudahkan dan dipenuhi di peringkat keluarga, masyarakat dan kerajaan di setiap negara di dunia ini.

Menurutnya, tema itu juga

Oleh Haji Ahat HI

memberikan informasi mengenai mekanisme yang formal yang ada di peringkat antarabangsa yang mana digalakkan untuk diserapkan di peringkat nasional.

Terdahulu sebelum itu, Dato Seri Laila Jasa menyatakan mempromosikan penyusuan susu ibu adalah salah satu dasar utama Kementerian Kesihatan untuk peranakan anak damit yang terkandung dalam Rancangan Penjagaan Kesihatan Kebangsaan.

Susulan daripada Kursus Inisiatif Mesra Anak Damit (Baby Friendly Initiative) bagi pentadbir-pentadbir Kementerian Kesihatan;

20 orang pengajar telah dilatih mengikuti kursus 40 jam, dan lebih 300 orang jururawat dan pegawai perubatan terlibat secara langsung dalam penjagaan ibu-ibu mengandung dan anak-anak damit.

Terlaksananya kursus-kursus ini akan membantu pelaksanaan Inisiatif Mesra Anak Damit bagi hospital-hospital kerajaan serta klinik-klinik kesihatan di negara ini.

Sejurus selepas melancarkan Minggu Penyusuan Susu Ibu itu, beliau kemudian menyampaikan cenderahati bagi pemenang-pemenang Pertandingan Inisiatif Mesra Anak Damit sempena Minggu Penyusuan Susu Ibu dan menyampaikan sijil-sijil kepada ibu-ibu yang menghadiri kursus pendorong penyusuan ibu.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad ketika menyampaikan cenderahati kepada pemenang Pertandingan Inisiatif Mesra Anak Damit sempena Minggu Penyusuan Susu Ibu. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Bidang perubatan perlu dikemaskinikan

Oleh Bolhassan HAB

TUNGKU, 30 Julai. - Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad berkata, pengajian di bidang perubatan memerlukan pembelajaran semasa hidup dan harus dikemaskinikan bagi memastikan yang ia terus berkesan.

Berucap di Pelancaran Seminar Mengenai Kerjaya di Bidang Pembedahan di Borneo (Borneo Surgical Delights), Dato Seri Laila Jasa turut mengalu-alukan Presiden Royal College of Surgeons, Edinburgh, Profesor Arnold Maran ke negara ini dan seterusnya menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan mempunyai matlamat yang sama dengan institut tersebut dalam mengekalkan perkhidmatan kesihatan yang terbaik.

"Bagi menepati tren dalam Pertubuhan Penjagaan Kesihatan di seluruh dunia, Kementerian Kesihatan sedang berusaha ke arah perkembangan dan kecemerlangan yang berterusan supaya pesakit mendapat perkhidmatan yang lebih baik," tambahnya.

Katanya, ke arah itu, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Diploma Dalam Penjagaan Kesihatan Asasi yang merupakan program bersama antara St. George's Hospital, London; Kementerian Kesihatan dan Universiti Brunei Darussalam, yang nampaknya berjaya dan terkenal di kalangan doktor-doktor tempatan.

Latihan yang sama dan lebih berstruktur dalam Internal Medicine bagi latihan asas dan lanjutan juga akan diadakan di negara ini.

Seminar julung-julung kalinya anjuran Royal College of Surgeons, Edinburgh itu antara lain bertujuan bagi menentukan peranan pakar bedah, tugas, tanggungjawab dan motivasi

yang berkaitan dengan profesion tersebut. Lanya berlangsung di Dewan Kuliah Utama, Universiti Brunei Darussalam.

Para peserta seminar terdiri daripada pakar-pakar bedah dan pegawai-pegawai perubatan dari Negara Brunei Darussalam dan negara-negara serantau yang lain.



SEORANG pakar di bidang pembedahan ketika memberikan ceramah semasa Seminar Mengenai Kerjaya di Bidang Pembedahan di Borneo (Borneo Surgical Delights) kepada para peserta seminar yang terdiri dari pakar-pakar bedah dan pegawai-pegawai perubatan dari Negara Brunei Darussalam dan negara-negara serantau. - Gambar oleh Harun HR.



MENTERI Pembangunan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail (tiga dari kanan) ketika meninjau perkembangan projek perumahan bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Rancangan Perumahan Negara Daerah Temburong. - Gambar oleh Aliddin HM.

Tinjau perkembangan Projek Perumahan Yayasan

Oleh Aliddin HM

TEMBURONG, 29 Julai. - Menteri Pembangunan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit hari ini telah membuat lawatan kerja bagi meninjau perkembangan Projek Perumahan Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Rancangan Perumahan Negara di daerah ini di sini.

Mula-mula sekali Yang Amat Mulia berangkat membuat lawatan ke rumah bantuan Yayasan kepada Awang Salleh bin Api di Kampung Menengah di mana projek rumah tersebut telah siap dibina.

Seterusnya Yang Amat Mulia berangkat ke Kampung Sibut bagi meninjau perkembangan projek bantuan Yayasan kepada Dayang Rokiah binti Abdullah dan Dayang Mahadiah binti Abdullah di mana masih lagi dalam proses pembinaan.

Yang Amat Mulia berangkat pula ke Kampung Selangan di mana rumah bantuan Yayasan kepada Dayang Norkamariah binti Abdullah hampir siap dibina dan seterusnya Yang Amat Mulia berangkat ke Rancangan Perumahan Negara di Kampung Rataie di mana sebanyak 118 buah rumah akan dibina. Sebanyak 95 buah telah siap dibina dan 23 buah lagi adalah tambahan dan dijangka siap pembinaannya dalam 21 Ogos depan.

Rumah-rumah yang dibina dalam Rancangan Perumahan Negara di Kampung Rataie itu adalah jenis kelas 'B' 21 buah, kelas 'C' 30 buah, kelas 'D' 30 buah dan kelas 'E' 37 buah. Ini menjadikan jumlah keseluruhannya 118 buah.



DATO Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad menyaksikan Pameran Minggu Penyusuan Susu Ibu yang berlangsung di Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkuring. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Mukim Labu dibekalkan perkhidmatan 'RDLU'

TEMBURONG, 28 Julai. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria dan rombongan dari Kementerian Perhubungan telah membuat lawatan kerja ke Daerah Temburong di sini.

Dalam lawatan Yang Berhormat ke Daerah Temburong itu, Yang Berhormat telah merasmikan pelancaran perkhidmatan telefon bagi membekalkan peralatan ibu sawat terpencil atau Remote Digital Line Unit (RDLU) yang membolehkan Jabatan Telekom menyediakan perkhidmatan perhubungan telefon bagi para pelanggan di Mukim Labu dengan kapasiti 200 talian yang disimpan di dalam kabinet yang mempunyai perlindungan.

Majlis pelancaran rasmi bagi ibu sawat terpencil 'RDLU' bagi Mukim Labu itu telah berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Labu Estate di sini.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Jabatan Telekom Brunei, ibu sawat terpencil (RDLU) ini juga boleh disambung kepada ibusawat induk yang sama jenis di mana peralatan yang digunakan adalah Siemens EWDS yang terdapat dalam ibu sawat induk Bangar, Temburong.

Dengan adanya ibu sawat terpencil 'RDLU' yang baru itu akan dapat memenuhi kehendak pengguna terutama di kawasan-kawasan yang terlibat dalam

Liputan dan gambar-gambar oleh Aliddin HM

meningkatkan kemudahan dan kemajuan para penduduk khususnya di kawasan pedalaman Temburong. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memberikan perkhidmatan telefon secara menyeluruh kepada orang ramai bagi memenuhi kehendak sosial, ekonomi dan pembangunan negara.

Sebelum itu, Pemangku Pengarah Telekom, Pengiran Sazalee bin Pengiran Haji Zohari dalam ucapan alu-aluan menjelaskan bahawa majlis pelancaran pada hari ini adalah sebahagian daripada pelaksanaan perancangan Jabatan Telekom Brunei melalui Kementerian Perhubungan untuk memberikan perkhidmatan telekomunikasi kepada penduduk luar bandar dan pedalaman bagi sama-sama menikmati perkhidmatan telekomunikasi yang setanding dengan penduduk di kawasan bandar.

Ke arah menjayakan pelaksanaan perancangan ini tambah beliau, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan peruntukan untuk pembinaan infrastruktur yang diperlukan bagi

menyediakan perkhidmatan ini.

Satu taklimat mengenai perancangan masa depan pembangunan infrastruktur telekomunikasi bagi Daerah Temburong juga telah disampaikan oleh Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus, Ketua Perkhidmatan Kejuruteraan Rangkaian dan Pembangunan Infrastruktur yang menerangkan perancangan-perancangan untuk menyediakan perkhidmatan telefon di kawasan pedalaman seperti Kampong Lepong Baru, Kampong Semabat, Kampong Temada, Kampong Sumbiling Baru dan Sumbiling Lama, Kampong Batang Duri dan Kampong Selapon di daerah ini akan memulakan projeknya pada bulan September tahun ini.

Selepas majlis pelancaran itu, Yang Berhormat beredar melawat ke ibu sawat terpencil 'RDLU' yang terletak di simpang masuk ke Kampong Labu Senukoh.

Dari Kampong Labu Estate, Yang Berhormat berserta rombongan beredar ke Dermaga Pelabuhan bagi Majlis Penyerahan dan Perasmian Dermaga di Pekan Bangar yang sebelum ini di bawah kawalan Pejabat Daerah Temburong.

Dengan penyerahan rasmi itu dapatlah Jabatan Pelabuhan memelihara dan menguruskan dermaga ini dengan lebih teratur dan meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan yang sedia. Dermaga sepanjang 100



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria ketika melawat ibu sawat terpencil 'RDLU' yang terletak di simpang masuk Kampong Labu Senukoh.

meter dengan kedalaman 3.5 meter itu akan diubah suai bagi persiapan Tahun Melawat Brunei 2001 (TMB).

Selepas itu Yang Berhormat membuat lawatan ke Cawangan Jabatan Laut yang telah mula dibuka pada bulan Jun tahun 1998.

Cawangan Jabatan Laut ini ditubuhkan dengan hasrat untuk memastikan semua kapal termasuk bot penumpang mendapatkan pelepasan pelabuhan dalam memupuk komitmen, disiplin dan tanggungjawab para pengguna di perairan khu-

susnya di Daerah Temburong mematuhi peraturan dalam Akta Perkapalan Pedagang dan untuk memenuhi keperluan orang ramai.

Pada keesokan harinya, Yang Berhormat dan rombongan meneruskan lawatannya ke pejabat pos Bangar di mana pejabat pos ini memberikan perkhidmatannya kepada orang ramai di daerah ini dengan pelbagai perkhidmatan telah disediakan oleh pejabat pos ini seperti penjualan stem, penghantaran surat-surat dan bungkusan, kiriman wang, wang pos, membaharui lesen memandu

dan cukai jalan. Selain itu juga pejabat pos ini ada menyediakan perkhidmatan peti surat berkunci sebanyak 600 buah dengan kadar sewa \$40.00 setahun.

Pejabat pos ini dikendalikan oleh seorang penolong penguasa pos, seorang kerani dan empat orang posmen.

Dari pejabat pos, Yang Berhormat meneruskan lawatannya ke Cawangan Jabatan Pengangkutan Darat Temburong yang ditubuhkan dan dirasmikan pada 8 Julai, 1991 dengan memberikan perkhidmatannya seperti pemeriksaan kenderaan bagi membaharui lesen cukai jalan (road tax) dan lesen memandu, mengadakan ujian bertulis undang-undang jalan raya, ujian memandu, penukaran lesen memandu negara asing, tukar milik kenderaan dan mendapatkan salinan ganti kad pendaftaran lesen memandu dan lesen cukai jalan.

Menurut pegawai melesen lebih 150 orang setiap bulan membaharui lesen memandu dan jumlah keseluruhan yang memegang lesen memandu di daerah ini lebih kurang 5,000 orang.

Yang Berhormat meneruskan lawatannya ke Pusat Logistik Outwards Bound Brunei Darussalam di Kampong Batang Duri bagi meneruskan lawatannya ke Taman Negara Ulu Temburong dan berkesempatan menaiki Canopy Walk Way di taman berkenaan.



MENTERI Perhubungan, ketika mencuba alat telekomunikasi bagi melancarkan ibu sawat terpencil (RDLU) bagi para penduduk Mukim Labu, Temburong. Majlis berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Labu Estate, Temburong.



DALAM lawatan ke Daerah Temburong, Yang Berhormat juga telah merasmikan Dermaga Jabatan Pelabuhan dan seterusnya penyerahan dermaga tersebut daripada Jabatan Daerah Temburong kepada Jabatan Pelabuhan.



YANG Berhormat Menteri Perhubungan dan rombongan meneruskan lawatan ke Pejabat Pos Bangar yang memberikan perkhidmatan persuratan di daerah tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat dan rombongan melawat Jabatan Pengangkutan Darat Temburong.



Belia perlu dilibat dengan kegiatan agama

KAMPONG PELAMBAYAN, 29 Julai. - Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili berkata, penglibatan anak-anak muda di dalam berbagai kegiatan keagamaan akan dapat mengelakkan mereka daripada kegiatan yang tidak sihat.

Penglibatan diri dengan kegiatan-kegiatan yang positif seperti menyertai perkumpulan membaca Al-Quran, dikir, kelas-kelas pelajaran agama atau kuliah agama, kata Yang Dimuliakan akan dapat membentuk keperibadian dan sikap yang mulia.

"Maka kita mengharapkan dengan penyertaan itu mereka sedikit sebanyak dapat menyelamatkan diri daripada membuang masa kerana membuang masa itu akhirnya dikuatiri akan mendedahkan mereka kepada kegiatan-kegiatan atau melibatkan diri kepada yang tidak sihat atau yang membahayakan fizikal dan mental.

"Lebih malang lagi jika terjebak kepada perkara yang tidak sihat itu ialah mereka yang sudah berkeluarga dan sudah pun mempunyai anak pinak," tegas Yang Dimuliakan di Majlis Peraduan Membaca Rawi dan Dikir Syarifil Anam Peringkat Akhir Negara di Sekolah Ugama Pelambayan.

Muncul sebagai pemenang bagi peraduan rawi lelaki ialah Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Tutong dengan memperoleh 87.5 peratus, dan juara bagi bahagian perempuan ialah Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Bandar Seri Begawan dengan memperoleh 87 peratus.

Sementara dalam Peraduan Dikir Syarifil Anam Bahagian lelaki dimenangi oleh Ma'had Islam Brunei setelah mengalahkan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta Wakilah Hayatul Bolkiyah dengan memperoleh 83 peratus berbanding 78.5 peratus.

Manakala dalam bahagian perempuan, dengan memperoleh 90 peratus johan jatuh kepada Sekolah Ugama Pintu Malim dan tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Persediaan Arab Temburong dengan memperoleh 80.5 peratus.

Menyentuh mengenai dengan Peraduan Rawi dan Dikir Syarifil Anam itu Yang Di-

Oleh
Abu Bakar HAR

muliakan berharap ia akan terus diadakan pada masa-masa akan datang di samping ia dapat berfungsi dalam menimbulkan rasa kecintaan umat Islam kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam umpamanya dengan melazimkan membaca selawat.

LAMBAK, 27 Julai. - Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajjah Mariam berkata negara memerlukan pelajar yang cergas dan berpendidikan, beriman dan bertakwa, dinamik dan bertanggungjawab kerana mereka merupakan aset penting untuk meneruskan usaha memperkembangkan dan memajukan negara.

Katanya, hasrat untuk membentuk pelajar-pelajar menjadi rakyat yang berguna, berdisiplin tinggi dan bertanggungjawab untuk membangun bangsa dan negara akan tercapai dengan kerjasama padu di antara ibu bapa dan guru.

"Para pelajar diseru supaya peka dan bersifat proaktif dalam usaha untuk memperkembangkan dan memajukan diri sama ada secara formal atau sebaliknya kerana ianya sangat penting dalam pembangunan diri, masyarakat dan negara," jelasnya ketika merasmikan Pertandingan Nasyid Antara Sekolah-sekolah dan Maktab-maktab Senegara, di Seko-



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Suhaili ketika menyampaikan hadiah kepada salah sebuah pasukan yang memenangi Peraduan Membaca Rawi dan Dikir Syarifil Anam Peringkat Akhir Negara. Majlis berlangsung di Sekolah Ugama Pelambayan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Oleh Samle HJ

lah Menengah Sultan Sharif Ali di sini.

Beliau menambah, pelajar perlu diasuh dan dididik bagi memenuhi keperluan dan hasrat negara seperti yang termaktub dalam dasar pendidikan kebangsaan.

Katanya, ibu bapa mempunyai tanggungjawab mencorakkan kehidupan anak-anak mereka kerana hubungan kekeluargaan dengan didikan keluarga dan agama mempunyai kesan yang mendalam.

"Kurangnya perhatian dari ibu bapa kepada masalah anak-anak dan tidak memberi bimbingan antara yang menyebabkan kehidupan anak-anak menjadi liar dengan lebih banyak menghabiskan masa mencari keseronokan, baik di rumah dan di luar rumah," jelas Datin Paduka.

Sehubungan dengan itu, beliau menyeru agar ibu bapa harus mengambil langkah yang bijak dalam usaha mengukuhkan institusi keluarga yang berkesan bagi menangani isu-isu remaja.

Menyentuh peranan guru, beliau menjelaskan ia lebih mencabar dalam mencorak generasi muda yang positif melalui pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi membina dan memperkembangkan potensi penuntut secara menyeluruh.

Pasukan lelaki dan perempuan dari sekolah tuan rumah telah menjuarai di pertandingan kali ke-14 ini.

Peraduan yang disertai oleh 10 pasukan termasuk lima pasukan perempuan itu juga menyaksikan Pasukan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin menduduki di tempat kedua dan ketiga bagi bahagian lelaki.

Sementara, Sekolah Menengah Sayiddina Hassan dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, masing-masing di tempat kedua dan ketiga bagi kategori perempuan.

Peraduan yang dianjurkan oleh Jabatan Ko-Kurikulum itu juga dihasratkan sebagai kegiatan yang akan dijadikan pelengkap kepada pendidikan formal dalam membantu membina peribadi dan perkembangan pelajar-pelajar yang menyeluruh dan sempurna.

Ianya juga bertujuan untuk memuliakan, mengukuhkan dan mengapresiasi mutu kesenian Islam melalui nasyid.

Slogan Antidadah 2000

Oleh HJ. Ahmad HS

GADONG, 4 Ogos. - Majlis Penyampaian Hadiah Sempena Peraduan Mencipta Slogan Antidadah Tahun 2000 anjuran Biro Kawalan Narkotik (BKN) dilangsungkan hari ini di Dewan Permai BKN Tungku di sini.

Tetamu kehormat majlis itu ialah Pemangku Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dayang Hajjah Shireen binti Haji Mustapha yang juga menyampaikan pemenang sagu hati.

Peraduan itu terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori dewasa dan penuntut. Setelah dibuat pengundian 12 orang terpilih dalam kategori dewasa dan 15 orang kategori penuntut.

Hadiah bagi kategori tersebut disampaikan secara berasingan, yang mana kategori dewasa disampaikan oleh wakil Incomm, Michael Loh dan wakil Hong Kong Shanghai Bank Company, Awang Haji Abdul Aziz bin Kassim menyampaikan kategori penuntut. Kedua-dua syarikat itu adalah merupakan penaja utama dalam peraduan mencipta slogan sambutan Hari Dadah Sedunia.



PEMANGKU Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dayang Hajjah Shireen ketika menyampaikan hadiah sagu hati kepada salah seorang peserta yang menyertai Peraduan Mencipta Slogan Antidadah Tahun 2000. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Kejayaan penuntut bergantung kerjasama guru dan ibu bapa



PENGARAH Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajjah Mariam ketika menyampaikan hadiah kepada ketua Pasukan Nasyid Lelaki Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali yang menjuarai Pertandingan Nasyid Antara Sekolah-sekolah dan Maktab-maktab Senegara. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PASUKAN Nasyid Perempuan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali juga muncul sebagai juara dalam pertandingan tersebut. - Gambar oleh Ramli Tengah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha, Penaung Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan piala kepada juara Kejuaraan Bulu Tangkis Piala Penaung Majlis Wanita Kali Ke-6 kepada ketua Pasukan Kelab Wanita Antarabangsa Brunei (I.W.C.B). - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menyaksikan pelbagai jenis pin dan dadah yang berjaya dirampas oleh Biro Kawalan Narkotik, sambil berkenan menerima penerangan daripada Pengarah BKN, Awang Haji Momin bin Shawal. (Berita lanjut muka 5).

Kebawah DYMM Raja Isteri saksi Kejuaraan Bulu Tangkis

Oleh Samle HJ

BERAKAS, 13 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha, Penaung Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Kejuaraan Bulu Tangkis Piala Penaung Majlis Wanita Kali Ke-6 hari ini.

Terdahulu sebelum itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah disembahkan kepada pengurus dan pemain-pemain yang mengambil bahagian dan seterusnya berkenan menyaksikan kejohanan akhir di Kompleks Sukan Penerbangan Diraja Brunei.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Yang Dipertua Majlis Wanita, Datin Hajjah Edah dalam sembah alu-aluan antara lain berharap kejohanan dwitahunan itu akan dapat meningkatkan perpaduan antara persatuan-persatuan yang bergabung dengan majlis berkenaan.

Pasukan Kelab Wanita Antarabangsa Brunei (I.W.C.B) telah berjaya menjuarai kejohanan selepas mengalahkan Pasukan Majlis Wanita Brunei

(WI) dengan 3-1.

Pasukan Bulu Tangkis BAKTI dan Persatuan PERTIWI masing-masing menduduki tempat ketiga dan keempat.

Kejuaraan anjuran Majlis Wanita dan dikendalikan oleh Persatuan Siswazah Wanita itu disertai oleh lapan pasukan yang antara lain bagi mencungkil bakat dan meningkatkan mutu permainan bulu tangkis di kalangan ahli-ahli gabungan Majlis Wanita.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah ketika berangkat di Majlis Resepsi Sempena Ulang Tahun Ke-35 Hari Kebangsaan Republik Singapura yang berlangsung di Dewan Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura, Jalan Subok. Juga kelihatan dalam gambar ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Tee Tua Ba dan isteri. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Pencegahan penyalahgunaan dadah dipertingkatkan

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Ogos. - Kejayaan pencegahan penyalahgunaan dadah akan dapat dipertingkatkan lagi dengan adanya bantuan serta kerjasama daripada semua lapisan masyarakat di negara ini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN), Awang Haji Momin bin Shawal dalam sembah alu-aluannya sempena keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ke Ibu Pejabat BKN, Jalan Tungku di sini.

Menurut Awang Haji Momin, melalui usaha pendidikan pencegahan dadah, BKN berharap akan dapat menggerakkan penglibatan orang ramai melalui penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung bukan sahaja dalam mencegah penglibatan anak-anak kampung dalam penyalahgunaan dadah bahkan juga dalam aktiviti pengedaran dadah yang diharamkan.

Pada waktu yang sama tambahnya, BKN juga berharap untuk melibatkan sektor swasta dalam usaha pendidikan pencegahan penyalahgunaan dadah di negara ini.

"Ke arah ini, Hamba Duli Tuanku menyebarkan pendapat bahawa sektor swasta boleh memainkan peranan yang penting, terutamanya dalam menghulurkan bantuan berbagai rupa ke arah usaha-usaha pembasmian dan pencegahan.

Begitu juga halnya dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, iaitu NGOs di negara ini. Penglibatan mereka sangat-sangatlah diharapkan," ujar Awang Haji Momin.

Terdahulu sebelum itu, beliau menerangkan bahawa tumpuan utama BKN ialah dalam kerja-kerja

Oleh Sahari Akim

pemberantasan pengedar-pengedar yang membawa masuk dadah secara haram ke negara ini.

Selain dari itu tumpuan kedua adalah berupa pendidikan pencegahan seperti penyebaran kepada orang awam mengenai bahaya dadah yang boleh merosakkan kehidupan dan perlu dihindari berkonsepkan, "Tanpa penagih, pengedar-pengedar akan hatus".

Menyentuh tentang tangkapan dan rampasan, Awang Haji Momin menjelaskan bahawa setakat ini pencapaiannya adalah amat menggalakkan manakala pencapaian usaha pendidikan pencegahan juga sudah nampakkan kejayaan dari segi peningkatan kesedaran dan penge-

tahuan kepada orang ramai terutama ibu bapa.

Sejak ditubuhkan pada 1 Oktober, 1988, BKN mempunyai matlamat ke arah mewujudkan masyarakat di negara ini bebas dari penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan yang mengkhayalkan.

Antara strategi yang dikenal pasti oleh BKN dalam membanteras kegiatan penyalahgunaan dadah ialah pengurangan bekalan, pengurangan permintaan dan hubungan kerjasama serantau dan antarabangsa.

Dalam usaha mengurangkan permintaan, BKN berusaha mencegah kemasukan dadah secara menyeluruh dengan mengadakan kawalan terhadap penyeludupan dan penghantaran, pendidikan pencegahan dadah, rawatan dan pemulihan serta pengawasan.

Kerjasama rapat Brunei - Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, bersabda mengenai kerjasama rapat dan hubungan baik yang terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda, Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura adalah sahabat dan rakan ketika menempuh masa-masa rumit, perkara tersebut jelas DYTMM sudah tentu penting bagi kedua-dua belah pihak meluaskan kerjasama dalam bidang perdagangan.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian di Majlis Resepsi Sempena Ulang Tahun Ke-35 Hari Kebangsaan Republik Singapura yang berlangsung di Dewan Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura, Jalan Subok di sini.

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia juga melahirkan tahniah dan menghargai hubungan baik antara kedua-dua buah negara yang berterusan.

Oleh Haji Ahmad HS

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah.

Terdahulu dari itu, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Tee Tua Ba dalam ucapan alu-aluan menyatakan Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan yang amat penting dalam ASEAN dan sentiasa bekerjasama rapat.

Kerjasama tersebut bukan sahaja tertumpu dalam ASEAN tetapi di peringkat serantau dan juga antarabangsa yang mana telah menguntungkan kedua-dua buah negara dan menyumbang secara positif ke arah peranannya di dalam pertubuhan berkenaan.

Di majlis itu, kedua-dua buah lagu kebangsaan dimainkan dan kemudian diikuti dengan memotong kek ulang tahun sempena Hari Kebangsaan republik tersebut.



دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دجيتق اوله جباتن فرجيتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Kempen Piala Malaysia 2000 :

SKUAD NEGARA DIKEMASKINIKAN

Oleh Haji Ahat HI



IHAK pengurusan skuad bola sepak negara berusaha untuk memperkemas dan mempertingkatkan tahap permainan para pemain menjelang kempen mempertahankan Piala Malaysia 2000 yang akan bermula pada 22 Ogos depan.

Setiasua Agung Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (BAFA), Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Haji Metassan ketika menyebarkan laporan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, yang

juga selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan, semasa sesi perjumpaan dengan BAFA menyatakan pihak pengurusan berusaha sedaya upaya untuk memberikan semangat dan motivasi kepada pemain untuk mencapai kejayaan.

"Dengan gandingan pemain-pemain berpengalaman dan baru ini, mudah-mudahan persefahaman di kalangan mereka akan dapat ditingkatkan ke arah mewujudkan satu pasukan yang mantap dan bertenaga untuk memberikan saingan dalam kancah Piala Malaysia nanti," sembahnya.

Terdahulu dari itu, Setiausaha Agung BAFA menyebarkan bahawa pengunduran beberapa orang pemain utama dan ketiadaan pemain import merupakan antara punca menurunnya prestasi skuad negara dalam Liga Perdana Malaysia musim ini.

Dengan ketiadaan pemain-pemain itu katanya, BAFA telah menyerapkan banyak pemain baru dan dalam keadaan itu persefahaman mereka belum serasi sebagaimana yang terdapat pada pasukan yang memenangi Piala Malaysia.

Selain daripada itu, masalah kewangan juga merupakan isu persoalan yang mana dalam era bola sepak profesional, para pemain dibayar elau sagu hati mengikut sifir-sifir tertentu dan dengan masalah yang dihadapi oleh BAFA telah menimbulkan igauan kepada pemain sama ada elau mereka dibayar atau tidak.

Menurut Setiausaha Agung itu terdapat sebelas orang pemain yang berdaftar dalam BAFA yang masih tidak mempunyai pekerjaan dan mereka bersandarkan kepada bayaran yang diajukan oleh BAFA.

"Dalam menghadapi masalah-masalah dan kemerosotan prestasi yang tidak menentu yang menyebabkan penjualan tiket turut merosot, BAFA terus juga berusaha untuk mendapat sumber-sumber kewangan tertentu," terangnya.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam ketika mempengerusikan Mesyuarat Perjumpaan dengan BAFA. - Gambar oleh Halim HS.

Brunei beraksi dalam Kumpulan 'A'

Oleh Haji Ahat HI

SKUAD negara layak beraksi dalam kancah Piala Malaysia 2000 apabila mencatatkan kemenangan kedua pusingan kelayakan kedua 2 - 1 ke atas TNB Kelantan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang menjadikan kemenangan agregat 5 - 1.

Kalau pada pusingan pertama di Stadium Mohammad Ke-

IV Kota Bharu, Riwardi Wahit menjaringkan ketiga-tiga gol kemenangan tersebut, di gelanggang sendiri pula Irwan Mohammad muncul sebagai wira menjaringkan kedua-dua gol itu.

Irwan Mohammad memperolehi jaringan pertama pada awal permainan separuh masa pertama melalui bola hantaran rendah dari Radiman Abd. Rahman dekat pintu gol TNB Kelantan dan hanya menolak masuk menewaskan penjaga

gol, Noramri Md. Nawi.

Ketua pasukan TNB Kelantan, Ruzlan Ismail yang melakukan gerakan solo selepas memperdaya pertahanan tuan rumah berjaya menyamakan kedudukan 1 - 1 apabila rembatannya membolosi pertahanan penjaga gol Alizanda Sitom.

Bagaimanapun tuan rumah kemudian memperolehi jaringan kedua juga melalui Irwan Mohammad untuk mendahului 2 - 1 apabila bola tinggi hantaran Awangku Sallehuddin Pengiran Haji Damit berjaya dirembat masuk.

Sementara itu dalam undian kumpulan perlawanan Piala Malaysia yang akan bermula 22 Ogos depan, skuad negara berada dalam Kumpulan 'A' bersama Selangor, Pahang dan Melaka. Kumpulan 'B' Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Kelantan dan Perlis. Kumpulan 'C' Terengganu, Sarawak, Johor F.C dan Sabah, manakala Kumpulan 'D' terdiri daripada Perak, Negeri Sembilan, Kedah dan Johor.

Pada pusingan pertama, skuad negara akan bertandang ke Melaka pada 22 Ogos, ke

Pahang pada 26 Ogos dan bertemu Selangor di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 2 September.

Selepas itu pada pusingan

kedua pula skuad negara menja- di tuan rumah kepada Melaka pada 5 September dan Pahang 9 September, manakala menen- tang Selangor di Shah Alam pada 16 September.



LAYAK BERAKSI KE PERLAWANAN PIALA MALAYSIA Riwardi Wahit sempat melihat bola rembatannya menuju pintu gol sebelum ditolak ke- luar oleh pertahanan TNB Kelantan, Saidi Mamat (jerai 10). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Piala Malaysia 2000

Kumpulan A

Selangor
Pahang
Melaka
Brunei Darussalam

Kumpulan C

Terengganu
Sarawak
Johor F.C.
Sabah

Kumpulan B

Pulau Pinang
Kuala Lumpur
Kelantan
Perlis

Kumpulan D

Perak
Negeri Sembilan
Kedah
Johor

Brunei telah melaksanakan Montreal Protokol

BERAKAS, 26 Julai. - Selaku negara ahli kepada Perjanjian Sejagat Montreal Protokol, Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan pelbagai rancangan dan kegiatan bagi memastikan negara ini menepati obligasinya yang mengawal penggunaan bahan-bahan yang merosakkan lapisan ozon, iaitu lapisan pelindung bumi daripada sinaran ultra ungu.

Salah satu daripada kegiatan tersebut ialah melaksanakan penyediaan pelan tindakan ke arah pemberhentian secara berperingkat-peringkat mengenai dengan penggunaan bahan-bahan yang dikawal oleh Montreal Protokol.

Antara matlamat penyediaan tindakan tersebut ialah dengan memastikan para pengguna dan 'consumer', dan industri di negara ini tidak akan terjerjes terutama dalam pembuatan dan penggunaan bahan-bahan yang boleh merosakkan lapisan ozon.

Pemangku Ketua Unit Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Omar bin Haji Tahir menjelaskan perkara tersebut dalam Majlis Pembukaan Rasmi Seminar On Refrigerant and Chiller Management dan Pelancaran Gas Penyejuk FR12TM (R416A) Refrigerant Gas Technology yang berlangsung di kementerian berkenaan.

Oleh Abu Bakar HAR

Beliau menjelaskan, Negara Brunei Darussalam yang terkandung sebagai negara-negara membangun adalah dikehendaki untuk membekukan import CFC di tahap 78 tan setahun bermula tahun 1999 hingga 2004 sehingga ke tahap 39 tan setahun antara tahun 2005 hingga 2006 manakala ke tahap 12 tan setahun pada tahun 2007 hingga 2009 dan dijangka memberhentikan import CFC sepenuhnya pada tahun 2010.

Walau bagaimanapun tegasnya, memandangkan pelan tindakan yang telah disediakan mencadangkan supaya Negara Brunei Darussalam menghentikan import CFC sepenuhnya pada tahun 2006 tanpa menjejaskan keperluan-keperluan lain kerana di dalam pasaran negara ini sudah terdapat alat-alat penyejuk alternatif yang tidak menggunakan CFC seperti sistem yang menggunakan R134a.

Dalam membantu mengurangkan pertumbuhan penggunaan CFC di negara ini, Awang Haji Omar menjelaskan tindakan awal yang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik merupakan satu langkah yang baik iaitu dengan tidak membe-

narkan pemasangan baru sistem hawa dingin di bangunan yang menggunakan bahan tersebut sejak 1997 dan langkah tersebut juga akan dilaratkan kepada sektor-sektor pengguna CFC besar yang lain seperti sektor hawa dingin kenderaan.

Hadir merasmikan majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap dalam Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin (tengah) ketika hadir merasmikan Seminar 'On Refrigerant and Chiller Management' dan Pelancaran Gas Penyejuk FR12TM (R416A) (Refrigerant Gas Technology) yang berlangsung di Kementerian Pembangunan. Gambar oleh Mahmud HI.

Bantu kerajaan jayakan SBLILP

GADONG, 27 Julai. - Ketua Pengarah Sekretariat Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Abdul Wahab bin Juned menyatakan para majikan, pekerja perlu mempunyai rangkaian kerjasama dengan kerajaan dalam melaksanakan Skim Bantuan Latihan Industri Layan dan Pelancongan (SBLILP) yang telah ditubuhkan baru-baru ini.

Kerajaan, katanya telah menyediakan skim dan menyediakan dasar untuk membantu pelancongan dan industri layan yang berkaitan dan perkara tersebut tidak sebolehnya dipulangkan kepada kerajaan.

Berucap di Majlis Taklimat Mengenai Skim Latihan dan Layan Program Industri kepada pengusaha hotel dan ejen pelancongan di Institut Perkhidmatan Awam, Ketua Pengarah Sekretariat Majlis Ekonomi menjelaskan para majikan mestilah mempunyai peranan bagaimana membantu kerajaan dalam hal ini, memandangkan, kerajaan sudah bersedia untuk membantu majikan-majikan, pekerja dan seterusnya membantu dalam melaksanakan perkara ini.

"Majikan bukanlah sekadar untuk memberikan maklumat atau menyatakan pekerja-pekerja tempatan tidak mempu-

RANGKAIAN KERJASAMA PERLU ADA

Oleh Ahat HI

nai sikap yang betul, tidak dedikasi atau tidak mengikut disiplin kerja. Ini perkara yang sudah jelas sebagai satu masalah dan cabaran kita," tegasnya.

"Jadi, elemen dalam rangkaian tanggungjawab ini ialah pekerja atau pencari kerja itu setentunya dididik dengan sikap yang kitani harapkan mempunyai didikasi, berdisiplin dan seumpamanya agar mereka dapat bekerja untuk kebaikan majikan ataupun syarikat yang mem-

berikan sumber nafkah kepada mereka, tegasnya lagi.

Beliau selanjutnya menjelaskan, kerajaan sudah menyedari sejauh mana perkhidmatan kerajaan itu boleh menerima ataupun mewujudkan jawatan-jawatan tanpa memikirkan kesan kepada ekonomi.

"Ertinya apa-apa yang diwujudkan adalah untuk kepentingan ekonomi itu dan bukannya merupakan pembaziran. Sebab itulah kerajaan melihat kepada peluang-peluang pekerjaan di dalam sektor swasta. Di dalam sektor swasta itulah juga sumber yang diharapkan lagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan," terangnya.

Sehubungan itu, katanya, jika rangkaian majikan, kerajaan dan pekerja itu tidak sama-sama menghayati kepentingan atau komitmen masing-masing, pakatan tersebut sukar untuk mencapai kejayaan.

Semasa perjumpaan tersebut, wakil-wakil pengusaha hotel dan agen pelancongan telah mendengar taklimat mengenai skim berkenaan yang disampaikan oleh Awang Haji Kamis bin Tamin, salah seorang Pengarah di Sekretariat Majlis Ekonomi dan juga latihan yang akan disediakan oleh kerajaan melalui Institut Teknologi Canggara (CIT) untuk kegunaan APEC 2000.

ATLDB dan CARAT adakan latihan ketenteraan

Oleh Abu Bakar HAR

MUARA, 7 Ogos. - Latihan ketenteraan bersama antara Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) dengan Angkatan Tentera Laut Amerika Syarikat (CARAT) selama lima hari yang bermula hari ini telah dibuka rasmi oleh Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Dato Panglima Kolonel Haji Awang Abdul Jalil.

Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, dalam ucapan perasmian berkata, latihan ketenteraan bersama yang diadakan kali ini sekurang-kurangnya akan dapat memberi peluang pendedahan dan latihan bagi anggota ATLDB.

Di samping itu beliau juga menyambut baik latihan yang diadakan itu kerana melibatkan pegawai-pegawai dari kedua-dua angkatan berkenaan yang membolehkan mereka bertukar-tukar pandangan dan fikiran.

Antara matlamat latihan bersama (antara ATLDB dan CARAT) ini diadakan ialah untuk mengeratkan hubungan persahabatan dan meningkatkan hubungan antara anggota-anggota tentera kedua-dua buah angkatan tersebut di samping memberi mereka peluang untuk bekerjasama dalam semua bidang.

Hadir di majlis perasmian itu termasuklah Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini, Puan Yang Terutama Puan Sylvia Gaye Stanfield dan Rear Admiral Mark J. Edward beserta pegawai-pegawai dari kedua-dua angkatan tentera.

Pasukan Angkatan Tentera Laut Amerika Syarikat berada di negara ini pagi tadi setelah merapat di Pelabuhan Muara dengan dua buah kapal perang iaitu USS Sides (FFG14) dan USS Reuben (FFG77).



KETUA Pengarah Sekretariat Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Abdul Wahab ketika memberikan taklimat mengenai Skim Latihan dan Layan Program Industri kepada pengusaha hotel dan ejen pelancongan. Majlis berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Amat HM.

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benarnya pada setiap masa, mudah-mudahan kita selamat di dunia ini bahkan akan terus selamat dan berbahagia di akhirat nanti.

Sudah menjadi rempah ratus kehidupan ada waktunya kita ditimpa kemalangan atau kecelakaan sama ada kecil atau besar. Kadang-kadang kemalangan berlaku di dalam rumah, di tempat kerja, di tempat awam dan sebagainya. Kemalangan itu terjadi ada kalanya berpunca dari kecuai atau kesilapan sendiri, tidak kurang juga disebabkan orang lain. Lantaran itu kita hendaklah selalu waspada dan bertekad tidak akan mengulang kesilapan serta akan mengambil iktibar dari apa jua yang berlaku di sekeliling kita. Umpamanya di negara kita ini kejadian kemalangan di jalan raya kerap kali berlaku, siang, malam, waktu hujan, di jalan kecil, jalan besar, di kampung dan di bandar. Mangsa-mangsa tragedi kemalangan itu amat dahsyat dan mengerikan.

AJAL DAN MAUT

Jalan raya amat mustahak dan berguna pada kita semua, tidak kira di mana saja, kampung dan kota fungsinya adalah menghubungkan bagi memudahkan orang ramai menuju ke suatu arah atau tujuan dengan lebih cepat dan senang dan lain-lain. Malahan jalan raya adalah tempat aman dan selamat bukannya tempat memperoleh kebinasaan atau ajal dan maut, demikian juga bukanlah gelanggang atau medan perlumbaan kereta.

Menurut perangkaan Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam mencatatkan, bilangan kemalangan telah mencapai 1,481 kes dalam enam bulan pertama sahaja iaitu dari bulan Januari sehingga bulan Jun tahun 2000, sementara 24 orang telah mati terkorban setakat ini. Dalam erti kata yang lain lapan kes kemalangan berlaku setiap hari atau satu kes setiap tiga jam. Kita merasa terperanjat dengan jumlah tersebut, namun itulah yang berlaku.

Perangkaan Majlis Keselamatan Jalan Raya pada tahun 1999 turut merekodkan kategori kemalangan seperti berikut:

- 1) Kereta dengan kereta berjumlah 704 kes
- 2) Kereta dengan motosikal 12 kes
- 3) Kereta dengan basikal 8 kes
- 4) Kereta dengan pejalan kaki 8 kes
- 5) Kereta dengan haiwan 19 kes
- 6) Kemalangan sendiri berjumlah 712 kes
- 7) Kemalangan kematian



Suara dari mimbar

berjumlah 40 kes. Jumlah keseluruhan kemalangan ialah 2,782 kes, sementara sebanyak 1,282 atau 46 peratus adalah kemalangan sendiri.

HAK UMUM

Berbagai-bagai program dan usaha di jalankan oleh pihak-pihak berkenaan agar tahap dan paras kemalangan itu dapat dikawal dan berkurangan, misalnya ceramah-ceramah, kempen-kempen, promo-promo dan sebagainya. Sebagai pengguna jalan raya, kita semua mampu

Punca kemalangan di jalan raya Melanggar peraturan dan undang-undang

tolak ansur, bertimbang rasa, sentiasa berhati-hati dan waspada, tidak sombong, ego, berlagak atau eksyen ketika berada di jalan raya. Apabila memandu di waktu malam atau hujan tingkatan kewaspadaan, kurangkan laju kerana pemandangan atau penglihatan kabur, jalanraya licin dan sebagainya. Apabila saja ada kesilapan atau kecuai walaupun kecil akan mengakibatkan kecelakaan atau kesusahan.

MELANGGAR

Faktor-faktor yang menjadi punca terjadi kemalangan jalan raya antaranya ialah:

Melanggar peraturan atau undang-undang lalu lintas, misalnya berjalan ketika lampu merah menyala, tidak mematuhi tanda-tanda jalan, tidak berhenti di simpang, memandu dengan terlalu laju melimpasi had yang dibenarkan sehingga tidak dapat mengawal kenderaan, memotong sesuka hati, memandu terlalu rapat dengan kenderaan di hadapan, mengantuk, leka atau khayal ketika memandu, terdapat jua pemandu berbual-bual menggunakan telefon bimbit atau mobile. Apabila perkara ini dilakukan pemandu akan kehilangan perhatian atau tumpuan yang boleh membawa kepada mara bahaya. Selain punca-punca tersebut kelalaian pemandu kenderaan dalam memastikan kenderaan dan peralatan-peralatan berfungsi dengan sempurna sebelum memulakan perjalanan hal-hal seumpama ini patut diambil berat.

Kadar kemalangan yang melibatkan para belia sama ada yang baru mempunyai lesen memandu mahupun yang be-

lum mempunyai lesen memandu juga mencemaskan. Bagi yang baru berlesen pengalaman di jalan raya masih kurang justeru itu jangan lupa diri utamakan keselamatan bukan keseronokan. Sementara para remaja di bawah umur yang belum diiktiraf secara sah adalah dinasihat dan diingatkan supaya jangan memandu kenderaan walaupun ke mana saja. Ke arah ini para ibu bapa janganlah terlalu memanjakan anak-anak remaja dengan memberi kebebasan untuk memandu. Janganlah tuan-tuan membiarkan anak-anak berjinak-jinak dengan memandu kenderaan tanpa lesen yang sah, jika hal ini tidak dikawal dan dibiarkan samalah halnya menjerumuskan anak-anak ke dalam bahaya dan kemalangan.

Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan."

DOA

Marilah kita sama-sama meningkatkan kesedaran akan kepentingan keselamatan di jalan raya, ikutilah peraturan-peraturan dan undang-undang lalu lintas yang telah ditetapkan dan dinasihatkan kepada pengguna-pengguna jalan Raya supaya mengamalkan bacaan doa ketika menaiki kenderaan bukan sekadar terlekat sahaja di cermin-cermin kereta dan sebagainya, iaitu yang ertinya:

"Segala puji bagi Allah yang telah memudahkan (kenderaan) ini bagi kami sedangkan kami tidak berkuasa apa-apa dan kepada Tuhan kami dikembalikan."

Mudah-mudahan perjalanan kita mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wataala.

"Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari akibat perbuatan mereka agar mereka kembali ke jalan yang benar." (Surah Ar-Ruum: 41).

Ajaran sesat

(Kelolaan Pusat Da'wah Islamiah)

Siri 20

BOLEHKAH KITA MENGETAHUI BILA PINTU LANGIT ITU TERBUKA?

DAKWAAN seseorang itu boleh mengetahui bila pintu langit terbuka adalah salah dan bertentangan dengan ajaran Islam, kerana terbukanya pintu langit adalah perkara ghaib yang Allah sahaja yang mengetahuinya dan ianya adalah atas kekuasaan Allah Subhanahu Wataala. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Naml ayat 65 yang tafsirnya

"Katakanlah lagi: Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah."

Disebutkan dalam fatwa Syeikh Al-Azhar bertarikh 1 Jamadilakhir, 1414H bersamaan 15 November, 1993M bahawa mengetahui tentang perkara ghaib adalah di antara perkara-perkara yang hanya Allah sahaja yang mengetahuinya dan Allah tidak mendedehkannya kepada sesiapa pun tentang perkara itu kecuali sekiranya Allah menghendaki untuk disampaikan perkara ghaib itu kepada manusia pilihan-Nya iaitu nabi-nabi dan rasul-rasul alaihimussalam. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Jiin ayat 26 dan 27 yang tafsirnya:

"Tuhan sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Ia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuinya itu kepada sesiapa pun. Melainkan kepada mana-mana Rasul yang direda-Nya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya; apabila Tuhan hendak melakukan yang demikian) maka Ia mengadakan di hadapan dan di belakang Rasul itu malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasnya (sehingga perkara ghaib itu selamat sampai kepada yang berkenaan)."

وقت سمیع، امسال، شوروک دات ضحی

وقت ۲ سمیع، امسال، شوروک دات ضحی باکی دایره بروی دات موارا مولای داری هاری رابو، 16 جمادی الاول 1421 برسمات 16 اوتوس 2000 هیئت کھاری ثلاث، 22 جمادی الاول 1421 برسمات 22 اوتوس 2000 اذاته سورت دباوه این :-

هجری	ظہر	عصر	مغرب	عشا	امسال	صبح	شوروک	ضحی	مسیحی
جمادی الاول									اوتوس
16	12.26	3.42	6.36	7.45	4.47	4.57	6.16	6.40	16
17	12.26	3.41	6.35	7.45	4.47	4.57	6.16	6.40	17
18	12.26	3.40	6.35	7.44	4.47	4.57	6.16	6.40	18
19	12.26	3.40	6.35	7.44	4.47	4.57	6.16	6.39	19
20	12.25	3.39	6.34	7.43	4.47	4.57	6.16	6.39	20
21	12.25	3.38	6.34	7.43	4.47	4.57	6.15	6.39	21
22	12.25	3.38	6.34	7.42	4.47	4.57	6.15	6.39	22

وقت ۲ سمیع باکی دایره توتوع دایره ساتو مینیت دات دایره بلایت دایره تیگ مینیت، سمیع فرض جمعة دسوروک لکرا بروی دارالسلام دمولای دری فوکل 12.45 تعاری.

SUNAT DIUTAMAKAN, WAJIB DIABAIKAN?

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu
Wassalamu 'Ala Rasulillah,
Wa'alaa Aalihie Wasahbihi Waman Wallah.

MANUSIA dijadikan oleh Allah Subhanahu Wataala tidak lain hanya untuk menyembah dan beribadat kepada Allah semata-mata. Perkara ini juga sebagai bukti bahawa manusia itu sentiasa berhajat kepada-Nya dan berada di dalam kekuasaan-Nya. Hal tersebut dinyatakan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam firman-Nya yang bermaksud: "Dan (ingatlah) Aku tidak menjadikan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku." (Surah Adz-Zaariyat: 56)

Dalam menjalankan tanggungjawab sebagai hamba kepada Allah Subhanahu Wataala terdapat tuntutan-tuntutan yang dikenali dengan beberapa istilah hukum. Istilah itu ialah wajib, sunat, makruh, haram dan harus.

Fardu dan wajib mempunyai maksud yang sama kecuali beberapa perkara di dalam bab haji. Sebenarnya perkara yang fardu dan wajib dalam Islam yang mesti ditunaikan oleh semua orang Islam itu bukanlah bermaksud sehingga membebaskan seseorang Muslim untuk melakukannya. Bahkan ia merupakan tugas, tanggungjawab dan syariat yang di dalamnya terkandung berbagai hikmat dan fadilat bagi mencapai kebahagiaan dan kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat. Contohnya sembahyang yang wajib dilakukan sehari semalam. Masa yang diambil untuk menunaikan sembahyang tersebut hanyalah sedikit, jika dijumlahkan kelima-lima waktu itu tidak pun sampai satu jam. Masa tersebut jauh berbeza jika dibandingkan dengan masa dua puluh empat jam yang ada dalam sehari semalam.

Walaupun demikian, dalam menunaikan tanggungjawab yang diwajibkan itu bagi

orang-orang yang lemah iman dan takwanya tetap sahaja merasakan sebagai bebanan. Ini dijelaskan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam firman-Nya:


Tafsirnya: "Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk." (Al-Baqarah: 45).

Adapun perkara-perkara sunat boleh menampung kecacatan-kecacatan atau kekurangan yang tidak disadari berlaku semasa menunaikan amalan fardu. Kemungkinan dalam menunaikan amalan fardu itu tanpa disadari wujud kecacatan atau kurang sempurna. Hal sedemikian dijelaskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sabdanya bermaksud: "Jika didapati sembahyang fardunya sempurna, maka ia akan ditulis sempurna, jika sembahyang fardunya tidak sempurna, maka Allah memerintahkan (kepada para Malaikat) memeriksa tentang sembahyang sunatnya." (Hadis riwayat An-Nasaei)

Sekiranya amalan fardu itu sempurna dikerjakan maka mengerjakan amalan sunat merupakan satu kelebihan

Bilangan 104 Siri Pertama

besar. Amalan fardu itu diibaratkan sebagai modal dan amalan sunat itu merupakan keuntungan dan laba. Dalam hal ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat menggalakkan membuat amalan sunat tersebut sebagaimana riwayat Thalhah bin Ubaidillah bahawa seorang lelaki daripada penduduk Najd telah bertanya kepada Nabi mengenai kewajipan sembahyang, puasa dan zakat, Baginda bersabda: yang bermaksud: "Sembahyang itu lima kali dalam sehari semalam," lalu lelaki tersebut berkata: "Apakah ada kewajipan atasku selain daripada sembahyang?" Baginda menjawab: "Tidak kecuali yang sunat," Baginda menyambung lagi: "Dan puasa dalam bulan Ramadan." Lelaki itu bertanya: "Apakah ada kewajipan atasku selain daripada itu?" Baginda menjawab: "Tidak kecuali yang sunat." Thalhah berkata: "Dan Rasulullah menyebutkan kepadanya (lelaki itu) mengenai zakat," seraya lelaki itu bertanya: "Apakah ada kewajipan atas-



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail: mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

ku selain daripadanya?" Nabi menjawab: "Tidak kecuali yang sunat." Lalu Thalhah berkata: "Lelaki itu berpaling dan berkata: 'Demi Allah saya tidak menambah perkara ini dan tidak menguranginya.' Rasulullah bersabda: 'Berbahagialah engkau jika benar.'" (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Galakan amalan sunat yang dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan balasan serta ganjaran yang diberikan kepada orang yang melakukannya sangat besar. Antara hadis-hadis yang menyebutkan tentang ganjaran amalan dalam ibadah sunat sebagaimana yang disabdakan oleh Baginda yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah telah berfirman: 'Barangsiapa yang memusuhi wali-Ku, maka sesungguhnya Aku telah mengistiharkan perang terhadapnya. Dan tiada hamba-Ku berdamping kepada Aku de-

ngan sesuatu, yang lebih Aku sukai daripada dia menunaikan perkara yang Aku fardukan ke atasnya, dan sentiasalah hamba-Ku berdamping kepada Aku dengan membuat perkara-perkara yang sunat sehingga Aku kasihkan dia, maka dengan pendengaran-Ku dia mendengar akannya, dan dengan penglihatan-Ku, dia akan melihat akannya, dan dengan kudrat-Ku tangannya membuat akannya, dan dengan kudrat-Ku, dia berjalan dengan kakinya dan jika dia memohon daripada-Ku, nescaya Aku berikan dia, dan jika dia memohon perlindungan-Ku, nescaya Aku lindungkan dia, dan tiadalah Aku teragak-agak akan membuat sesuatu, sebagaimana yang Aku sendiri membuatnya, Aku teragak-agak dari jiwa hamba-Ku yang mukmin yang bercikan mati, dan Aku benci akan menyakitinya akan-nya.'" (Hadis riwayat Al-

Bukhari).

Al-Quran juga ada menyebutkan mengenai perintah wajibnya melaksanakan hukum dan peraturan yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada Rasul-Nya. Hal ini digambarkan dalam firman Allah:

Tafsirnya: "Ini ialah satu 'surah' yang Kami turunkan, dan Kami wajibkan hukum-hukumnya (menjalankannya), dan Kami turunkan padanya ayat-ayat keterangan yang nyata supaya kamu beringat (mengamalkannya)." (Surah An-Nuur: 1)

Berdasarkan ayat ini Allah Subhanahu Wataala memerintahkan kepada makhluk-Nya supaya melaksanakan segala hukum dan peraturan yang ditetapkan-Nya. Peraturan dan hukum itu wajib dijalankan oleh orang Islam tanpa ragu-ragu serta dengan penuh ketakwaan kerana peraturan dan hukum yang ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wataala itu benar-benar boleh juga maslahat manusia tanpa pilih kasih. Ia juga benar-benar mampu menyelesaikan segala permasalahan dengan baik tanpa perlu kepada pindaan-pindaan kerana ia dicipta oleh Allah Yang Maha Mengetahui akan setiap sesuatu. Selain itu hukum-hukum tersebut berperanan sebagai pemberi ingatan dan nasihat kepada orang Islam, mendidik jiwa supaya bertakwa dan membawa umat kepada jalan yang sempurna dalam kehidupan bermasyarakat dan berkeluarga.

Bersambung

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

TUDUHAN yang tidak berasas dan senghaja dibuat untuk memburukkan nama dan keperibadian seseorang adalah suatu perbuatan yang kejam dan berdosa. Tindakan sedemikian boleh membinasakan kebahagiaan dan masa depan orang yang dituduh tersebut. Manusia yang hipokrit serupa itu memangnya tidak bertanggungjawab dan biasa mementingkan diri sendiri dan lebih dahsyat lagi usahanya mengambil kesempatan dalam kesempitan. Pendirian serupa ini tidak digalakkan dan dilarang sama sekali di dalam Islam.

Tuduhan tanpa usul periksa serupalah dengan tindakan meng-hukum dan membunuh hamba Allah yang tidak berdosa. Umpamanya membuat tuduhan sedangkan yang dituduh tidak melakukan perbuatan tersebut. Dalam hal ini, jika ternyata orang itu tidak bersalah maka yang menuduh tetap tidak terlepas dari dosa dan boleh dikenakan hukuman sepertimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Nuur ayat 4, yang tafsirnya:

"Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya. Kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima pesaksian

Tuduhan palsu membawa kebinasaan

mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang fasik."

Dan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Nuur ayat 23 tafsirnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan yang terpelihara kehormatannya, yang tidak terlintas memikirkan sebarang kejahatan, lagi yang beriman, akan dilaknat. (oleh Allah Subhanahu Wataala) di dunia dan akhirat, dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang besar."

Bila diamat-amati akan balasan yang terdapat di dalam firman Allah tersebut, tentunya kita akan merasa gerun dan takut. Sebaliknya bagi yang tertuduh tentu kecewa dan mereka hidupnya akan gelap tanpa pembelaan yang sempurna. Bila ini terjadi, maka pemikiran akal yang waras harus ada dalam meneliti dan memberikan simpati ke arah yang bernasib malang yang tidak berdosa. Dengan jalan ini barulah kita sama-sama dapat membina perpaduan umat Islam menuju ke arah yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala jua. Dalam perkara ini kita harus berhati-hati dan jauhilah dari sifat suka menuduh seseorang di dalam segala hal. Tidak dinafikan isu tuduh menuduh biasa terjadi di mana-mana sahaja. Perkara sedemikian ini terjadi terutamanya berpunca dari hati yang kotor yang terdapat di dalamnya sifat-sifat tercela seperti dendam, iri hati dengan kebahagiaan orang lain, bahkan banyak lagi sebab

yang membolehkan perkara ini terjadi antaranya ialah kurangnya ilmu pengetahuan tentang hukum agama Islam.

Justeru itu, setiap hamba Allah dilarang untuk membuat sebarang tuduhan terhadap orang lain atau di kalangan keluarga. Umpamanya si suami menuduh isterinya yang tiada berdosa bersikap curang dan berzina, pasti si suami akan menerima balasan. Ini dijelaskan di dalam firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Nuur ayat 6 yang tafsirnya:

"Dan orang-orang yang menuduh isterinya berzina, sedang mereka tidak ada saksi-saksi (yang mengesahkan tuduhannya itu) hanya dirinya sendiri, maka persaksian (yang sah pada syarak) bagi seseorang yang menuduh itu hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa sesungguhnya ia dari orang-orang yang benar."

Dalam perkara ini, hanya dengan persaksian dan sumpah yang benar kerana Allah sahaja yang diterima asalkan tidak dengan jalan kepura-puraan ataupun kepalsuan. Perilaku kepura-puraan dan kepalsuan yang dimaksudkan tersebut ialah sikap berani menuduh dan berani mengada-adakan sumpah yang tidak benar hanya mengikut hati dan nafsu sendiri sahaja. Apa yang pasti, sesiapa sahaja di kalangan hamba Allah yang melakukan dosa sudah tentu akan menerima balasan. Justeru itu, kita haruslah sentiasa berwaspada dalam menghadapi kehidupan sehari-hari.

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

C ERPEN yang menarik perhatian saya untuk diulas kali ini bertajuk IBU tulisan PUASHA yang tersiar di Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI keluaran yang bertarikh 3 Mei, 2000.

Menatap sahaja tajuk yang mengandungi tiga huruf iaitu IBU maka terdetiklah hati kita tentunya tentang pengertian-pengertian atau maksud-maksud di sebalik makna ibu itu sendiri. Lahirnya seseorang di dalam dunia ciptaan Tuhan ini, adalah datangnya daripada seseorang ibu. Syurga itu terletak di bawah telapak kaki ibu, demikianlah di antara kata-kata hikmat yang begitu tinggi penilaiannya terhadap insan yang digelar ibu itu. Di samping seorang ayah, maka pada ibulah tergantungnya penjagaan sepenuhnya bagi seseorang anak itu, meskipun telah besar dan dewasa. Pendek kata, ibu adalah segala-galanya selain daripada seorang ayah yang dipertanggungjawabkan untuk mencari nafkah sesebuah keluarga itu. Andainya ibu telah tiada, sama ada tiada lagi di dalam dunia ini atau kerana terpisah oleh sebab sesuatu keadaan, maka ketidakberadaannya itu terlalu dirasakan, meskipun demikian, ada juga insan yang bergelut anak itu yang begitu drastik mengetepikan kewujudan sang ibu itu. Mereka sanggup menderhaka, meminggir dan melukakan hati serta berbagai-bagai cara lagi yang bertujuan membelakangi mereka dengan bermacam-macam alasan tersendiri seperti apa yang pernah berlaku dalam legenda Nakhoda Manis di Brunei Darussalam, si Tenggang di Malaysia Barat dan Malim Kundang di Sumatera, Republik Indonesia yang malu beribukan emak mereka sebenarnya kerana melihatkan kedaifan si ibu itu setelah ditinggalkan begitu lama di perantaraan hingga si ibu itu lupa pada keadaan diri disebabkan terlalu sangat mengharap anak kesayangannya itu kembali dengan selamat, tetapi berlaku pula di sebalikinya.

Nakhoda Manis, di Tenggang dan Malim Kundang merasa takut nantinya tidak akan diterima oleh isteri masing-masing yang cantik dan terdiri daripada keluarga yang kaya itu kerana mereka telah menceritakan bahawa ibu mereka itu adalah seorang yang kaya, terutama kepada Nakhoda Manis bahkan tidak daif, malah apabila telah datang ke negeri masing-masing, berlaku pula di sebalikinya. Mereka merasa terlalu malu. Menyedari akan hal yang terlalu menyayat hati demikian, dan terlalu kecewa, maka ibu-ibu itu pun tidak merela atau mengizinkan air susu yang telah membesarkan anak masing-masing itu. Tulahnya, Nakhoda Manis, Si Tenggang dan Malim Kundang pun tersumpah lalu menjadi batu yang buktinya dapat dilihat hingga kini.

Selain daripada ringkasan cerita di atas, ada juga anak yang tergamak menganiaya ibunya dengan berbagai-bagai cara yang sukar diterima oleh insan yang prihatin kepada kewujudan seseorang ibu dalam kehidupannya. Dosanya amat besar dan tidak akan mencium bau syurga.

Melalui cerpen IBU tulisan PUASHA ini, saya ingin mengesan ibu kandung yang tidak diketahui di mana tinggalnya. Keinginan itu dinyatakan kepada emak angkatnya yang mengasuh sedari kecil hinggalah berusia lebih 25 tahun telah bekerja dan berpeluang melanjutkan pelajaran di UBD.

Semuanya itu berpunca daripada keinginan sendiri emak dan ayah angkatnya itu mahu memberitahu yang 'saya', adalah anak angkat sahaja, tetapi sebelum 'saya' tidak perasaan bahawa dia adalah rupa-rupanya cuma anak angkat kepada keluarga penyanggah dan tidak mempunyai anak itu, dan telah lama menginginkan anak walaupun hanya anak angkat. Emak dan ayah angkatnya itu terlalu menyayangi sehingga dia tidak perasaan siapa dirinya yang sebenar dalam kehidupan dua insan penyanggah itu.

Selepas mendapat kebenaran daripada ayah dan emak angkatnya itu, 'saya' pun berpeluang menemui ibu saudara iaitu adik-beradik ibu sebenarnya yang dicari-carinya itu. Ibu saudara yang dipanggilnya dengan Babu itu telah menceritakan sejarah awal kenapa dia menjadi anak angkat kepada Pak Abu dan Mak Miah itu.

Ibu 'saya' di masa gadisnya memanglah cantik (melalui album gambar keluarga). Dan setiap gadis yang cantik lazimnya menjadi idaman seseorang lelaki. Ibu 'saya' lalu mencintai sepenuh hati seorang pemuda yang menaburi berbagai-bagai janji manis. Ibunya begitu terutuh dengan menaburi itu kerana telah disogok dengan penunaian apa-apa sahaja yang dimahukan oleh ibunya ketika itu, malah seringkali pula menerima hadiah. Dalam keghairahan bercinta itu mereka lalu terlanjur melakukan sesuatu yang sepatutnya dikekalkan kerana takutkan azab Allah Subhanahu Wataala. Pemuda itu tidak mahu bertanggungjawab dengan apa yang telah berlaku. Ibu 'saya' lalu melahirkan 'saya' sebagai anak luar nikah.

Sebaik dilahirkan, 'saya' pun diserahkan kepada Pak Abu dan Mak Miah yang benar-benar mahukan anak ketika itu, meskipun tanpa persetujuan keluarga ibu 'saya'.

Menerusi Babu, 'saya' mendapat tahu bahawa ibu yang dicarinya itu telah berjaya membuka sebuah kedai yang antaranya berjual hasil-hasil kerja tangan. Semuanya itu adalah daripada dorongan suami barunya bersama-sama dengan dua tiga orang anaknya. Meskipun begitu, menurut keterangan Babu itu, ibu kandung 'saya' amat keberatan untuk menerimanya tinggal serumah dengannya kerana suami baru ibunya itu tidak bersetuju berbuat begitu.

Babu berjanji akan membantu sedaya upaya untuk menemukan 'saya' dengan ibu kandung yang dirindunya itu di samping masih tinggal bersama-sama emak dan ayah angkatnya.

ULASAN CERPEN BERTAJUK 'IBU' TULISAN PUASHA

OLEH HAJI MARIAT HAJI ABDULLAH

Plot cerpen ini dapatlah dicatatkan begini: 'saya' dilahirkan menerusi hubungan yang belum diikat dengan tali pernikahan yang sah. Lelaki yang menjadi ayah 'saya' itu tidak mahu bertanggungjawab dengan perbuatannya, lantas meninggalkan ibu 'saya' dengan begitu sahaja. Lalu tanpa memperdulikan nasihat keluarganya, ibu 'saya' terus memberikan 'saya' kepada Pak Abu dan Mak Miah yang berharap-harap benar memperoleh anak meskipun dengan hanya anak angkat.

Sebelum menyerahkan 'saya' itu, ibunya sempat juga memberikan sebuah kalung sebagai kenangan serta petanda di suatu ketika.

Sememangnya akan berlaku, seseorang anak angkat itu tentunya akan lambat-laun mengetahui juga siapa dirinya yang sebenar dalam keluarga angkatnya itu, cuma caranya sahaja yang berbeza-beza. Demikian juga pada 'saya' pada mulanya tiada siapa pun atau jiran keliling akan memecahkan rahsia dirinya itu, sehinggalah suatu hari ayah dan emak angkatnya itu sendiri yang memecahkan rahsia sebenarnya bahawa 'saya' itu adalah hanya anak angkat mereka sahaja.

Ketika 'saya' masih lagi menuntut di universiti, dia tidak berkesempatan untuk mencari ibunya itu, maka setelah bekerja dan mengambil cuti dia pun mengambil kesempatan itu untuk mencari ibunya lantas menemui Babu iaitu ibu saudara sebelah ibu kandungya itu. Menerusi Babu itulah 'saya' mengetahui kegiatan ibunya yang telah melibatkan diri dalam perniagaan di sebuah kedai yang juga sering menjual hasil-hasil kerja tangan yang diantar oleh Babu itu.

'Saya' tidak berpeluang menemui ibunya itu walaupun dengan pertolongan Babu, kerana ibu yang dicarinya itu kebetulan ke luar negara bagi menguruskan perniagaannya yang banyak didorong oleh suami 'kedua' nya.

Sebenarnya yang mendorong dan memberi semangat kuat pada hajat 'saya' untuk mencari ibunya yang terlalu dirindui itu adalah daripada terbacanya dia menerusi sebuah kisah yang bertajuk: Kata-kata Anak Rusa yang menceritakan pencariannya kepada ibunya yang lama benar terpisah, dan akhirnya bertemu juga. 'Saya' juga mahu seperti anak rusa itu. Sayangnya, sehingga cerpen IBU ini habis ditatap, 'saya' tiada berpeluang menemukan ibunya yang kebetulan pula ke luar negara atas urusan perniagaannya. 'Saya' berharap ibunya itu akan menerimanya kembali apatah lagi setelah dikuatkan oleh pembuktian kalung kenangan yang pernah diberikan kepada 'saya' sewaktu diserahkan kepada emak dan ayah angkatnya pada 25 tahun dahulu.

Ada beberapa mesej atau perutusan yang diperolehi lewat cerpen IBU ini:

1. Anak angkat atau anak asuh itu pasti akhirnya akan mengetahui juga siapa dirinya yang sebenar. Sama ada melalui cerita-cerita orang keliling atau diberitahu sendiri oleh kedua-dua emak dan ayah angkat seperti dalam cerpen IBU ini, tetapi jarang berlaku.

2. Kegiatan orang-orang kampung banyak tertumpu kepada pengedaran warisan-warisan nenek moyang mereka, umpamanya membuat bakul dan sebagainya daripada bilah-bilah bambu. Hasil kerja tangan itu mendapat pasaran yang begitu menggalakkan terutamanya daripada pelancong-pelancong luar yang ramainya terdiri daripada bangsa-bangsa Eropah. Semuanya itu andainya tiada pihak atau adanya orang-orang persendirian yang membantu mempromosikan, maka pasti ia akan tenggelam begitu sahaja.

3. Meskipun ayah dan emak angkat sahaja, anak angkat itu perlu juga mengasihi dengan sepenuh hati, demikian juga sebaliknya.

4. Untuk mendapatkan sesuatu itu, perlulah berusaha dengan gigih, dimisalkan kepada usaha 'saya' yang mencari ibu kandung. Dia akan mencari dengan tidak jemu-jemu.

5. Berbuat sesuatu itu biarlah atas persetujuan bersama, agar tidak menimbulkan bermacam-macam masalah di kemudian hari, umpamanya ibu 'saya' mengasuhkan 'saya' tanpa mendapat restu keluarga meskipun anak yang dilahirkan itu di luar nikah, supaya tidak kehilangan salah satu daripada keluarga tersayang.

6. Pertemuan antara anak dan ibu atau ayah yang sekian lama terpisah itu adalah sesuatu yang sukar dikatakan, apatah lagi mereka masih dijalin dengan rasa kasih sayang yang terlalu pekat.

7. Bekerja sendiri lebih menyenangkan daripada bekerja kepada pihak-pihak yang menyediakan gaji.

8. Dorongan daripada berbagai-bagai pihak dalam mengendalikan sesuatu kegiatan itu adalah tinggi peratus nilainya disebabkan ia boleh menaikkan semangat, misalnya suami dan anak-anak ibu 'saya' banyak mendorong dia berjaya dalam pengendalian per-

niagaannya hinggalah menampakkan kejayaan dan perkembangannya.

9. Wanita sekarang lebih ramai mahu memajukan diri dalam berbagai-bagai bidang sementelahan lagi telah mendapat galakan daripada orang-orang yang terdekat.

10. Kesalahan yang lalu pastinya ada cara lain untuk berbuat penyelesaiannya tanpa melibatkan sesiapa yang tidak berkenaan.

11. Janji-janji manis yang memerdayakan daripada seseorang lelaki yang banyak mengandungi racun yang bakal memusnahkan kehidupan seseorang gadis atau perempuan itu, akan menerima padahnya yang menyesalkan diri. Sepatutnya seseorang gadis itu tidak dengan sewenang-wenangnya mahu dipujuk rayu dengan janji yang muluk-muluk kerana di sebaliknya ada udang di sebalik batu yang hanya untuk memuaskan nafsu syahwatnya sahaja.

12. Tidak semuanya suami yang bukan ayah sebenar kepada anak isterinya itu, apatah pula anak di luar nikah akan mahu menerima kehadirannya di samping ibu kandung dan si ibu akan terpaksa juga menurut itu demi menjaga keharmonian rumah tangga.

SEKIAN, PUASHA adalah penulis yang rajin berkarya, justeru selagi masih banyak bahan yang boleh diimajinasikan, tulislah atau ketiklah taip ataupun komputer untuk berkarya ke sekian lainnya demi masyarakat serta kepuasan diri. Kritik pada sesebuah karya itu adalah suatu ilmu, maka terimalah ia sebagai penggalak meskipun barangkali ada yang boleh menyebabkan ketidaksenangan hati. Selamat berjumpa lagi di cerpen-cerpen yang lain.

Cerpen ini memperkatakan tentang hubungan antara anak dengan ibu kandung yang sekian lama terpisah. Hajat bermesra-mesra antara satu dengan yang lain sukar dilepaskan dengan begitu sahaja. Kemahuan ibu 'saya' ingin menemui 'saya' diketahui melalui pemberitahuan Babu yang dikunjungi oleh 'saya' ketika mahu mengesan di mana ibunya berada. Berdasarkan kenyataan itu, dapatlah cerpen ini berdiri atas tema: Kasih sayang anak dan ibu kandung yang sekian lama terpisah.

Penggunaan cerita yang dijadikan sebagai contoh dalam cerpen ini bukanlah tidak boleh, kalau ia dirasakan perlu, apa salahnya, cuma tidak perlu panjang asalkan menepati dengan maksud yang hendak diutarakan. PUASHA, rasanya ingin membuktikan dengan sesungguhnya, bahawa 'saya' adalah tidak jauh bezanya dengan harapan yang tinggi pada diri anak rusa itu. Anak rusa itu telah berjaya pada apa yang diharap-harapkannya, tetapi lain pula dengan 'saya', dia belum nampak kejayaan yang dikehendaki, kerana ibunya itu tiada dalam negara bagi urusan perniagaannya walaupun begitu 'saya' tetap akan mencuba cari hingga berjaya.

Benarkah 'saya' itu adalah anak yang mahu menemui ibunya itu? Terserahlah kepada kebijaksanaan para pembaca sekalian untuk menilai sendiri atau begitulah akan berlaku kepada setiap anak yang tergolong nasib dengan 'saya' itu. Ada yang berjaya dan ada juga yang tidak berjaya hingga ke matinya. Pokok pangkalnya, adalah terlalu sukar untuk menceraikan atau memisahkan seseorang itu dengan orang yang dikasihinya, malah tiada mustahil yang mereka berdua itu akan dapat diceraikan atas kemahuan mereka berdua.

Sekian, PUASHA adalah penulis yang rajin berkarya, justeru selagi masih banyak bahan yang boleh diimajinasikan, tulislah atau ketiklah taip ataupun komputer untuk berkarya ke sekian lainnya demi masyarakat serta kepuasan diri. Kritik pada sesebuah karya itu adalah suatu ilmu, maka terimalah ia sebagai penggalak meskipun barangkali ada yang boleh menyebabkan ketidaksenangan hati. Selamat berjumpa lagi di cerpen-cerpen yang lain.

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA

Tawarkan harga yang berpatutan

TREND berbelanja di luar negeri adalah merupakan satu isu yang sering dipersoalkan. Mengapa kebanyakan daripada kita sanggup keluar negeri semata-mata hendak berbelanja? Sebenarnya ada beberapa faktor mengapa perkara ini boleh berlaku. Kemungkinan luar negeri menawarkan harga yang murah, menarik dan berpatutan, mungkin sesetengah barangan yang berjenama dan berkualiti itu tidak terdapat di negara sendiri

Peniaga tempatan perlu bijak

DALAM kedudukan negara yang sedang menghadapi masalah ekonomi sekarang ini, sikap masyarakat tempatan berbelanja di luar negeri langsung tidak menguntungkan. Malah sikap tersebut benar-benar merugikan negara. Wang negara begitu mudah mengalir ke luar negara tanpa sebarang faedah. Dalam pada itu, peniaga tempatan perlu mengambil tindakan bijak agar wang negara tidak mengalir dengan percuma ke luar negeri. Para peniaga tempatan perlu melakukan dan membuat pelbagai strategik untuk menarik minat dan mengambil hati masyarakat tempatan untuk membeli-belah di tempat sendiri.

Selubungan dengan itu, seperti apa yang dapat diperhatikan sekarang, senario atau trend berbelanja di luar negeri ini berpunca dari dua hal. Pertama sikap masyarakat yang begitu pentingkan kualiti. Kedua sikap masyarakat yang pentingkan kuantiti.

Dari segi kualiti, bagi masyarakat tempatan yang mempunyai kedudukan rendah, berbelanja di luar negeri itu lumayan, mereka mempunyai cita rasa yang lebih tinggi. Dengan pendapatan yang sedemikian, mereka lebih suka melancong dan berbelanja di luar negeri. Mereka memandang berbelanja di luar negeri terutama di Eropah begitu tinggi nilainya. Mereka lebih suka jika barangan yang berjenama dan berkualiti yang sememangnya tidak ada dijual oleh peniaga tempatan.

Sementara itu, dari segi kuantiti pula, bagi masyarakat yang berpendapatan rendah, berbelanja di luar negeri dapat mengurangkan perbelanjaan mereka. Mereka dapat memiliki barang yang sama seperti apa yang dijual oleh peniaga tempatan dengan harga yang lebih murah. Sebagai contoh, dari apa yang dapat diperhatikan, ramai masyarakat tempatan yang suka berbelanja di negeri jiran seperti Limbang. Mereka suka membeli-belah di sana-daripada keperluan dapur, hinggalah pelbagai keperluan lain. Selain itu, ramai juga yang mendapatkan perkhidmatan membaiki kereta di sana. Kenapa? Dengan nilai tukaran ringgit Brunei yang lebih tinggi dari Malaysia (B\$2.2), kuasa beli masyarakat tempatan di negeri jiran menjadi lebih tinggi. Dengan harga yang lebih kurang sama, sesuatu barang yang jika mereka beli dalam negeri, mereka hanya dapat satu, tetapi jika di negara jiran, mereka akan dapat satu kali ganda lagi.

Kenyataan di atas menunjukkan senario berbelanja di luar negeri berpunca dari dorongan kepuasan. Kepuasan dari segi kualiti dan kepuasan dari segi kuantiti. Memang diakui untuk menangani masalah ini, bukanlah satu perkara yang mudah. Peniaga tempatan perlu mengkaji banyak sudut dari segi keperluan dan pendapatan masyarakat. Pelbagai strategi seperti potongan harga, iklan dan promosi yang menarik perlu dilaksanakan. Tindakan ini amat penting bagi pendapatan negara. Jika masyarakat tempatan terus berbelanja di luar negeri kita akan rugi. Tahun Melawat Brunei pada 2001 tidak akan memberi pulangan yang besar kepada pendapatan negara jika masyarakat tempatan sendiri lebih banyak berbelanja di luar. Dalam hal ini peniaga tempatan memang bertanggungjawab mengawal trend berbelanja di luar negeri.

Dayang Suraya binti Majid,
No. 5, Simpang 235-7, Kampong Kiarong,
Gadong, BE 1318.
No. k/p : 118981.

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Trend Berbelanja Di Luar Negeri : Peniaga Tempatan Mesti Buat Strategi Dan Pandai 'Ambil Hati.' Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

atau penukaran mata wang yang lebih tinggi.

Walaupun bagaimanapun semua ini, bukan alasan untuk kita melebihi berbelanja di negeri orang. Dalam perkara ini, pihak pengusaha tempatan yang menjalankan perniagaan dan bisnes di negara ini haruslah mengambil berat dan mengatasi masalah ini. Memang dilihat secara kasar, perkara ini adalah perkara remeh-temeh dan ringan, tetapi kita haruslah berfikir beberapa akibat yang bakal kita tempuh dan alami sekiranya kita membiarkannya berterusan.

Adalah merupakan satu idea yang membangun jikalau pihak usahawan tempatan membuat satu strategi yang efektif untuk mengatasi masalah ini. Cara-cara yang difikirkan boleh mengendalikan perkara ini adalah menawarkan harga yang berpatutan dan memberi potongan harga yang setanding dengan negara-negara jiran; mengadakan dan mengetengahkan barang-barang yang berjenama dan model terkini menurut selera dan cita rasa pelanggan atau pengguna; mendapatkan pekerja-pekerja yang ramah-tamah, yang dapat menerangkan satu-satu produk itu dengan baik, bijak dan pandai mengambil hati pelanggan; mempelbagaikan dan memperbanyakkan barang-barang yang berkeadaan baik, baru dan tahan lama. Yang paling penting sekali adalah cara kita menarik perhatian pelanggan di negara kita sendiri. Dalam hal ini hubungan antara penjual dan pelanggan haruslah baik dan mesra. Ada di antara usahawan yang menghadapi masalah 'pelanggan lari', ini disebabkan pihak peniaga itu tidak memuakkan hati mereka dari segi barang-barang mahupun perkhidmatan. Pihak peniaga tempatan haruslah berkorban demi untuk memantapkan dan memulihkan kepercayaan pelanggan terhadap mereka. Pengorbanan dari segi perbelanjaan dan masa haruslah diberikan demi mengekalkan pelanggan, kerana pembeli akan cepat merasa jemu dengan layanan dan produk yang tidak memuakkan hati.

Para pembeli juga haruslah memberikan semangat kepada pihak peniaga tempatan dengan cara mengurangkan berbelanja di luar negeri, semuanya ini adalah terserah kepada pelanggan untuk memikirkannya. Berbelanja di dalam negeri bukan sahaja mengurangkan belanja di luar negeri, tapi secara tidak langsung boleh menambah dan memantapkan lagi ekonomi negara yang kita cintai ini. Tidak ada ruginya berbelanja di negeri sendiri, kerana ianya menjimatkan masa dan kewangan. Pihak peniaga secara tidak langsung boleh memperbanyakkan barang-barang buatan tempatan. Mereka haruslah mempelajari beberapa teknik penjualan dan cara untuk menarik serta mengambil hati pelanggan. Ada peniaga yang tidak kehilangan pelanggan, memandangkan perkhidmatan dan layanan yang diberikan adalah sesuai dan

pelanggan merasa puas dengan barang-barang dan produk yang ditawarkan. Walaupun penggunaan kad kredit di negara kita tidak begitu menyerlah penggunaannya, jika perlu seperti di negara-negara jiran yang lain, penggunaan kad kredit terutama semasa membeli-belah adalah meluas, pihak peniaga bolehlah juga menjadikan penggunaan kad kredit sebagai satu cara alternatif penerimaan pembayaran.

Seperti kata pepatah, 'Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri'. Berbelanja di negara sendiri adalah lebih baik, walaupun terdapatnya kekurangan dari segi faedah dan kebaikannya, ianya akan dapat diatasi demi menguatkan serta memantapkan lagi ekonomi negara dan menjimatkan kos perbelanjaan pelanggan. Jadi berbelanja di negara sendiri.

Awang Dayemo @ Abdul Aziz Haji Moktal,
Unit Penerbit dan Sebaran,
Bahagian Pemberitaan,
Jabatan Adat Istiadat Negara, JPM, BS 8610.
No. k/p : 252386

TAJUK-TAJUK AKAN DATANG

1. 'Perbelanjaan Rumah Tangga Perlu Ditangani Dengan Bijak'. Tarikh tutup 24 Ogos, 2000.
2. 'Peluang Pekerjaan Masih Terbuka Luas, Asalkan' Tarikh tutup 31 Ogos, 2000.
3. 'Penjaja Makanan dan Minuman Mesti Utamakan Kebersihan dan Keselamatan Makanan/Minuman'. Tarikh tutup 7 September, 2000.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Berjimat cermat dalam berbelanja

BANYAK orang yang tak menyedari, bahawasanya banyak berbelanja di luar negeri itu banyak mendatangkan kerugian kepada diri pembeli dan ekonomi negara. Walaupun pertukaran wang yang sangat rendah berbanding dengan di sini, ianya bukannya satu alasan untuk berbelanja lebih di luar negeri. Kita mesti pandai berjimat cermat di dalam perbelanjaan kita terutamanya apabila berada di luar negeri.

Para peniaga tempatan sendiri mestilah pandai mengambil hati para pembeli dan para pelanggan mereka. Dengan cara selalu mengadakan potongan harga yang istimewa pada setiap menjelangnya awal tahun, pertengahan tahun dan penghujung tahun. Potongan harga yang berpatutan boleh menarik banyak pembeli dari dalam dan luar negeri. Janganlah pula ada peniaga-peniaga yang sanggup menipu demi untuk menghindar daripada kerugian yang tak mahu mereka hadapi.

Para peniaga, sebelum mereka menceburi bidang perniagaan telah mengetahui akan risiko-risiko yang akan mereka hadapi semasa membuka perniagaan, tapi lebih baik rugi dahulu dan untung kemudian. Apa salahnya para peniaga rugi sedikit kerana ianya akan membawa keuntungan yang banyak dan tak disangka-sangka datangnya. Misalnya, para pembeli akan berduyun-duyun datang ke kedai peniaga itu dan akan menjadi pelanggan tetap kedai itu, para pembeli pun akan mempercayai peniaga itu dan mereka takkan pernah ragu-ragu untuk membeli barangannya,

dan para pembeli juga akan sentiasa berbelanja lebih di dalam negeri berbanding di luar negeri.

Adanya sesetengah orang yang berpendapat bahawasanya barangan di luar negeri lebih eksklusif dan berkualiti daripada barangan negeri sendiri. Ini ialah suatu pendapat yang perlu dikikis daripada minda mereka, kerana barangan keluaran negeri ini sebanding dan setaraf dengan barangan keluaran luar negeri. Misalnya, produk pemakanan seperti daging ayam yang diusahakan oleh anak-anak tempatan seperti Mulaut Abattoir Farm Sendirian Berhad, produk barangan pembangunan seperti simen yang dikeluarkan oleh Simen Butra Djajanti Sendirian Berhad dan lain-lain lagi produk tempatan yang berkualiti dan eksklusif yang boleh didapati di dalam negara kita ini sendiri.

Lagipun, berbelanja di luar negeri itu adalah suatu pembaziran dan ianya patut dibasmi demi untuk menghindarkan ketidakseimbangan di dalam ekonomi negara. Sedarlah kita semua sekarang, dengan berbelanja di dalam negeri akan meneguhkan dan mengukuhkan lagi ekonomi negara kita sendiri dan akan terhindar daripada kegawatan ekonomi.

Awang Abdul Azmi bin Haji Naim,
No. 170, Jalan 77,
Kampong Perpindahan Lambak Kanan,
Berakas 2515,
No. k/p : 266064.

Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Gasing kekal warisan budaya

PERMAINAN gasing secara pertandingan boleh berfungsi sebagai riadah dan sukan tradisional yang dapat memupuk semangat perpaduan, persefahaman dan kerjasama melalui interaksi antara para pemain.

Sebagai bentuk sukan pula, permainan gasing mempunyai teknik dan strategi tertentu dalam menghadapi lawan di samping memerlukan kemahiran, teknik, kesabaran dan ketahanan mental seperti juga sukan-sukan yang lain.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin menyatakan perkara tersebut di Perlawanan Gasing Peringkat Akhir Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-

Oleh Sahari Akim

54 Tahun berlangsung di Gelanggang Gasing Taman Peranginan Kampong Parit pada 6 Ogos lepas.

Menurutnya, permainan gasing juga berfungsi dalam mengekalkan warisan budaya melalui pertandingan berterusan yang mana apabila warisan budaya dapat dipelihara maka identiti bangsa akan terus terjaga.

Dalam sumbangan ke arah pemeliharaan warisan budaya, Dato Paduka juga menyampaikan penghargaan kepada Persatuan Gasing Kebangsaan kerana berusaha mempopularkan semula sukan tradisional itu di kalangan berbagai peringkat umur dalam masyarakat, bahkan juga memperluaskannya di peringkat negara mahupun di

luar negara melalui pertandingan dengan negara-negara jiran.

Banyak permainan tradisional yang diwarisi di negara ini yang sebahagiannya sudah dilupakan dan terus menghilang dari ingatan dan pandangan tetapi permainan gasing terus mendapat tempat dalam masyarakat kontemporari kerana ia diberikan penyesuaian dan nilai-nilai komersil.

"Sebagai elemen kebudayaan negara maka ia mempunyai potensi untuk menarik perhatian dan minat masyarakat luar yang ingin mengenali lebih dekat masyarakat dan budaya Brunei."

"Tarikan itu akan lebih kuat lagi jika permainan itu dapat dimasukkan sebagai acara tetap dalam kalendar pelancongan negara iaitu sebagai pesta tahunan umpamanya di mana pengunjung-pengunjung dalam dan luar negeri akan sama-sama berpeluang menyaksikan dan memiarkannya," jelas Dato Paduka.

Beliau juga menyeru masyarakat tempatan yang menghasilkan apa jua jenis kraf-tangan yang berunsur kreatif, dan berpotensi untuk dipasarkan supaya memanfaatkan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei bagi kemungkinan meneroka pasaran kecil.

Beliau percaya permainan tradisional lain juga dapat diberikan unsur komersil melalui ciptaan kreatif asalkan ia memenuhi cita rasa dan masyarakat kontemporari.

Dato Paduka menegaskan, apa jua yang berunsur tradi-

sional perlu disesuaikan supaya ia praktikal, dapat diterima oleh keadaan dan waktu serta selera masyarakat semasa untuk memungkinkannya terus hidup dan berkekalan.

Juga hadir menyaksikan pertandingan ialah Duta Besar Jepun, Pesuruhjaya Tinggi Kanada, Pesuruhjaya Tinggi India, Yang Dipertua PERGAB, Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Setia Pahlawan Haji Tudin, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin ketika menyampaikan piala kepada Johan Perlawanan Bergauru Perseorangan Gasing kepada Awang Saidi bin Haji Raman. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Perlawanan gasing Hari Keputeraan

PERLAWANAN Gasing Peringkat Akhir bagi Daerah Brunei dan Muara sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Ke-54 Tahun berlangsung di Gelanggang Gasing Taman Peranginan Kampong Parit, Pengkalan Batu pada 6 Ogos lepas.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin bin Haji Omar.

Pertandingan akhir ialah bagi kategori Gasing Pangkah Banyak Uri bagi merebut hadiah pusingan sumbangan Ketua Kampung Mata-Mata, Gadong, Awang Haji Nayan bin Haji Mohammad yang dijuarai oleh Pasukan Persatuan Gasing Tungku Mahligai Kampong Tungku, naib johan disandang oleh Pasukan Gabungan 3P, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Persatuan Gasing Kampong Putat.

Dalam perlawanan Bergauru Perseorangan Gasing 16 inci hingga 18 inci di tanah, johan disandang oleh Awang Saidi bin Haji Raman, naib johan, Awang Sapar bin Haji Abd. Rashid dan ketiga dimenangi oleh Awang Amran bin Haji Maidin.

Sementara itu dalam perlawanan Bergauru Perseorangan VIP dan Jemputan Khas, johan dimenangi oleh Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Setia Pahlawan Haji Tudin, kedua, Awang Haji Sani bin Akim dan ketiga dimenangi oleh Dato Paduka Awang

Haji Metussin.

Bagi kategori-kategori yang dipertandingkan terdahulu: Gasing 25 hingga 27 inci bagi merebut hadiah pusingan sumbangan Penghulu Mukim Sengkuring, Awang Haji Untong bin Abd. Rahman, juara pertandingan ialah Pasukan Gasing Kampong Manggis 'A', kedua, Gabungan 5P dan ketiga dimenangi oleh Pasukan Manggis 'B'.

Kategori Gasing Borneo 16 hingga 18 inci di tanah piala sumbangan Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar bin Haji Mangsor, johan disandang oleh Persatuan Gasing Kampong Kasat, kedua, Persatuan Gasing Kampong Putat, dan ketiga, Persatuan Gasing Kampong Tungku.

Kategori Gasing Borneo 16 hingga 18 inci Disiut pula dijuarai oleh Pasukan Kampong Manggis 'A', naib johan Pasukan Gabungan 6P dan tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Gabungan 5P.

Kategori Bergauru Perseorangan Gasing 25 hingga 27 inci merebut hadiah pusingan sumbangan Pengiran Momin bin Pengiran Haji Jumat, Pegawai Melesen Jabatan Lembaga Bandaran; johan, dimenangi oleh Awang Ali Rahman bin Haji Badar, kedua, Awang Lilil bin Haji Lisa dan ketiga disandang oleh Awang Sapar bin Haji Abd. Rashid.

Sementara itu, Awang Abidin bin Haji Musa pula terpilih sebagai pemain terbaik bagi kategori gasing 25 hingga 27 inci pada pertandingan tahun ini.



SEORANG peserta beraksi di Perlawanan Gasing Bergauru Perseorangan di Perlawanan Gasing Peringkat Akhir bagi Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Gelanggang Gasing Taman Peranginan Kampong Parit. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

- Majlis Pelancaran Buku 'Perjalanan Negara Brunei Darussalam Memasuki Alaf Baru' telah berlangsung di Kementerian Pembangunan pada 28 Ogos, 1999. Siapakah yang hadir seterusnya melancarkan majlis berkenaan pada tarikh tersebut?
a). Menteri Pembangunan.
b). Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
c). Menteri Perhubungan.
- Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hazair telah berkesudian hadir selaku tetamu kehormat di majlis Perasmian Kursus Sivik Penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam Seberang Laut pada 5 September, 1999. Di manakah majlis perasmian berkenaan telah dilangsungkan?
a). Rumah Persinggahan Kerajaan.
b). Pusat Persidangan Antarabangsa.
c). Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.
- Apakah tajuk 'Dari Sidang Pengarang' keluaran PELITA BRUNEI pada 8 September, 1999.

PAT-PAT GULAMBIR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan Pat-Pat Gulambir keluaran 2 Ogos, 2000 :

- A 2. A 3. Manusia Sering Menerima Ujian Daripada Allah.

PEMENANG PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN 2 Ogos, 2000.

NARRISA KOO
NO. 12 SIMPANG 23-20,
KAMPONG MANGGIS SATU, JALAN MUARA.
UMUR: 8 TAHUN
SEKOLAH TUNAS JAYA PGMB LAMBAK.

AWANGKU MOHD. HAFIZ BIN PENGIRAN
AMIRUL BUNGSU
NO. 3 SIMPANG 541,
KAMPONG PEGALAYAN, KAPOK MUARA.
UMUR: 7 TAHUN
SEKOLAH NUSA LAILA PUTERI, GADONG.

ABDUL MALIK BIN HAJI HAMZAH
NO. 8, SIMPANG 117,
JALAN BEBATIK KILANAS,
UMUR: 5 TAHUN
SEKOLAH TUNAS JAYA PGMB KAMPONG LAMBAK.

BORANG JAWAPAN PAT-PAT GULAMBIR 434

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai,
Pat-Pat Gulambir, 434,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Susu ibu sumber terbaik

TEMBURONG, 30 Julai. - Pengerusi Peraduan Kanak-kanak Sihat bagi Daerah Temburong, Dayang Zubaidah binti Salleh dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepada ibu-ibu supaya memberikan Susu mereka atau susu badan kepada anak-anak damit mereka kerana ianya merupakan salah satu sumber yang terbaik sekali dalam membantu pertumbuhan fizikal dan mental anak-anak damit mereka.

"Susu badan, selain mudah hadam dan sumber asli kurnia Ilahi adalah cukup berkhasiat mengandungi aneka jenis anti bodi yang boleh melindungi anak-anak damit dari pelbagai penyakit," jelas beliau.

Tambahnya, yang terpenting daripada semua itu adalah sebagai asas ke arah mengeratkan hubungan kasih mesra dan kasih sayang antara ibu dan anak, hubungan naluri yang sukar dimengertikan dan tak dapat dilahirkan, wujud dalam proses penyusuan anak-anak damit tersebut. Perhubungan itulah yang menjadi ikatan pertalian yang akan diwarisi oleh anak-anak sehingga membesar nanti secara kita sedari ataupun tidak.

Di samping pemberian susu badan, katanya, penjagaan rapi kepada anak-anak damit tidak juga kurang pentingnya kerana penyusuan dan penjagaan adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Dari itu para ibu hendaklah peka dan mengambil berat perkara itu dengan cara mematuhi apa jua nasihat doktor atau bidan-bidan yang telah diamanahkan untuk membantu ibu-ibu.

Beliau menyeru para ibu supaya tidak akan mengabaikan tanggungjawab mereka dan menggunakan segala kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan di seluruh negara.

Seramai 11 orang kanak-kanak damit di Daerah Temburong menyertai Peraduan Kanak-kanak Sihat yang dikendalikan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Cawangan Daerah Temburong bersempena dengan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun bagi Daerah Temburong yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan di sini.

Setiap tahun peraduan itu diadakan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para ibu bapa di daerah ini bahkan bilangannya dari setahun ke setahun bertambah.

Peraduan itu dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu bagi kumpulan 'A' berumur dari 6 hingga 9 bulan di mana juara dalam kumpulan ini disandang oleh Dayang Nurul Afifah Khairunnisa binti Bahrin, tempat kedua dimenangi oleh Awang Muhammad Nazirul Amin bin Norfaizan dan ketiga Awang Abdul Adib Ikhan.

Sementara dalam kumpulan 'B' berumur 9 hingga 12 bulan pula juara disandang oleh Awang Husnul Bazli bin Rosli, naib juara Dayang Nazatul Husna binti Haji Saifuzzaman

Oleh Aliddin HM

dan tempat ketiga Ak. Aqmar Fariduddin bin Pengiran Haji Saoda.

Dalam kumpulan 'C' yang berumur 12 hingga 18 bulan, juara disandang oleh Mohd. Muizzuddin bin Zamri, naib juara oleh Dayang Nur Qalbi binti Haji Mohd. Salleh dan tempat ketiga Mohammad Airudin Fakhruddin bin Mohammad Iasa.

Kumpulan 'D' yang berumur 18 hingga 24 bulan pula juara disandang oleh Muhammad Fakhri bin Jumat, naib juara Dayang Nurul Wahidatul Fakriyah binti Ashawary dan tempat ketiga Muhammad Amir Salihin bin Mohammad Josrey.

Penyampaian hadiah kepada kanak-kanak yang berjaya dalam peraduan itu telah disempurnakan oleh isteri Pegawai Daerah Temburong, Dayang Rogayah binti Haji Mohd. Daud selaku tetamu kehormat di majlis itu.

Peraduan itu antara lain bertujuan secara tidak langsung sebagai salah satu usaha ke arah menggalakkan para ibu untuk memberikan susu badan kepada anak-anak damit mereka.



PENGARAH Promosi Industri dan Kemajuan Pelancongan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Sheikh Jamaluddin ketika menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang dalam peraduan lomba bot laju dalam Pesta Sungai yang berlangsung di Sungai Temburong. - Gambar oleh Aliddin HM.

Pelbagai program disusun sempena Tahun Melawat Brunei 2001

Oleh Aliddin HM

TEMBURONG, 21 Julai. - Pelbagai program atau 'Calender of Events' telah disusun sepanjang Tahun Melawat Brunei 2001 yang melibatkan banyak pihak, baik dari sektor awam mahupun sektor swasta dalam sama-sama melaksanakan dan menjayakan acara-acara Tahun Melawat Brunei 2001 ini.

Sektor swasta dan persatuan-persatuan belia di negara ini diseru untuk bertindak selaku penggerak utama kepada setiap aktiviti yang direncanakan di samping lebih proaktif untuk merencanakan apa jua aktiviti bagi mendukung Tahun Melawat Brunei 2001 nanti.

Pengarah Promosi Industri dan Kemajuan Pelancongan, di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Sheikh Jamaluddin membuat seruan itu ketika menjadi tetamu kehormat di Majlis Pesta Sungai Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun bagi Daerah Temburong berlangsung di Sungai Temburong di sini.

Projek ini kata beliau, merupakan satu inisiatif kebangsaan yang akan menjadi pencetus pertumbuhan industri pelancongan di negara ini yang bertujuan untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam dengan lebih agresif dan meluas sebagai destinasi pelancongan terunggul di rantau ini.

"Ini adalah merupakan cabaran bagi kita semua yang perlu kita hadapi bersama dalam menuju kecemerlangan pelancongan di alaf baru," ujar beliau.

Pihak kerajaan jelasnya, selaku 'facilitator' akan sentiasa membantu dan mendukung apa jua kegiatan yang dilaksanakan oleh sektor swasta.

Temasya Pesta Sungai atau sukan lomba perahu dan motor atau bot laju yang dikenali sebagai lomba rising di kalangan para peminat yang menggemari acara tersebut setiap kali ianya diadakan apabila menjelang ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di daerah ini.

Ribuan orang ramai dari daerah lain di negara ini dan negara jiran datang berduyung-duyung membanjiri sekitar tebing Sungai Temburong untuk sama-sama menyaksikan Pesta Sungai yang diadakan itu.

Bagi mereka yang minat dan gemar dengan acara berkenaan tidak melepaskan peluang keemasan ini untuk mengambil bahagian dalam perlumbaan itu dan inilah masanya bagi mereka untuk melepaskan gairah dan menguji bakat dan kebolehan mereka dalam perlumbaan itu, nanti.

Pesta Sungai sehari suntuk itu keseluruhannya memuatkan lebih 30 acara termasuklah lebih 20 acara lomba bot laju atau rising yang mempunyai enjin 15 hingga 60 kuasa kuda.

Di samping itu para penonton di pesta itu dipelawa menyertai peraduan memancing terbuka serta dan kanak-kanak serta menuhup atap daun nipah tiga sekumpulan terbuka juga diadakan.

Kedua-dua acara tersebut mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada para penonton di Pesta Sungai di mana dalam acara menuhup atap daun nipah telah dimenangi oleh Mukim Amo, kedua Mukim Labu dan ketiga Mukim Bangar. Sementara dalam peraduan memancing udang dimenangi oleh Yusof Haji Saman, kedua Amran Parmyuh dan ketiga Osman Osmana manakala memancing ikan pula dimenangi oleh Nordin Tawi, kedua Mukim Amo, kedua Dk. Ambon Pengiran Tuah dan ketiga oleh Kalat Sayang.

Selain itu juga perlumbaan kayak bagi satu orang terbuka lelaki dan berkumpulan hanya bagi para penduduk Daerah Temburong sahaja.

Penyampaian hadiah pada hari itu telah disempurnakan oleh Pengarah Promosi Industri dan Kemajuan Pelancongan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohamed.



SEORANG pegawai perubatan ketika menguji kepintaran anak damit yang menyertai Peraduan Kanak-kanak Sihat yang dikendalikan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Cawangan Daerah Temburong. - Gambar oleh Halim HS.

Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Pesta Perayaan mendapat sambutan

TEMBURONG, 30 Julai. - Pesta Perayaan sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun bagi Daerah Temburong mendapat sambutan yang hangat daripada para penduduk di daerah ini.

Pesta yang diadakan itu melibatkan acara-acara sukan ria yang memuatkan acara bagi kanak-kanak, orang dewasa, mukim dan kampung, jabatan-jabatan kerajaan, terbuka kepada orang ramai dan acara bagi ahli Jawatankuasa Pesta Perayaan juga dipertandingkan sejak ia diadakan beberapa tahun yang lalu bagi menggantikan acara pesta karangan yang diadakan setiap tahun apabila tibanya hari perayaan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda bagi daerah ini.

Lebih 60 acara telah disusun oleh ahli Jawatankuasa Pesta Perayaan pada tahun ini.

Perlumbaan mountain bike yang diadakan pada setiap tahun ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada para peminatnya, sama ada tua ataupun remaja di daerah ini yang bermula di Kampong Selapon.

Satu lagi acara yang tidak kurang hebatnya mendapat sambutan daripada para pemi-

Oleh
Aliddin HM

natnya iaitu acara Mini Marathon bagi lelaki dan perempuan yang bermula dari

Kampong Negalang.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam kedua-dua acara ini telah disempurnakan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Adnan bin Haji Hanafiah.



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Adnan bin Haji Hanafiah dan isteri serta pegawai-pegawai kerajaan yang lain ketika hadir menyaksikan Pesta Perayaan sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-54 Tahun bagi Daerah Temburong. - Gambar oleh Halim HS.

PENTARAMA memberi kesedaran sivik

Oleh Aliddin HM

TEMBURONG, 21 Julai. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dalam meraikan dan memeriahkan lagi sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun bagi Daerah Temburong telah mengadakan persembahan projek PENTARAMA di Pentas Taman Perayaan di sini.

Projek PENTARAMA ini adalah singkatan penerangan melalui nyanyian, tarian dan drama adalah pentas drama bergerak yang berusaha kepada menyalurkan maklumat mengenai isu-isu

ehwal semasa di dalam kerajaan dan masyarakat kepada semua peringkat penduduk dalam suasana berhibur dan santai bersama keluarga, rakan-rakan dan masyarakat setempat pada amnya.

Projek Kerja PENTARAMA adalah di antara beberapa kegiatan tatap muka Jabatan Penerangan yang diharapkan akan dapat memberikan kesan positif ke arah mewujudkan kesedaran bermasyarakat dan bernegara di kalangan orang ramai.

Melalui gerak laku yang berunsurkan teater, orang ramai akan diketengahkan kepada masalah-masalah sosial yang perlu kita bendung bersama seperti penyalahgunaan dadah, pemugut, rasuah,

pendatang haram, penderaan kanak-kanak, alam sekitar dan lain-lain lagi.

Di samping itu juga melalui mesej dan tema yang disampaikan, masyarakat setempat juga akan dapat mengenal pasti nilai dan etika bermasyarakat dan bernegara yang perlu disemai dan dipupuk ke arah mewujudkan ketahanan nasional dan kesejahteraan rakyat iaitu seperti taat kepada raja, cintakan bangsa, negara dan agama, menghormati perlembagaan dan undang-undang negara perpaduan, sikap bertanggungjawab dan dedikasi dan saling hormat-menghormati serta pemedulian.

PENTARAMA juga adalah sebagai 'platform' kerajaan untuk memberi kesedaran sivik, bertatasusila kepada para belia terhadap bahaya-bahaya kegiatan antisosial dan menanamkan semangat cintakan kepada raja, bangsa dan agama.

Menerusi komunikasi yang berbentuk hiburan ini orang ramai didedahkan kepada budaya tempatan dalam bentuk tarian, nyanyian, lawak jenaka dan drama itu merupakan salah satu warisan dan identiti bangsa yang perlu dipelihara dan dipertahankan.

Sejak Jabatan Penerangan melancarkan Projek Kerja PENTARAMA, iaitu dalam bulan Julai 1988, sambutan orang ramai masih lagi menggalakkan yang terdiri daripada semua peringkat masyarakat seperti golongan orang tua, para belia dan kanak-kanak.

Pada malam itu saja persembahan PENTARAMA sangat mendapat sambutan daripada para penduduk di daerah ini dipenuhi oleh para penonton dan ada yang terpaksa menyaksikan secara berdiri kerana tidak ada tempat duduk.

Persembahan Projek Kerja PENTARAMA itu dijayakan bersama oleh RY Abad 21 Production yang memuatkan beberapa buah nyanyian, tarian, drama pentas, taridra dan lawak jenaka yang dijayakan oleh artis RY Abad 21 Production dengan iringan pan-caramag Punch Line.



TIMBALAN Pengarah Penerangan, Awang Haji Mohd. Salleh dan para pegawai kerajaan dari Jabatan Daerah Temburong dan Jabatan Penerangan serta para penduduk Daerah Temburong ketika menyaksikan Projek Kerja PENTARAMA yang diadakan di Pentas Taman Perayaan Temburong. - Gambar oleh Aliddin HM.



ACARA berlari dengan menggunakan guni mendapat sambutan daripada orang ramai di Pesta Perayaan di Daerah Temburong. - Gambar oleh Halim HS.



MENERUSI komunikasi berbentuk hiburan, orang ramai didedahkan kepada budaya tempatan dalam bentuk tarian, nyanyian dan lain-lain lagi. - Gambar oleh Aliddin HM.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin (empat dari kiri) ketika hadir di Majlis Doa Kesyukuran Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-54 Tahun yang berlangsung di kediaman Penghulu Mukim Berakas 'A', Awang Haji Ahmad bin Hussein. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



PENGARAH Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), Awang Haji Razali bin Mohd. Yusoff ketika berucap di Majlis Mesyuarat Agung Ke-14 Syarikat Kerjasama Mutikajaya, Kampong Pengkalan Batu. - Gambar oleh Hamadi HM.

Saiz modal tentukan keupayaan koperasi

Oleh Bolhassan HAB

PENGKALAN BATU, 28 Julai. - Modal merupakan faktor penting untuk membolehkan perkembangan dan kemajuan sesebuah koperasi, sama seperti dalam mana-mana perniagaan dan perusahaan.

Pengarah Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), Awang Haji Razali bin Mohd. Yusoff berkata, saiz modal yang dipunyai oleh sesebuah koperasi akan menentukan tahap keupayaan koperasi berkenaan untuk menjalankan sesuatu jenis atau saiz perniagaan.

"Koperasi yang mempunyai modal yang besar akan berpeluang untuk menerokai lebih banyak jenis perniagaan kerana modal memudahkan pelaburan," ujar beliau.

Ini bermakna skop atau peluang perniagaan tersebut adalah lebih luas berbanding dengan koperasi yang modalnya kecil. "Peluang perniagaan yang menguntungkan akan dapat direbut sesuai pada waktunya," katanya dalam Mesyuarat Agung Ke-14 Syarikat Kerjasama Mutikajaya, Kampong Pengkalan Batu hari ini.

Sehubungan itu, beliau menyeru ahli-ahli koperasi berkenaan agar mencari jalan untuk meningkatkan modal dengan memilih antara beberapa strategi yang bersesuaian.

Tambah beliau, modal dapat ditingkatkan dengan menarik lebih ramai anggota baru dengan memberikan keyakinan kepada umum bahawa koperasi terbahagi berkeupayaan untuk memberikan faedah kepada para ahli sama ada melalui keuntungan atau perkhidmatan yang ditawarkan.

Dalam pada itu, beliau juga menyarankan agar ahli-ahli koperasi supaya menghindarkan sikap 'acuh tak acuh' yang tidak mengambil berat tentang perkara-perkara bersabit dengan akaun kerana kesannya mungkin buruk.

Antara agenda mesyuarat yang berlangsung di Sekolah Rendah Pengkalan Batu ialah mengesahkan kunci kira-kira dan membubarkan serta melantik kesemua ahli-ahli jawatankuasa.

Doa kesyukuran sempena keputeraan

BERAKAS, 28 Julai. - Sejak 15 Julai lepas pelbagai acara dan persembahan telah diadakan bagi sama-sama memeriahkan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun.

Kemeriahan yang diadakan itu, jelas nyata ketara apabila ianya disambut di keempat-empat daerah di negara ini de-

Oleh Abu Bakar HAR

ngan pelbagai acara hiburan moden dan asli yang dipersembahkan dari pelbagai pihak.

Dalam menyambut kemeriah tersebut, upacara keagamaan juga tidak kurang mengambil tempat dalam sama-sama memeriahkan dan mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Allah.

Salah sebuah persatuan atau mukim yang tidak ketinggalan mengadakan majlis keagamaan ialah Mukim Berakas 'A' dengan mengadakan doa kesyukuran sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun yang berlangsung di rumah kediaman Penghulu Mukim Berakas 'A', Awang Haji Ahmad bin Hussein.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin antara yang hadir dalam majlis tersebut.

Menurut Awang Haji Ahmad, majlis tersebut adalah semata-mata mensyukuri nikmat Allah kerana melanjutkan usia baginda.

Tambahnya lagi, dengan adanya acara tersebut sedikit sebanyak dapat mengeratkan lagi perpaduan masyarakat di mukim tersebut di samping dapat menanamkan semangat kasih terhadap raja.

MENYUSUR MUKIM DAN KAMPUNG



165 murid hadir ceramah motivasi

Oleh Abu Bakar HAR

menjelaskan bahawa ceramah yang bertajuk 'Bina Insan Rabbani' itu merupakan salah satu kegiatan takmir masjid tersebut.

Katanya, inisiatif tersebut diadakan ialah untuk memperluaskan peranan masjid yang melibatkan semua pihak terutama masyarakat setempat di samping ianya dapat dimanfaatkan oleh pihak sekolah di sekitar masjid berkenaan.

"Selain daripada faktor-faktor genetik dan persekitaran kejayaan atau kekecewaan dalam pelajaran adalah bergantung kepada pendekatan dan teknik untuk menghadapi peperiksaan."

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Julai. - Sebagai usaha menakmirkan masjid, sesuai sebagai gedung ilmu dunia dan akhirat, pelbagai usaha yang berkecambah sedang dan telah dilaksanakan terutama bagi golongan masyarakat global.

Sebagai contoh kepada pelbagai usaha dan aktiviti yang dilaksanakan itu satu ceramah motivasi pelajar cemerlang telah diadakan di Masjid Kampong Tamoi yang disampaikan oleh Pegawai Agama, Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Mohd. Firdaus.

Seramai 165 orang murid yang akan menghadapi peperiksaan PCE dari tiga buah sekolah yang berasingan telah dijemput untuk mendengar ceramah yang bermanfaat terutama dalam membuat persediaan ketika menghadapi peperiksaan.

Daripada jumlah tersebut, seramai 31 orang murid dari Sekolah Rendah Haji Tarif, 22 dari Sekolah Rendah Benda-hara Lama dan 112 dari Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan.

Salah seorang peserta dari Sekolah Persediaan Arab, Da-yang Faehaz Fakriyah binti Haji Yunos menyatakan bahawa ceramah tersebut amat baik dan berguna terutama dalam menggalakkan para pelajar mencapai kejayaan yang cemerlang di samping dapat menimba pengetahuan yang baru.

Sementara itu, menurut salah seorang ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Tamoi, Awang Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman pula

Jelasnya lagi, ceramah itu merupakan kali kedua diadakan sebelum peperiksaan PCE dijalankan.

Atas usaha tersebut, tambah Awang Haji Abdullah, ahli jawatankuasa masjid tersebut telah menerima ucapan terima kasih dan penghargaan secara bertulis dari Sekolah Rendah Haji Tarif kerana telah mengadakan ceramah dan tuisyen sehingga sekolah berkenaan mencapai 100 peratus lulus di dalam peperiksaan PCE.

Kelas tuisyen yang diadakan sejak tahun 1999 dengan hasil yang sangat memuaskan itu, pada tahun ini aktiviti serupa telah diadakan lagi sejak hujung bulan Jun lepas sehinggalah ke hari-hari menempuh peperiksaan.

Hasil dari kejayaan mengendalikan motivasi tersebut, pihak

masjid telah dihubungi oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk mengendalikan motivasi yang sama dalam menghadapi peperiksaan bagi sekolah-sekolah rendah di seluruh Daerah Brunei 1 yang diadakan pada 12 Ogos ini nanti dan dianggarkan seramai 600 orang peserta menyertainya.

Antara matlamat motivasi tersebut diadakan ialah untuk membantu pelajar dalam memahami dan mengamalkan teknik belajar yang berkesan, dan membantu pihak sekolah terhadap teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan melalui ceramah yang diberikan serta sebagai motivasi kepada pelajar-pelajar supaya dapat memahami proses membentuk strategi belajar yang berkesan dan kemahiran dalam aspek yang tertentu.



PEGAWAI agama, dari Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Mohd. Firdaus ketika memberikan ceramah motivasi kepada para pelajar cemerlang. Majlis berlangsung di Masjid Kampong Tamoi. - Gambar oleh Abu Bakar HAR.



SETIAUSAHA Tetap (Kewangan dan Pembangunan) di Kementerian Pertahanan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman ketika memeriksa perbarisan rekrut lelaki bagi Pengambilan ke-111 yang telah menamatkan kursus mereka di upacara perbarisan tamat latihan yang berlangsung di Penanjong Garison. - Gambar oleh Ramli Tengah.

183 rekrut tamatkan latihan

Oleh Abu Bakar HAR

TUTONG, 4 Ogos. - Seramai 183 orang rekrut lelaki yang mengikuti latihan bagi pengambilan ke-111 menamatkan kursus mereka dalam upacara perbarisan tamat latihan yang berlangsung di Penanjong garison.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis di upacara tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan), di Kementerian Pertahanan Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman.

Mendahului upacara tersebut sebaik sahaja ketibaan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan ialah dengan menerima tabik panglima daripada rekrut-rekrut yang akan menamatkan latihan tersebut.

Ini diikuti dengan memeriksa perbarisan dan seterusnya persembahan perbarisan lalu dalam masa perlahan dan cepat.

Selama mengikuti latihan di markas tersebut, para rekrut telah diberikan latihan asas ketenteraan di samping didedahkan kepada perkembangan teknologi bagi menghadapi cabaran-cabaran alaf baru ini.

Menceburkan diri di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang penuh mencabar ini adalah bertujuan bagi menyahut seruan negara dalam mempertahankan keselamatan, kemakmuran serta kedaulatan negara yang dicintai.

Seramai empat orang rekrut dan seorang jurulatih menerima hadiah masing-masing yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Terpilih sebagai rekrut terbaik keseluruhan ialah 14593 Rekrut Abdul Rajid bin Haji Zainie dan 14481 Rekrut Azren bin Haji Safari muncul sebagai penembak rifle M16A2 terbaik.

Manakala jurulatih terbaik ialah 11399 Koperah Mohd. Morsidi bin Haji Mohd. Salleh, dan 14510 Rekrut Zaidi bin Binjai terpilih sebagai latihan jasmani terbaik. Sementara penembak HBAR terbaik dianugerahkan kepada 14515 Rekrut Ibrahim bin Haji Mohammad.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah ketika menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta yang mengikuti kursus pengimpalan dan rawatan kenderaan (kiri). Sementara gambar kanan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah dan Pengerusi dan Pengarah GHK Auto Assembly Sendirian Berhad, Pengiran Dato Paduka Haji Sharifuddin meninjau hasil pengimpalan dan rawatan kenderaan yang dilakukan oleh para peserta kursus. Majlis berlangsung di kawasan Industri Serasa. - Gambar-gambar oleh Halim HS.

TULISAN JAWI BOLEH JADI KEBANGGAAN

KUALA BELAIT, 3 Ogos. - Ketua Unit Latihan Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Matamit menyatakan beberapa masalah terdapat dalam penggunaan tulisan jawi sama ada dalam penulisan, mengeja dan membaca jawi di kalangan guru-guru mengajar, murid-murid atau penuntut sekolah.

Perkara tersebut katanya, sepatutnya diberi perhatian yang sepenuhnya bagi mengelakkan bercampur-aduknya penulisan, pembacaan dan

Oleh
Dk. Hj. Saidah PHOA

pengejaan di kalangan pengguna-pengguna tulisan jawi. Berucap selaku tetamu kehormat dalam Majlis Peraduan Tulisan Jawi yang diadakan di Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin di sini.

Bagi mengatasi masalah itu katanya, pelbagai inisiatif telah, sedang dan akan dilakukan antaranya mengadakan kempen tulisan jawi dari masa ke semasa melalui pertandingan tulisan jawi, mengadakan kursus jawi secara berterusan, menyebarkan tulisan jawi dengan tulisan Rumi dalam semua keadaan atau situasi dan mengadakan kelas tambahan atau tuisyen di luar waktu mengajar.

Katanya, penggunaan tulisan jawi boleh menjadi kebanggaan orang Melayu jika penghayatan ke arah inisiatif berkenaan dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna di negara ini.

Beliau menambah matlamat utama tulisan jawi diajarkan di sekolah-sekolah agama ialah melahirkan murid-murid yang boleh menulis jawi dengan berobjektifkan dapat mengenal kaedah tulisan jawi dan boleh menulisnya dengan betul dan cantik.

Tulisan jawi di negara ini adalah tulisan pertama dan utama digunakan di zaman silam sehingga pada tahun 1906. Pada waktu itu Jabatan Pelajaran Brunei telah memasukkan tulisan jawi sebagai pelajaran asas di sekolah-sekolah seluruh negara.

Tiga buah institusi atau jabatan kerajaan iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan dan Dewan Bahasa dan Pustaka memainkan peranan penting dalam menangani dan mengekalkan tulisan tersebut di negara ini.

Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam menubuhkan sekolah-sekolah agama di seluruh negara dan mengadakan tulisan khat ASEAN bagi menguatkan lagi penggunaan, penguasaan dan menyebarkan tulisan jawi di kalangan penduduk yang beragama Islam di negara ini dan mereka yang berminat dalam tulisan berkenaan.

Seramai 73 peserta terdiri daripada guru-guru agama, murid-murid sekolah termasuk mereka yang bukan beragama Islam dan kanak-kanak istimewa di Daerah Belait mengambil bahagian di peraduan berkenaan.

Peraduan dikendalikan oleh Jabatan Pengajian Islam bagi mengingati junjungan besar kita Nabi Besar Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman menyampaikan hadiah kepada salah seorang rekrut terbaik dalam pengambilan ke-111 itu. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Enam menerima sijil pengimpalan dan rawatan kenderaan

Oleh Abu Bakar HAR

SERASA, 1 Ogos. - Usaha meningkatkan kemahiran dan kebolehan merupakan salah satu usaha ke arah meningkatkan kualiti sumber manusia di negara ini.

Hasrat tersebut adalah sejajar dengan kehendak negara

yang akan menjadi pusat perkhidmatan pada tahun 2003 dan usaha tersebut adalah tepat pada masanya dalam usaha meningkatkan serta membangunkan kemahiran di semua bidang.

Salah sebuah perusahaan di

negara ini yang menyahut seruan tersebut ialah Perusahaan GHK Auto Assembly Sendirian Berhad iaitu dengan meng-

adakan majlis penyampaian sijil kemahiran kepada pekerja-pekerjanya di dalam bidang pengimpalan (welders) dan rawatan kenderaan.

Majlis yang berlangsung di kawasan Industri Serasa ini disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah.

Seramai empat orang telah menerima sijil bagi kursus pengimpalan, dan dua orang menerima sijil rawatan setelah mengikuti kursus selama seminggu pada bulan Jun yang lepas.

Hadir di majlis tersebut termasuklah Pengerusi dan Pengarah Urusan GHK Auto Assembly Sendirian Berhad, Pengiran Dato Paduka Haji Sharifuddin dan Goh King Chin.

GHK Auto Assembly yang dilancarkan pada 7 Mac, 2000 yang lalu telah mampu menghasilkan beberapa jenis kenderaan penghantaran komersil bagi pihak kerajaan dan sektor swasta seperti 'water tanker', 'rubbish collector' dan bas 45 orang penumpang bagi syarikat pengangkutan.



Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Sabah rebut Piala Pengiran Sanggamara

SERASA, 6 Ogos. - Pasukan Lumba Perahu Oriental, dari Sabah muncul juara bagi merebut Piala Pengiran Sanggamara Diraja di Kejohanan Lumba Perahu dan Motor Sangkut Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun, di sini.

Pasukan jempunan itu memenangi acara kemuncak lumba perahu fiber glass jempunan terbuka 20 pekayuh setelah mengalahkan Pasukan Gabungan Tiga Bersatu yang hanya menduduki di tempat kedua dan dari Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang tampil di tempat ketiga.

Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith yang juga selaku Yang Dipertua Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan telah melancarkan kejohanan berkenaan di Kompleks Sukan Air Serasa.

Sebanyak 12 acara lumba perahu terbuka dan jempunan dari negara Sabah dan Sarawak termasuk empat acara motor sangkut telah dipertandingkan pada kejohanan sehari suntuk itu.

Pasukan Lumba Perahu Mungkubung, Sabah membuka tirai kejohanan apabila muncul juara dalam acara 800 meter, perahu f. glass jempunan 10 Pekayuh, sementara Pasukan Syarikat Haji Abd. Rahman dan Pasukan Pekayuh Seri Sungai Asam masing-masing di tempat kedua dan ketiga. Hadiah bagi acara itu telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani.



PARA pemenang di Kejohanan Lumba Perahu dan Motor Sangkut Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun gembira dengan piala kemenangan masing-masing.



AWANG Tajul (tengah) menjuarai acara lumba motor sangkut 60 kuasa kuda perahu tambang 10 pusingan.

Oleh Samle HJ.
Gambar-gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM

Sementara itu, Pasukan Persatuan Lumba Perahu Seri Baru-Baru yang muncul johan dalam acara lumba perahu tradisi terbuka pula berjaya merebut piala sumbangan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin, manakala piala sumbangan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Adnan telah direbut oleh Pasukan Persatuan Lumba Perahu Mukim Saba (PERKASA) bagi acara lumba perahu f. glass jempunan 15 Pekayuh.

Bagi acara 800 meter, perahu f. glass antara kementerian-kementerian 15 pekayuh pula disandang oleh Kementerian Kesihatan dengan catatan 3.29 saat meskipun dibayangi oleh Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mana masing-masing menduduki di tempat kedua dan ketiga.

Lumba perahu tradisi 15 dan 25 Pekayuh telah dimenangi oleh Pasukan Persatuan Lumba Perahu Seri Baru-Baru, sementara Syarikat Haji Abd. Rahman juara bagi lumba perahu f. glass remaja 18 tahun 10 Pekayuh.

Kejohanan motor sangkut turut menyaksikan persaingan peserta dalam empat bahagian termasuk 60 kuasa kuda perahu tambang 10 pusingan; 40-50 kuasa kuda 10 pusingan dan acara 60 kuasa kuda 10 pusingan terbuka.

Awang Haji Md. Khadzairi menutup tirai kejohanan dengan bergaya apabila pecutan-

nya dalam lumba motor sangkut maraton terbuka berjaya menjulang kejuaraan selepas mengalahkan lapan peserta lain.

Kejohanan yang menarik minat ratusan pengunjung itu merupakan anjuran Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan bersempena dengan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika menyaksikan Kejohanan Lumba Perahu dan Motor Sangkut yang berlangsung di Kompleks Sukan Air Serasa. Juga kelihatan ialah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani.



PUAS ... Pasukan Lumba Perahu Mukim Saba (PERKASA) menjuarai lumba perahu fiber glass jempunan 15 pekayuh.



SEBAHAGIAN para peserta bersiap sedia sebelum pertandingan bermula. Kejohanan kali ini disertai sama para peserta dari Negeri Sarawak dan Sabah.

MAHA Suci Allah Azzawajalla. Maha Agung Tuhan Semesta. Segala yang berlaku adalah atas kehendak-Nya jua.

Malam itu aku sendirian di rumah. Terasa diriku dalam kesepian. Mardi kawan sekamarku belum pulang-pulang lagi sejak dia keluar petang tadi.

Aku tidak tahu ke mana dia pergi. Bila ditanya: Jumpa kawan, katanya. Tapi sehingga malam-malam begini dia belum juga sampai-sampainya.

Dalam aku memikir-mikirkan diri Mardi itu, alangkah terkejutnya aku bilamana mendapati seorang hamba Allah sedang tercegat di hadapanku.

Pandangan pantas bertembung sekian lamanya. Sedang di hatiku tersemat tanda tanya dan penuh rasa kehairanan.

"Kenal saya?" Katanya.

Sesungguhnya pertanyaan itu berkehendakkan penjelasan. Akan tetapi aku masih dalam kebingungan memikirkan manusia yang sedang berhadapan denganku itu.

Aku tidak tahu siapa manusia itu sebenarnya. Aku hanya diam. Terasa berat mulutku untuk berkata-kata.

"Tapi saya kenal anda!" Sambil senyum bersengaja. Ini jelas kulihat dari gelagatnya. Kemudian dia terus menyambung. "Kita pernah berjumpa dahulu. Apa, anda sudah lupa?"

Aku mengingat-ingatkan akan cakupannya. Benarkah aku pernah berjumpa dengannya? Bila dan di mana? Puas aku mencarinya, namun jawapannya tidak juga kuperolehi.

Mungkin dia salah orang. Atau mungkin juga aku sudah tidak perasaan lagi, agaknya. Boleh jadi dan mungkin saja.

"Memang manusia ini pelupa dan mudah pula melupakan," seperti dia berfalsafah. Hatiku terasa tersindir akan kata-katanya yang kudengar sebentar tadi.

Sungguh tajam menusuk di mindaku yang kerdil ini. Aku hanya diam walaupun hati ini terasa pedih. Kubiarkan dia berbicara terus-terusan.

"Ya, manusia ini sering alpa. Tapi tak apalah. Lupakanlah semua itu."

"Jadi?"

Sambil aku merenung wajahnya. Kutatap dari hujung rambut sampai ke hujung kaki. Tidak ada apa-apa kekurangannya.

Dia seperti aku. Seperti manusia-manusia lain yang tidak ada cacat celanya.

"Bagaimana kalau anda saya ajak berbicara?"

Harapannya kupenuhi. Sekilas hatiku mengatakan.

"Setuju."

Kemudian mengajak duduk setelah agak lama dia tercegat di hadapanku tadi. Kami duduk dan mula hendak berbicara.

Akan tetapi manusia itu belum lagi bersuara. Sejurus pandangannya dihalakan ke suatu sudut kemudian sekitar ruang bilik yang ada. Berikut baru terdengar suaranya.

"Kita hidup di dunia ini harus mencari sesuatu. Tahu apa sesuatu itu?"

Terasa berat aku memikirkan untuk mencari jawapannya. Soalan itu agak memusingkan kepalaku. Apa yang mesti aku katakan selain dari yang kusebutkan ini.

"Wang, kedudukan dan pangkat atau gelaran."

Dia menggeleng-gelengkan kepalanya. Mungkin di hatinya terfikir atau terkilau akan kebodohan diriku atas jawapan yang telah kuberikan tadi.

"Bukan." Katanya.

Aku diam. Kutunggu dia menerangkan terhadap apa yang akan dimaksudkannya.

"Keredaan! Manusia mesti

mencari keredaan Allah."

Mendengar penjelasan tadi, aku teringat akan kata-kata seorang ahli sufi wanita yang bernama Rabi'atul Adawiah.

Tujuan hidupku ialah mencari keredaan Allah. Di mana sahaja ditempatkan tetap kuterima dengan senang hati, kerana keredaan Allah itulah saja sebagai matlamat hidupku.

"Untuk mendapatkan keredaan Allah, manusia mestilah melakukan sesuatu itu dengan serela hati. Dengan jujur dan penuh tulus ikhlas. Pendek kata apa jua yang dikerjakan terutama perkara-perkara yang mendatangkan kemanfaatan bagi berkebajikan adalah kerana Allah jua. Bukan dengan lain tujuan atau semata-mata untuk mengharap ganjaran bagi mendapatkan nama atau harta benda dan sebagainya."

"Berbakti kepada negara kerana Allah."

Teringat aku akan tema

sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, beberapa tahun yang lalu yang pernah diadakan di negara kita ini.

"Semestinyalah begitu."

Dia membenarkan.

Kemudian berkata lagi. "Kepada Allah kita bertakwa dan beriman. Kita mesti menunaikan sembahyang lima waktu dalam sehari semalam. Kerana sembahyang itulah satu-satunya untuk mendampingkan diri kita secara langsung kepada Allah Subhanahu Wataala."

Aku pula membenarkan sambil mengangguk-anggukkan kepala. Persis burung bejatuk sedang menebuk tiang, kata orang.

"Anda tahu untuk apa kita mengerjakan suruhan dan menyinggalkan larangan Tuhan itu?"

Setakat itu dia berhenti bercakap. Wajahnya direnungnya

seketika. Meminta dan berharap. Ini dapat kupastikan.

"Kerana patuh akan perintah Allah yang Maha Kuasa." Tingkahku sekadar yang dapat kuperkatakan. Aku berharap semoga jawapan yang kuberikan itu memuaskan hendaknya. Mudah-mudahan.

"Ya."

Alangkah gembiranya hatiku mendengar pengakuan dari-Nya. Dia meneruskan lagi demikian katanya.

"Ya, semata-mata patuhkan perintah Allah Azzawajalla. Tapi bukan mengharapkan pembalasan baik dan takutkan azab-Nya. Kerana pembalasan Allah itu adalah kurniaan sahaja. Bukan sebagai satu kepastian bagi-Nya."

Bagiku betapa tinggi daya pemikirannya. Ini dapat kuyakinkan dari keseluruhan bicaranya yang sudah kudengar sejak dari awal-awal tadi.

Ini juga menyebabkan hati-

ku diselimuti oleh berbagai-bagai masalah. Akan tetapi semua masalah itu aku sendiri tidak dapat menyelesaikannya.

Ah, biarlah. Biarkan dia bicara lagi, aku mahu mendengarnya, bisikku. Tapi sebelum itu sempat pula aku mengajukan sesuatu kepadanya.

"Sesungguhnya Tuhan tidak pernah mengingkari janji-janji-Nya."

"Memang benar, Tuhan itu tidak pernah mengingkari janji-janji-Nya di dunia ini kepada hamba-hamba-Nya. Ini mesti diakui kebenarannya. Dan di akhirat kelak tempat pelaksanaannya."

Dia mengiakan di samping penerangan yang lanjut dari-Nya.

Aku diam dan mengakui cakupannya tadi. Dan sedang aku berkeadaan begitu, dia mengemukakan soalan pula.

"Anda tahu, mengapa pembalasan Allah itu bukan sebagai satu kepastian baginya?"

Aku hanya menggeleng-gelengkan kepala. Dia ini tentunya akan menampakkan ketololan diriku lagi kepada manusia itu. Aku mengakui sendiri.

Dan kukira adalah lebih baik mengaku atas kebodohan diri sendiri itu daripada berpura-pura dengan berlagak seperti seorang yang pintar dan



bijak.

Bila mendapati sekian lama aku dalam menyepikan diri, dia terus bersuara.

"Kerana Tuhan itu Maha Adil dan Pengampun sifat-Nya. Diberi-Nya kita peluang atau kesempatan untuk memperbaiki perbuatan kita yang sudah terlanjur. Supaya kita sedar dan benar-benar menginsafinya. Sebab itulah kita hidup ini perlu mencari keredaan. Keredaan-Nya. Agar di dunia dan akhirat nanti akan mendapat berkat dan rahmat."

Aku faham mendengar penerangannya seperti orang membaca khutbah yang agak panjang lebar itu. Dan ini kuanggap sebagai satu nasihat yang paling berharga dan tingginya.

Dalam pada itu, terfikir di hatiku yang amat mendalam

PUISI PUISI PUISI PUISI

GELANGGANG KE-20

Wajah kami tampak ceria
dimake up baru
di 'tar' rata
bisai dan lancar
berkibar bendera
di tiang merata
menanti pahlawan peresta
berjuang dalam dua puluh satu acara.

Didirikan kampung indah
agar segala berjalan mudah
kami turut terpegun
Perkampungan Sukan SEA siap terbangun.

Berduyun-duyun mereka datang berduyun
untuk menyaksikan dua puluh satu aksi
terhebat pasti.

Pada 7 Ogos, 1999
bermualah sebuah kisah
si Awang Budiman terserlah
semua peserta mula beraksi
berjuang dalam sembilan hari
15 Ogos, 1999 berakhir siri.

Berakhir bukan bererti habis
menang bukan mengangkat angkis
kalah air mata jangan sekali ditiis
pertalian sepuluh saudara
jalinan berbagai bangsa
dianyam rapat
gelanggang Sukan SEA Ke-20 tahun 1999
di Negara Brunei Darussalam tempat tepat
mengukuh dan mengerat sahabat.

MERDEKA

Kami tak pernah bertempur
bagai legenda Perang Kastila.

Kami tak pernah bertempur
bagai legenda Perang Dunia Kedua.

Kami tak pernah bertempur
bagai legenda di mana-mana.

Alhamdulillah
kami hanya berhimpit-himpit
di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali
Saifuddin
bertakafur, bersyukur
melaungkan Allahu Akbar
bersama Bapak Brunei Moden
yang terulung untuk dirista selama
di Hari Merdeka.

Kamar D51.

TEMPAT PERMAINANKU DULU

Suatu tika dulu
bumimu yang hijau kujerjak
berbunga tumbuh di dadamu bak hamparan
telapak kakiku basah
tika mengharungi anak sungaimu
aromamu menyegarkanku
aku berlari-lari di padang rumputmu
aku berteduh di bawah pepohon rendangmu
aku terhibur mendengar kicau burung
penghuni setia di daerahmu.

Tika kini tiada lagi
semua itu
kini bumimu yang gersang kujerjak
tanah kering berdebu di dadamu
juga bak hamparan tetapi kusut
tapak kakiku penuh selut dan lumpur
tika mengharungi bekas anak sungaimu
aku berlari-lari kini di padang pasir
aku berteduh kini cuma
di bawah awan kelabu
tetapi aku sungguh tak terhibur
mendengarkan jeritan jentolak
yang telah meranapkan jasadmu!

PERSOALAN SIRNA

Antara Timur dan Barat
angan menyapaku
menyedarkan dari timbunan
dedaun kering melemaskan.
Aku terjebak dalam sirna
purnama indah inginku
peluk
mawar nan harum

di puncak ancala
inginku petik ke dalam
jambangan
sedangkan dalam diam
aku menyedari aib diri
rupa diri bak padang pasir
kering dan kontang
tandus
Apakah kan tercapai
niat di jiwa?

Azri HMK.

BERJABAT TANGAN

Tangan dihulur
mengerat kasih
senyum sekuntum bunga mawar
membawa kenalan
di sini pertemuan
dua tapak tangan
jejari menggenggam erat
kita bukan bermusuhan
tetapi bersahabat.

Kita tidak lama bertemu
tetapi membawa kenangan
genggaman kuat
goncangan bertalu-talu
itulah kemesraan kasih
hati yang tulus
salam dari berjabat tangan.

Haji Sulaiman Haji Duraman.

JANGAN DITANYA

Jangan ditanya
jika tiada siapa peduli
segala harapan telah jadi bangkai
kecewa mati berkapanan.

Jangan ditanya
jika keadilan yang kita minta
semua palsu hanya harapan gila
melalui jalan raya dunia.

Jangan ditanya
jika tiada siapa yang ambil tahu
kita mabuk dengan harapan
segala kenyataan cuma di angin menderu.

Jangan ditanya
jika habuk-habuk debu bertaburan
menghempas meratap kita menunggu
hanya Tuhan saja yang tahu.

KELUHAN

Dari apa yang dirasa
hidup sekarang membayang di muka
sedang dunia sekarang bukan zaman batu
sudah kuat membawa tanda.

Aku tidak peduli dengan hukum-hukum pasti
manusia riuh dengan lakonan sendiri
sehingga semua lupa merayap raba
mencari tujuan.

Mengeluh jiwaku gelisah sukma
memang begini corak sekarang
ada yang gelak hanya pandang
dengan mata tiada hati
di dalam diri.

ESOK YANG GEMILANG

Ke mana hati memanjatkan harap
senyum adalah mengulum di bibir manis
mendambakan sejahtera
yang sekian lama ditimpa.

Dalam berdiri duduk
aku berdoa malam siang
mengharapkan hari esok yang gemilang
meragut segenap kemungkinan.

Tapi aku tak pernah berkata
dalam mengukur langkah kehidupan
di sebuah dunia sendiri
walau dadaku pernah ditikam segala
peristiwa.

Sehingga kini kepastian ini
belum pernah berakhir
kerana aku tahu penjelmaan hidup
selalu sahaja bermusim.

Alwi S.M.

DARI MUKA 13

akan kebenaran hadis Rasulullah
yang bererti:

Barangsiapa yang taat ke-
pada Nabi, sesungguhnya dia
taat kepada Allah. Lantas erti
hadis itu kuajukan kepadanya.

Secepat kilat dia men-
jawab.

"Benar!"

Lalu menyambung lagi.
"Dan betapa pula umat Islam
seluruh dunia setiap tahun
menyambut dan merayakan
hari kelahiran pemimpin
agung kita. Sama-sama meng-
ucapkan selamat dan salam ke atas
junjungan besar Nabi Muham-
mad Sallallahu Alaihi Wasal-
lam. Sama-sama mengenang-
kan kembali akan jasa-jasanya
dalam mengembangkan syiar
Islam. Agama Islam yang
maha agung lagu suci yang
kita anuti sekarang hingga ke
akhir zaman."

Bagiku bila manusia itu
menyambut tentang agama
Islam, terbayang aku akan satu
hakikat lagi, bahawa kejayaan
pemerintahan Islam adalah
hasil dari tiupan semangat
jihad dan dakwah yang dipelo-
pori sendiri oleh Rasulullah
dan para sahabat Baginda, se-
hingga agama Islam tersebar
perkembangannya.

Aku pasti tanpa Muham-
mad agama Islam tidak akan
wujud seperti yang ada kita
saksikan hari ini. Dan sesung-
guhnya jua Nabi Muhammad
Sallallahu Alaihi Wasallam itu
adalah pembawa rahmat dan
bahagia.

Sedang aku dalam menge-
nangkan tadi, tiba-tiba aku ter-
sentak mendengar suara dari
manusia yang tidak habis-
habisnya bercakap itu. Seperti
dia sedang mengingatkan, de-
mikian katanya.

"Sesungguhnya Tuhan
telah memberikan petunjuk
yang nyata."

"Dengan Al-Quran?"

"Ya, dengan kitab suci Al-
Quran. Baca dan fahamkanlah
segala isi yang terkandung di
dalamnya. Jadikanlah panduan
dan pedoman hidup ini. Agar
manusia tidak akan tersesat
jalan dan terkeluar dari batas-
batas kemanusiaan."

Aku membenarkan akan
kalimat-kalimat yang diucap-
kan oleh manusia yang mem-
buat aku masih lagi tertanya-
tanya itu. Akan tetapi mengapa
aku tidak berupaya untuk ber-
tanyakan mengenai dirinya
yang sebenar.

Tertutup rapat pintu hatiku
hendak melakukannya. Se-
baliknya pula aku tertarik akan
segala persoalan atau setiap
perkara yang telah dikemuka-
kan untuk dibincangkan de-
nganku.

Ya, walaupun aku cuma
sekali-sekala menyampuk da-
lam perbualan tersebut. Aku
menyadari akan kelemahanku
ini.

"Al-Quran juga sebagai
sumber utama untuk pedoman
umat Islam yang diturunkan
kepada Nabi Muhammad
Sallallahu Alaihi Wasallam di
dalamnya tertulis segala ajaran
Tuhan seru sekalian alam."

Aku faham akan maksud-
nya. Tapi aku tidak berkata
apa-apa. Sengaja kulakukan-
nya.

"Dari Al-Quranlah kita me-
ngenal apa yang disebut akidah
dan syariah. Anda tahu tentang
akidah dan syariah itu?"

Aku rasa pertanyaan yang
dihadapkan itu, agak sukar se-
kali aku untuk memberikan
jawabannya. Dan bila men-
dapati aku berkeadaan begitu,
dia tanpa silu-silu menjelaskan.

"Akidah satu kepercayaan
yang dituntut seseorang itu
percaya kepadanya tanpa syak
wasangka atau ragu. Semua
rasul-rasul yang diutus kepada
manusia dalam dakwah me-
reka, pada mulanya menitik-
beratkan akidah dan memasuk-
kan kefahaman serta keimanan
seseorang mengenai pengertian
akidah ini."

"Syariah?" Selanjutnya aku
ingin tahu sambil mengikuti
dengan penuh perhatian.

"Syariah merupakan
undang-undang yang diturunk-
an Allah untuk urusan manusia
sesama manusia di dunia ini.
Dalam Islam akidah adalah
 asas yang membina syariah.
Dan syariah itu ialah pancaran
dari kefahaman akidah untuk
dipraktik dan dihayati."

"Jadi akidah dan syariah itu
tidak dapat dipisahkan antara
satu dengan yang lain. Be-
gitu?" Seperti aku mahu tahu
aku menyaluki maksudnya.

"Memang betul. Kerana
bukanlah Muslim seseorang itu
namanya, kiranya ia hanya ber-
iman pada akidah sahaja dan
menafikan syariah. Atau ber-
iman pada syariah sahaja de-
ngan meninggalkan akidah.
Kita mestilah beriman pada ke-
dua-duanya sekali."

Demikian secara terperinci
dia menerangkan setelah ku-
minta tadi. Terasa puas hatiku.

Bagiku dari keseluruhan
bicaranya, seolah-olah mem-
beri ingatan untuk aku terus
menunaikan tanggungjawab
sebagai seorang hamba Allah
di dunia yang penuh dengan
dugaan dan cabaran ini. Ini
juga satu petunjuk untuk ma-
nusia mengabdikan diri dalam
menuju ke jalan Allah yang
diredai-Nya.

Berikut dengan itu juga,

timbul satu kesimpulan di hati
kecilku pula. Sentiasalah
mengingati Allah dengan
Al-Quran. Dan sesungguhnya
juga Al-Quran itu merupakan
 lambang keimanan.

Dalam aku berfikir-fikir
tadi, kedengaran suaranya lagi
seperti mengingatkan sesuatu
kepadaku.

"Dunia ini hanya untuk
sementara dan akhirat itulah
akhirnya. Dari itu sehari kita
melangkah dalam hidup ini
ingatlah akan mati sekali. Su-
paya bekal ke sana bertambah
banyak disediakan."

Aku mengiakan sambil hati
kecilku berbisik. Sesungguh-
nya tidak ada perjalanan selain
dari menuju-Nya. Dan kita ini
adalah milik-Nya.

Sampai situ dia diam. Tiba-
tiba kulihat dia sudah bungkas
dari duduknya untuk beredar.
Akan tetapi sebelum itu sempat
pula aku mendengar kalimat-
kalimat darinya.

"Maaf, saya terpaksa pergi
sekarang. Kita pasti akan ber-
jumpa lagi di suatu ketika
kelak. Di Padang Mahsyar!"
Begitu katanya.

Aku faham terhadap yang
dimaksudkannya. Bahawa di
Padang Mahsyar itulah nanti
merupakan tempat perhimpun-
an manusia yang dihidupkan
semula oleh Allah setelah mati.

Manusia akan ditentukan
sama ada ke syurga atau ke
neraka. Semuanya ini akan ter-
jadi setelah berlakunya Hari
Kiamat.

Dan kita sebagai orang
Islam wajib percaya adanya
Hari Kiamat. Kerana kiamat
tetap akan berlaku dengan
tidak ragu-ragu lagi, walau
tidak diketahui bila masanya.
Perkara ini hanya berada dalam
pengetahuan Allah Subhanahu
Wataala sahaja.

Manusia itu terus berjalan
ke arah yang mahu ditujunya.
Aku memanggilnya dengan
sekuat-kuat suara yang ada
supaya dia menunggu. Tapi dia
tidak menghiraukan lagi. Dia
sudah menghilang di balik
tabir malam.

Aku terjaga setelah dike-
jutkan oleh Mardi. Rupanya
aku sedang bermimpi diper-
temukan dengan seorang
hamba Allah. Dan dari segala
percakapannya yang banyak
merupakan nasihat dan peng-
ajaran yang bermanfaat itu
membuat hatiku masih ter-
ingat-ingat dan tertanya-tanya
akan manusia itu sebenarnya.

Siapa dia?

"YA, dengan kitab suci Al-Quran. Baca dan fahamkanlah segala isi yang terkandung di dalamnya. Jadikanlah panduan dan pedoman hidup ini. Agar manusia tidak akan tersesat jalan dan terkeluar dari batas-batas kemanusiaan."

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN



PEMANGKU Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Paduka Awang Haji Ibrahim ketika menyampaikan piala kepada ketua pasukan Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB), Mejar Haji Harith bin Haji Abdul Karim yang muncul juara keseluruhan Perlindungan Kemahiran Menembak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AFSAAM 2000) yang berlangsung di Penanjong Garison. - Gambar oleh Harun HR.

Hamdani terus unggul

Oleh Abdullah Asgar

HAMDANI Haji Besar juara lagi Perlumbaan Rentas Desa Mountain Bike anjuran Persatuan Angkatan Melayu Danau bersempena sambutan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun.

Perlumbaan yang diadakan di kawasan sukan persatuan itu, mendapat sambutan lebih dari 100 pelumba-pelumba dan peminat-peminat sukan tersebut yang termasuk antaranya bekas-bekas pelumba kebangsaan yang dahagakan perlumbaan dan kejohanan.

Tempat kedua, Chueng Chui Lee, sementara tempat ketiga, Chung Kwei Ming. Manakala bahagian junior, pertama, Md. Shafei Haji Osman; kedua, Md. Norazizul Awang dan tempat, ketiga Md. Asmirullizan Haji Md. Arif.

Sementara itu, dalam bahagian berkumpulan pertama, Pasukan Volvo Cannondale; kedua, Pasukan Pirana 'A' dan ketiga, Perusahaan Seri Melati 2.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Adina Haji Osman.



PERLUMBAAN Rentas Desa Mountain Bike anjuran Persatuan Angkatan Melayu Danau sempena Hari Keputeraan. - Gambar oleh Haji Mesmaiah HMA.

ATDDDB juara AFSAAM 2000

PENANJONG, 2 Ogos. - Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB) muncul juara keseluruhan dalam Perlindungan Kemahiran Menembak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AFSAAM 2000) dengan mengutip 95 mata bagi menewaskan empat unit besar yang lain di ABDB.

Tempat kedua Pusat Latihan ABDB dengan 69 mata, sementara ketiga Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) mengutip 61 mata. Manakala bagi keseluruhan rifle berpasukan, juga dijuarai oleh ATDDDB kerana berjaya mengumpul 30 mata, Pusat Latihan ABDB tempat kedua 31 mata serta ATUDB di tempat ketiga dengan 26 mata.

Pemangku Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Paduka Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohammad menyampaikan hadiah di Padang Tembak Binturan di sini.

Dalam perlawanan dwitahunan, penembak dari Pusat Latihan Pegawai Waran II (PW2), Awang Padan bin Brauk telah dipilih sebagai penembak terbaik keseluruhan dengan kumpulan mata 495, sementara kedua Koperil Awang Hanafi bin Haji Abdul Hadi mewakili ATDDDB dengan 419 mata, manakala Sarjan Awang Abdul Hafiz bin Abdullah penembak dari ATDDDB di tempat ketiga dengan 416.8 mata.

Selain dari bertanding di peringkat AFSAAM dan BISAAM (Brunei International Skill at Arms Meet), PW2 Padan juga pernah mewakili ABDB di peringkat serantau dan antarabangsa antaranya kejohanan ASEAN di Republik Singapura, Malaysia, Hong Kong dan Australia yang mana dalam kejohanan ini beliau beberapa kali muncul juara dan naib juara.

Mengikut penjelasan daripada Pengerusi Jawatankuasa Perlindungan Kemahiran Menembak AFSAAM 2000, Leftenan Kolonel Awang Hasnan bin Haji Abdullah kepada PELITA BRUNEI mengatakan, perlawanan kali ini dapat mencapai harapan yang diperlukan.

Menurutnya ianya telah dapat mengenaikan cara-cara menembak yang begitu kompetitif dan mempunyai mutu yang tinggi serta telah berjaya mengenaikan penembak-penembak baru yang berpotensi.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Sumadi bin Sukaimi melancarkan Pesta Sukan 2000 (PESSOM) Kali Pertama Bagi Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-maktab Seluruh Negara. - Gambar oleh Halim HS.



PESTA Sukan 2000 anjuran Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan dijangka dapat melahirkan lebih ramai atlet yang berprestij. - Gambar oleh Halim HS.

Penembak berpotensi berjaya dilahirkan

Oleh Abdullah Asgar

Di samping itu, katanya, buat kali pertama, Kompeni Askar Wanita diserapkan dalam perlawanan tahun ini, di mana mereka ini dikira sebagai penembak-penembak yang bermutu tinggi walaupun bersaing dengan penembak lelaki.

Tambahnya, dengan kemajuan pencapaian ini menunjukkan komitmen ABDB bagi melahirkan

kan tumpuan kepada semua aspek ketenteraan terutamanya dalam segi ilmu ketenteraan di semua lapangan dalam ABDB.

Mengulas akan persiapan ABDB bagi menghadapi BISAAM yang akan datang, beliau menjelaskan, ABDB akan terus mengadakan latihan secara berterusan dan berkelompok dalam unit masing-masing yang mana mereka ini akan menumpukan latihan yang padu khususnya bagi mereka yang terpilih untuk mewakili ABDB.

PESTA SUKAN 2000 DILANCARKAN

Oleh Haji Ahmad HS

PESTA Sukan 2000 (PESSOM) Kali Pertama Bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Seluruh Negara dilancarkan di Stadium Negara Hassanah Bolkliah pada 7 Ogos lalu.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Sumadi bin Sukaimi melancarkan Pesta Sukan tersebut.

Dianjurkan oleh Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Pesta Sukan itu bertujuan melahirkan atlet yang mempunyai prestasi yang terbaik dan kental dalam bidang sukan dan olahraga. Pesta tersebut dijangka diadakan dua tahun sekali.

Membuka tirai pembukaan rasmi Pesta Sukan itu, ialah perlawanan akhir bola sepak dalam kumpulan 'B' antara Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait dan Sekolah Menengah Sayidina Abu Bakar, Lambak Kanan.

Dalam perlawanan itu, Sekolah Menengah Perdana Wazir berjaya menjinakkan Sekolah Menengah Sayidina Abu Bakar dengan tendangan penalti, 3 berbalas 2 setelah kedua-dua pasukan seri 0 - 0 babak pertama dan kedua.

Hadiah-hadiah bagi perlawanan itu disampaikan oleh tetamu kehormat yang juga berkesudian menyaksikan kejohanan olahraga acara trek iaitu 4 x 100 meter saringan.

Pesta Sukan tersebut berjalan selama lapan hari bermula hari ini sehingga 13 Ogos ini. Beberapa acara trek dan padang dan dalam dewan juga berjalan mengikut jadual yang telah diatitkan.

Acara-acara yang dipertandingkan ialah bola sepak, sepak takraw, bola jaring, badminton, bola tampar dan hoki.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN

Oleh Samle HJ

PEMAIN lelaki negara, Amran Kamar muncul juara perseorangan lelaki Kejohanan Badminton Kebangsaan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas.

Pemain nombor satu negara berjaya membawa pulang hadiah bernilai \$1,500.00, trofi dan reket badminton selepas mengalahkan rakan searena Mohd. Junid 15-13 dan 15-2.

Amran memulakan cabaran dengan aksi menarik dan memiliki kekentalan pertahanan sambil melepaskan smash tajam ke sudut kiri dan kanan. Permainan jaring dan 'drop shot' yang mengelirukan kerap menjadi kelebihan untuk Amran mengutip mata sekalipun menerima persaingan hebat sehingga menutup set pertama dengan 15-13.

Set kedua pula terus menyaksikan keunggulan Amran memamerkan persembahan yang bermutu, selaku pemain terbaik negara. Sekalipun pengalaman lawannya hampir sama, kerakusan Amran terus menghukum Mohd. Junid untuk menjulang juara perseorangan.

Sementara, Jah Siti Rogaya pula terpaksa tunduk kepada Esther Loh yang bermain dengan tenang sekalipun diajak hingga tiga set bagi perseorangan wanita akhir.

Esther Loh mengalahkan pemain pilihan, Fauziah pada separuh akhir mengulangi keunggulan dengan kebangkitan di set terakhir dengan menang bergaya 11-8, 7-11 dan 11-2 untuk memperolehi \$1,000.00, trofi dan reket badminton.

Awal dari itu, pasangan bergu campuran pilihan, Zailani Yui/Fauziah Salleh yang mara dengan mudah hampir terus memastikan gelaran juara sekalipun kalah pada set pertama. Kebangkitan pasangan kebangsaan di set kedua dan ketiga sekaligus membolehkan mereka menggondol wang tunai \$1,200.00.

Sementara pasangan, Abdul

Kejohanan Badminton Kebangsaan

Amran juarai perseorangan lelaki

Ghaffar Obby/Esther Loh memberi saingan bagaimanapun hanya mampu sebelum berpuas hati selaku naib juara dengan hadiah wang tunai \$600.00.

Bergu wanita pula menyaksikan pasangan, Fauziah Salleh/Zamiah turut mencatat kejayaan setelah menumpaskan pasangan Loh/Catherin Chin dengan 15-8, 15-7 manakala pasangan Ermadena/Jailani turut mencipta keunggulan selaku juara bergu lelaki.

Juara bergu lelaki menerima hadiah sebanyak \$1,800.00 dan bergu wanita pula menerima wang sejumlah \$1,200.00.

Timbalan Pengerusi Eksekutif, QAF Brunei Sendirian Berhad, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi yang juga selaku Penaung Jawatankuasa Tertinggi Kejohanan menyampaikan hadiah kepada pemenang bahagian bergu lelaki.

Hadiah pemenang bagi perseorangan lelaki telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman.

Kejohanan selama enam hari itu adalah merupakan bersempena perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang disertai oleh rakyat tempatan dan penduduk tetap.

Kejohanan anjuran Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan dan Ko-Kurikulum itu dihasratkan bagi menggalakkan dan sebagai motivasi pemain badminton tempatan sebagai latihan di samping bagi meningkatkan permainan mutu badminton di negara ini.

Sebanyak lima kategori telah dipertandingkan dan disertai oleh 29 pemain bagi perseorangan lelaki; 8 perseorangan wanita; 21

bergu lelaki dan 13 bergu wanita dan 13 bergu campuran itu bersaing merebut hadiah sejumlah \$11,825.00 keseluruhannya.



TIMBALAN Pengerusi Eksekutif QAF Brunei Sendirian Berhad, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi yang juga selaku Penaung Jawatankuasa Tertinggi Kejohanan menyampaikan hadiah kepada pemenang Bergu Lelaki, Ermadena dan Jailani. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



ESTHER LOH pemenang perseorangan wanita di Kejohanan Badminton Kebangsaan setelah mengalahkan Jah Siti Rogaya (kiri) dengan keputusan 11-8, 7-11 dan 11-2. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



AWANG Amran Kamar, juara perseorangan lelaki Kejohanan Badminton Kebangsaan menerima hadiah dan cek bernilai \$1,500.00 daripada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Keputusan penuh

Perseorangan lelaki: Amran Kamar kalahkan Mohd. Junid 15-13, 15-2.

Perseorangan wanita: Esther Loh kalahkan Jah Siti Rogaya 11-8, 7-11, 11-2.

Pasangan bergu campuran: Zailani Yui/Fauziah Salleh kalahkan Abdul Ghaffar Obby/Esther Loh 17-15, 15-6, 15-9.

Bergu wanita: Fauziah Salleh/Zamiah kalahkan Esther Loh/Catherin Chin 15-8, 15-7.

Bergu lelaki: Ermadena/Jailani kalahkan Fadzli/Zailani 15-10, 15-10.

Oleh Hj. Ahat HI

Mohd. Shawall juara Open Master

MOHAMMAD Shawall bin Haji Mustapha muncul sebagai juara Open Master Kejohanan Ten Pin Bowling bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun.

Mohammad Shawall yang juga pemain pilihan, menum-

paskan Abdul Manaf Mohammad melalui kiraan tipis dalam pertarungan akhir di Pusat Utama Bowling Jalan Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Selain menjuarai Open Master, Mohammad Shawall juga muncul sebagai pemenang

High Series dengan catatan 717.

Pemenang ketiga Open Master disandang oleh Ibrahim Haji Ahmad, manakala Mahali Haji Abdul Rahman menduduki tempat keempat, Ibrahim juga muncul sebagai pemenang High Game.

Sementara itu, Pasukan Hayat Bowlers yang diwakili oleh Pengiran Hajjah Rokiah, Ibrahim Ahmad, Pengiran Hassanah, Haji Anwar dan Zazi Sinah muncul sebagai juara berpasukan dengan keseluruhannya mencatatkan 3,008 pin falls.

Tempat kedua ialah Pasukan Demon R yang menjatuhkan 2,910 pin falls, ketiga Pasukan HJR yang menjatuhkan 2,869 pin falls.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Pegawai Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin.



MENDAPAT SAMBUTAN Warga tempatan berminat menyertai Open Master Kejohanan Ten Pin Bowling dengan memperlihatkan permainan yang cemerlang. - Gambar oleh Amat HM.

ATPBDB juara Badminton Berpasukan

Oleh Haji Ahat HI

ANGKATAN Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) muncul sebagai juara Kejohanan Badminton Berpasukan Peringkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) selepas menang tipis menumpaskan Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB) dalam perlawanan akhir di Dewan Gerak Badan Angkatan Tentera Laut Muara.

ATDDDB selaku juara bertahan bermain cukup cemerlang dan pada perlawanan game pertama dan kedua dan hanya tewas tipis 3-2 pada perlawanan penentuan selepas kedudukan terikat 2-2.

Terdahulu sebelum itu pada perlawanan bergu kedua pasukan bermain berhati-hati dengan masing-masing cuba untuk mendapatkan mata pertama bagaimanapun, barisan pemain ATDDDB lebih ber-

nasib baik mendahului juara bertahan itu untuk muncul menyandang juara.

Selain ATPBDB dan ATDDDB, kejohanan tahunan untuk meningkatkan mutu permainan badminton di kalangan angkatan tentera itu juga disertai oleh Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei dan Pusat Latihan ABDB.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Pemangku Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral Dato Paduka Awang Haji Ibrahim di akhir perlawanan.



ATPBDB dan **ATDDDB** berentap dalam perlawanan akhir Kejohanan Badminton Berpasukan Peringkat ABDB yang berkesudahan ATPBDB muncul juara dengan kiraan 3-2. - Gambar oleh Amat HM.



TAHUN 45

BILANGAN 33

RABU 16 OGOS, 2000

1421 جمادي الأول، 16 رابو

PERCUMA

JADUAL PENUKARAN KAD PENGENALAN BRUNEI LAMA KEPADA KAD PENGENALAN PINTAR

JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan memaklumkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraihan (1) bab 5A dari Akta Pendaftaran Kebangsaan, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menentukan bulan-bulan yang dinyatakan dalam ruang pertama jadual di bawah ini sebagai tempoh orang-orang yang ada memiliki kad pengenalan dengan nombor-nombor yang dinyatakan dalam ruang kedua mendaftar semula di bawah akta tersebut.

Sehubungan dengan ini, maka adalah dinasihatkan kepada orang ramai supaya akan dapat mengambil perhatian terhadap giliran untuk membuat pendaftaran semula kad pengenalan masing-masing.

Adalah juga seterusnya dimaklumkan bahawa pendaftaran bagi mereka yang baru mencapai umur 12 tahun adalah berjalan seperti biasa.

KAD PENGENALAN KUNING

Bulan	Nombor
Ogos 2000	000001 - 013801
September 2000	013802 - 026402
Oktober 2000	026403 - 039003
November 2000	039004 - 051604
Disember 2000	051605 - 063005
Januari 2001	063006 - 075606
Februari 2001	075607 - 080000
Mac 2001	110001 - 122601
April 2001	122602 - 130000
Mei 2001	250001 - 262600
Jun 2001	262601 - 275201
Julai 2001	275202 - 287802
Ogos 2001	287803 - 300403
September 2001	300404 - 313004
Oktober 2001	313005 - 325605

KAD PENGENALAN UNGU

Bulan	Nombor
Ogos 2000	080001 - 084601
September 2000	084602 - 088802
Oktober 2000	088803 - 093003
November 2000	093004 - 097204
Disember 2000	097205 - 101005
Januari 2001	101006 - 105206
Februari 2001	105207 - 109007
Mac 2001	109008 - 110000
April 2001	200001 - 204201
Mei 2001	204202 - 208402
Jun 2001	208403 - 212603



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH (BAHAGIAN MINUMAN KOTAK) BAGI TEMPOH DUA TAHUN

Syarat-syarat, Panduan dan Maklumat :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membekalkan Rancangan Pemakanan Sekolah bagi tempoh 2 tahun.
2. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada penduduk yang tinggal di daerah tempat sekolah berkenaan dan keutamaan kepada penduduk mukim-mukim yang berdekatan dengan sekolah berkenaan.
3. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan atau syarikat-syarikat swasta yang ada hubungkaitnya dengan kerajaan iaitu Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airlines (RBA) dan seumpamanya tidak diterima.
4. Cagaran tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah (Bahagian Minuman Kotak) sebanyak \$200.00 bagi tiap-tiap satu Blok.
 - 4.1 Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa pembayaran.
